

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

SHAH ALAM, 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat belas pada 11 November 2019 dimulakan dengan bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera, selamat pagi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Hulu Bernam. Tak hadir.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat Tuan Speaker, aturan 24 (2).

TUAN SPEAKER : Saya tak benarkan, silakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : HALAL INTERNATIONAL SELANGOR (HIS)

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status program Halal International Selangor (his) di dalam dan luar negeri?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Tuan Speaker, Pada masa ini, program – program Halal International Selangor yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

i. Halal Technical Competent Person (HTCP)

- Program Halal International Selangor kini telah dilebarkan kepada penggunaan IR 4.0 bagi usahawan-usahawan yang ingin menceburi industri Halal. Ini adalah program lain yang diperkenalkan selain daripada program latihan Halal Technical Competent Person (HTCP).
- Selain daripada itu juga, program HTCP dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor yang mensasarkan anak-anak Asnaf telah berjaya

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Mereka terdiri daripada graduan-graduan Kejuruteraan, Syariah, Sijil Tinggi Agama, Bioteknologi, Teknologi Maklumat, Teknologi Makanan dan Persuratan Melayu.

- Sebanyak 80% daripada anak-anak Asnaf ini berjaya mendapat kerja selepas menjalani program latihan HTCP selama dua bulan manakala baki 20% telah meneruskan pengajian mereka.
- Bagi program-program di luar negara pula, latihan HTCP dalam pemahaman serta teknikal bagi industri halal diberikan kepada pemain industri di Vietnam dan Brunei. Ini adalah langkah pertama bagi menarik minat lebih ramai menceburi bidang halal ini.

Sumber : Halal International Selangor (Aspire Flagship Sdn. Bhd.)

ii. Certification Readiness Assessment (CRA)/ Penilaian Kesiapan Pensijilan Halal

- Certification Readiness Assessment (CRA)/ Penilaian Kesiapan Pensijilan Halal merupakan satu sistem dalam talian yang dibangunkan oleh Aspire Flagship Sdn. Bhd. melalui rundingan bersama SIRIM STS Sdn. Bhd. Sistem penilaian sendiri ini bertujuan untuk menjalankan analisis jurang (gap analysis) dengan izin bagi membantu pemain industri terutamanya para usahawan yang berminat mendapatkan pensijilan halal.
- Sistem CRA merangkumi tiga sektor utama iaitu Makanan dan Minuman, Kosmetik dan Farmaseutikal. Setiap pengguna perlu menjawab set soalan berkaitan pematuhan halal, keselamatan dan aspek-aspek toyyiban (sebagai contoh, kebersihan dan amalan terbaik dalam industri). Setelah itu, satu laporan lengkap akan dikemukakan serta-merta sebagai satu rujukan atau penanda aras tahap kesiapan syarikat dalam mendapatkan pensijilan halal.
- Sistem Certificate Readiness Assesment (CRA) bukan sahaja mudah diakses malah berpatutan dan berupaya mengelakkan risiko kes-kes membabitkan konsultan halal yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap pengusaha dengan mengenakan caj yang terlalu tinggi dan tidak munasabah.
- Sehingga kini, program-program HIS telah menjangkau lebih daripada 1,000 peserta yang didedahkan kepada latihan Halal Technical Competent Person (HTCP) dan Certificate Readiness Assesment (CRA). Peserta-peserta ini terdiri daripada pemain industri, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, penguatkuasa serta jurulatih-jurulatih kursus.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

- Daripada jumlah ini, sebanyak 50% adalah pemain industri, 35% adalah pelajar-pelajar selebihnya adalah penguatkuasa dan jurulatih kursus. Mereka telah dilatih bagi meningkatkan pemahaman industri halal serta juga menekankan kemahiran teknikal dalam bidang yang berkaitan seperti makanan dan minuman, farmaseutikal, pengauditan dan sebagainya.

iii. Manakala, latihan bagi penguatkuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Halal Ehwat Pengguna dapat membantu pengawai-pegawai melakukan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 bagi perakuan dan penandaan halal. Kesemua pegawai yang hadir adalah mewakili cawangan-cawangan negeri. Terima kasih.

Y.B. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Sijangkang.

Y.B. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Apakah status Program Halal Technical Competent Person (HTCP) dan juga Halal Professional ataupun Halal Auditor yang diadakan di Submer antara Halal International Selangor dan juga Queensale dan juga antara Halal International Selangor dengan National University Taiwan yang pernah ada MOU dulu. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Tuan Speaker, berkenaan kerjasama dengan Taiwan tidak ada kemajuan kerana, Taiwan juga sedang membangunkan system mereka sendiri. Jadi dari situ, kita akan melihat, akan menjawab semula bagaimana bentuk kerjasama antara (HIS) dengan pihak Taiwan. Sementara itu, dengan tempatan untuk penilaian perkembangannya atau kemajuannya masih dalam penilaian.

TUAN SPEAKER : Soalan 83 Yang Berhormat Kota Damansara telah, sudah di jawab pada 3 November yang lalu.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tuan Speaker, maaf Tuan Speaker, saya ada soalan tambahan yang nombor 83. Satu soalan tambahan saja.

TUAN SPEAKER : Sudah di jawab, tak boleh. Saya tidak benarkan. Saya persilakan Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 84.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAU WENG SAN (N52 BANTING)

TAJUK : SSDU DAN KAWALAN PENCEMARAN

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dalam mengesan dan membendung pencemaran air sungai dan pencemaran udara, khususnya yang berpunca daripada pembakaran terbuka? Senaraikan teknologi yang telah diguna dan kos yang terlibat untuk tujuan ini?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Pada ketika ini SSDU mempunyai keupayaan untuk mengesan perubahan kualiti udara PM2.5 secara masa bena (*real Time*) menerusi pemasangan sensor Indeks Kualiti Udara (AQI). Dimana 49 ke lokasi telah pun di pasang di seluruh Negeri Selangor. Sehingga kini, inisiatif pemantauan kualiti udara ini melibatkan kos banyak RM395 ribu yang meliputi pembelian sensor, langganan perkhidmatan data, pertauliahkan, kontraktor untuk pemasangan dan juga penyelenggaraan sensor serta pembinaan online portal.

Untuk pemantauan pencemaran air sungai, SSDU telah pun memasang satu unit sensor kualiti air di sungai Klang yang di operasikan Landasan Lumayan Sdn. Bhd. Projek pemasangan dan pemantauan kualiti air Selangor semasa bena iaitu (*real time*). Ini melibatkan kos sebanyak RM100 ribu yang meliputi pemasangan sensor, rangkaian internet, kamera cctv, berasaskan solar dan pembinaan platform.

Saya rasa ini berupaya merekodkan bacaan-bacaan untuk enam para meter yang boleh di gunakan untuk menentukan Indeks Kualiti Air (WQI). Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya terima kasih kepada jawapan bekalkan tadi. Saya pergi ke pencemaran air, di mana dinyatakan bahawa RM100 ribu telah pun di belanjakan untuk pemasangan sensor dan infrastruktur yang berkaitan di sepanjang sungai Klang. Jadi, saya ingin bertanyakan, apakah sekiranya, memandangkan kos itu bukannya berat sangat, mengapakan tidak di pasang sepanjang sungai Langat dan sungai Selangor, memandangkan kedua-dua sungai ini merupakan sungai yang membekalkan air kepada rakyat Selangor dan bukan sungai Klang. Sungai Klang boleh jalan, tetapi RM100 ribu sebenarnya boleh dibelanjakan untuk sungai-sungai yang lain.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Banting, sensor-sensor air memang di pasang tapi di pasang oleh Air Selangor Sdn. Bhd. ataupun LUAS, bukan di bawah SSDU. So, maksud SSDU ini kita buat masa ini, kita hanya pasang di sungai Klang. Untuk sungai-sungai lembangan lain, di uruskan oleh LUAS dan juga Air Selangor. Memang ada sensor itu.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, berkenaan dengan teknologi yang digunakan untuk mengesan kebakaran awal. Saya nak bertanya, tentang sejauh manakah keberkesanan alat ini, kerana kita melihat selepas digunakan, nampak nya kebakaran dan juga kebakaran terbuka masih berleluasa dan macam tidak terkawal. Mohon jawapan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Buat masa ini kita gunakan teknologi sensor itu, kita guna teknologi daripada Taiwan. So, ini merupakan *Lights Sensor* di mana Taiwan telah pun memasang sensor ini sebanyak 3,000 di Taiwan. So, kita guna teknologi mereka dan ini berlainan dengan Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar hanya lima sensor di pasang di Selangor yang di pantaukan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tapi di Selangor di pasang 49 biji sensor. Ini meliputi setiap DUN kita ada satu sensor untuk memantau kualiti udara di DUN berkenaan. So, untuk di Johan Setia ini merupakan satu kawasan hitam yang di mana sampai sekarang kita masih usaha untuk menyelesaikan masalah pembakaran terbuka di Johan Setia.

Bukan senang, sebab kawasan ini meliputi lebih 1,000 hektar, di mana meliputi tanah ada hak milik dan sukar untuk kita pantau 24 jam untuk memantau mereka sama ada melakukan kesalahan pembakaran terbuka. Dan kita, pihak JAS dengan MPK berusaha untuk memantau. Kita memantau daripada pukul 6 sampai pukul 12, rondaan yang kita boleh lakukan setiap hari. Untuk memastikan, kalau kita nampak saja spot-spot pembakaran kita akan terus bagi kompaun.

Malangnya, selepas kita sampai sana, orang sudah hilang. So, ini kebanyakkan melibatkan orang asing, pekerja-pekerja asing. Yang ada lesen dan tiada lesen. So, sensor hanya, kita hanya mengesan dia punya indeks kualiti udara bukan kita nak boleh nampak orang bakar di satu tempat itu. Susah untuk dikesan, tapi kita sedang berusaha di mana Kerajaan Negeri sedang melalui Pejabat Tanah, kita nak kena pasti kalau tanah itu selalu di ulangi pembakaran terbuka, kita akan guna cara rampas tanah. Ini telah pun diluluskan oleh Mesyuarat MMKN EXCO. Kita memang tegas dan hal ini dan kita nak pastikan pada masa akan datang, tidak ada pembakaran terbuka yang di jalankan di Johan Setia. Sekian.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Subang Jaya nak tanya kepada Kerajaan Negeri. Adakah SSDU sedia untuk menambah kepada atau menambah baik sensor-sensor yang sedia ada yang telah di pasang dekat sungai Langat, sungai Semenyih dan sungai Selangor. Sebab ini merupakan sungai yang kritikal, di mana ianya membekalkan air kepada satu Negeri Selangor. Mohon jawapan daripada pihak EXCO.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk masa ini, sensor untuk mengesan bau ini memang tiada. Kesan bau ini kita masih guna hidung. Berapa tun, berapa tun, satu tun, dua tun. Kalau, kadang-kadang saya kesian kepada pegawai kita, mereka terpaksa setiap masa hidu macam ini. Baru tahu berapa tun yang keluarkan. Sebab itu lah yang kerja yang sangat-sangat rumit, sebab itu lah kita tidak kriteria yang diadakan oleh JAS. Di kebangsaan di mana kriteria pelepasan bau oleh IWK perlu di utama kan, tidak. Mereka boleh lepaskan kalau ada bau pun. Ini bukan salah IWK. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tuan Speaker, soalan saya soalan yang nombor ke 85.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMERKASAAN USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan kecil dan sederhana untuk meluaskan pasaran produk diperingkat nasional dan antarabangsa?
- b) Bagaimanakah usahawan boleh dibantu dalam bentuk penambahan pengetahuan dan kemahiran?
- c) Apa langkah kerajaan bagi merapatkan jurang pencapaian antara setiap usahawan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan kecil dan sederhana adalah untuk meluaskan pasaran produk ke peringkat nasional dan antarabangsa adalah seperti berikut:-

Yang pertamanya, bantuan dalam mengembangkan pasaran produk IKS. Dalam usaha membantu syarikat IKS di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium ataupun platform yang boleh membantu usahawan-usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan ke pasaran peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan-usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan di luar negara seperti Program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Ekspo 2019, Malaysia Internatioanal Halal Showcase (MIHAS), The World Food And Beverages Great Expo Jepun, HOFEX Hong Kong, SIAL Jakarta dan lain-lain dimana sebahagian kos penyertaan ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian Dan Perdagangan dan IKS Negeri Selangor. Disamping penyertaan dalam pameran yang diadakan, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga turut membantu pihak syarikat untuk mengadakan pertemuan “ Business Matching” bersama “Potential Buyers” dengan izin sewaktu penyertaan di dalam program-program pameran di peringkat antarabangsa.

Kedua, bantuan pemasaran produk secara *online* ataupun dengan izin secara atas talian. Melalui program ini Kerajaan Negeri melalui SITEC menyediakan latihan kemahiran kepada usahawan-usahawan IKS yang berminat untuk memasarkan produk keluaran mereka secara atas talian atau dengan izin *online*.

Ketiga, program pembungkusan produk made in Selangor. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana setiap tahun bagi memperkasakan dan melahirkan usahawan berjaya di dalam Negeri Selangor. Program sebegini adalah usaha untuk memberi *value added* kepada produk tempatan agar dapat meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke pasaran antarabangsa iaitu dengan izin, *Market, Penetration and Expansion*. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan program

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

pembungkusan produk *made in* Selangor kepada usahawan yang sudah bersedia untuk mempertingkatkan kualiti pembungkusan dan pensijilan produk. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, reka bentuk jenama, pendaftaran jenama ataupun dengan izin, MYIPO dan cetakan pembungkusan yang di perbaharui.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran adalah:-

- i. Program kemahiran dan latihan secara online yang dijalankan oleh SITEC.
- ii. Program-program pementapan pengetahuan dan kemahiran yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan di mana bengkel seperti Bengkel *Facebook Beginner* and Teknik Asas Fotografi, Seminar Peningkatan Jualan Melalui Online, Revolusi Perniagaan Internet Bengkel Advance Smartphone Foto Dan And Videografi Editing, Kursus Advance Facebook Marketing-Targeting Strategies dengan izin, kursus Insken, melonjakkan jualan dengan pengesahan pasaran yang berkesan, Kursus Pengurusan Perniagaan Dan Kewangan Kepada Peniaga Kecil Dan Sederhana Serta Taklimat Elakkan Di Senarai Hitam.

Dalam usaha merapatkan jurang pencapaian antara usahawan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Invest Selangor sentiasa memberikan bantuan khidmat nasihat serta bantuan lain yang diperlukan dari segi bantuan modal bagi pembesaran dan pengembangan perniagaan juga Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mengadakan kalaborasi dengan Institution of Islamic Banking Institution Malaysia ataupun IBIM untuk menyediakan bantuan kewangan bagi pembesaran dan pengembangan operasi syarikat.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKAR : Ok. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak bertanya berkaitan dengan bantuan kewangan yang disebutkan tadi kepada pengusaha-pengusaha kita ni sumber rujukan yang boleh mereka dapatkan untuk mendapatkan sumber bantuan ini dan adakah Kerajaan Negeri ada juga membantu dari segi menyediakan tapak-tapak ekspo di luar negara untuk usahawan-usahawan kita?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Speaker seperti yang saya sebutkan sebentar tadi selain daripada Ekspo Selangor International Business Summit iaitu Selangor International Expo yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga membawa mereka ke peringkat antarabangsa termasuk seperti yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu The World Food And Beverages Great Expo ataupun Premium Food Show di Jepun pada tahun ini. HOFEX antara yang terbesar di Hong Kong, SIAL Di Jakarta dan lain-lain tempat yang kita fikirkan sesuai. Termasuk juga ekspo di Naning yang diketuai oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Batu Tiga dimana kita cuba dengan sebolehnya membawa mereka untuk mendapatkan pendedahan antarabangsa tetapi usahawan kita juga perlu disediakan kesediaan mereka untuk menyediakan produk yang sesuai untuk di pasarkan di antarabangsa dan juga kemampuan mereka perlu di pertingkatkan iaitu kita selalu sebut *Export Ready* sama ada mereka bersedia dari segi kualiti produknya yang pertama. Kedua, dari segi kemampuan untuk menghasilkan jumlah produk yang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

diperlukan. Ada antaranya apabila ke luar negara produknya baik tetapi apabila dapat tempahan tiga kontena satu bulan, dia menggigil sebab dia hanya mampu mengeluarkan mungkin hanya separuh kontena setiap bulan. Jadi itu antara masalah ataupun cabaran yang kita hadapi bagaimana kita mempertingkatkan kemampuan mereka dari segi penghasilan produk yang kualiti dan bersedia untuk memenuhi tempahan daripada luar negara.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pagi ini Dewan Negeri Selangor menerima lawatan pelajar seramai 26 orang daripada Sekolah Menengah Kebangsaan USJ13. Diketuai oleh guru Puan Wong Fei Yi Fen dan diiringi oleh Puan Nor Azura binti Nasaruddin, selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Saya menjemput Yang Berhormat Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 86. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (47 PANDAMARAN)

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan dapat mempertimbangkan bahawa penjaga boleh terdiri daripada JIRAN?
- b) Bagaimanakah kerajaan dapat bantu untuk mendaftarkan rakyat yang tiada anak, saudara dan pertubuhan?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Kategori penjaga yang layak dibenarkan untuk permohonan SMUE adalah seperti berikut:- anak, isteri, suami, ibu bapa, cucu, abang, kakak, adik, menantu dan pertubuhan. Keutamaan untuk kategori penjaga diberikan kepada waris terdekat. Walau bagaimanapun sekiranya tiada waris atau mana-mana kategori penjaga seperti yang dinyatakan di atas maka pemohon dibenarkan untuk memilih orang lain yang terdekat untuk dinamakan sebagai penjaga dalam permohonan SMUE mereka. Pemilihan kategori penjaga selain daripada nama-nama yang dinyatakan di atas hendaklah disertakan dengan surat akuan bersumpah daripada pemohon yang menyatakan permohonan itu tiada waris dan membenarkan individu lain untuk menjadi penjaga kepada mereka khususnya bagi permohonan SMUE. Buat masa ini permohonan SMUE ini boleh dibuat di semua pejabat Pusat Khidmat DUN di Negeri Selangor. Sekiranya pemohon benar-benar tiada waris terdekat untuk dijadikan sebagai penjaga maka pemohon dibenarkan untuk menamakan orang lain yang tiada sebarang ikatan keluarga dikategorikan sebagai penjaga mereka di dalam borang permohonan SMUE. Saya telah menyatakan syaratnya tadi mesti ada surat akuan bersumpah dan menyatakan tiada hubungan itu. Ya salinan asal surat akuan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

bersumpah tersebut hendaklah dilampirkan bersama borang permohonan dan disahkan oleh Pusat Khidmat DUN sebelum dihantarkan ke pejabat YAWAS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seterusnya Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Seterusnya soalan 87.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING (N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : KEMAHIRAN ADVOKASI PWB

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak 2018, berapa program advokasi dan perundangan dan pengetahuan hak wanita diasakandi peringkat PWB untuk semua DUN?
- b) Berapa peserta telah dilatih sehingga September 2019?
- c) Apa rancangan oleh Standco Wanita untuk menambahbaik lag program ini?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Bukit Lanjan. Bermula September 2018 modul wanita dan perundangan diperkenalkan sebagai salah satu komponen di dalam Program Permohonan Kapasiti yang juga terkandung di dalam modul kefahaman gender pendemokrasian hak rakyat, kesihatan wanita dan keluarga. Daripada jumlah keseluruhan 923 program-program Pusat Pemberdayaan Wanita yang telah dijalankan di seluruh Selangor sejak Januari hingga September 2019. 289 adalah program-program pembangunan kapasiti. Daripada jumlah ini 46 program adalah daripada modul wanita dan perundangan. Sehingga September 2019 sejumlah 37,612 orang peserta telah dilatih di bawah program-program Pusat Wanita Berdaya yang merangkumi kedua-dua modul program kemahiran dan pembangunan kapasiti. Daripada keseluruhan jumlah ini seramai 1,694 orang peserta adalah daripada program wanita dan perundangan. Pihak pengurusan PWB sentiasa memantau secara dekat pelaksanaan program-program yang dijalankan oleh PWB di DUN terutama program-program pembangunan kapasiti ini. Buat masa ini pengurusan PWB sedang dalam proses menyemak semula kandungan-kandungan modul-modul yang berkenaan dalam memastikan ianya sentiasa relevan dan efisien untuk para peserta.

Di samping itu, sebagai kelangsungan modul pembangunan kapasiti ini Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga juga telah mulakan akademi kepimpinan wanita Selangor yang dimaklumi oleh saya kira semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ya. Dan akademi kepimpinan wanita ini bukan sahaja bertujuan melahirkan pemimpin wanita di peringkat komuniti bahkan juga untuk memastikan lebih ramai wanita yang mampu untuk menjadi evocator diperingkat akar umbi supaya usaha avorkasi dan pemberdayaan wanita dibuat dengan lebih menyeluruh. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga akademi kepimpinan wanita ini diberi tumpuan kepada empat bidang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

kemahiran dan kecekapan dan oleh kerana sebahagian besar daripada penuntut ataupun yang menyertai akademi kepimpinan wanita ini adalah terdiri daripada penyelia-penyelia PWB. Ya jadi modul-modul ini sangat relevan kepada mereka terutama ialah kemahiran organisasi iaitu pengurusan modal insan, pengurusan strategik dan pengurusan kewangan. Kedua ialah kepimpinan politik dan undang-undang wanita, negara dan antarabangsa, sejarah dan teori politik, sistem dan teori ekonomi, kemahiran insaniah, kemahiran pengucapan awam iaitu imej dan keterampilan diri, komunikasi berkesan dan komunikasi media dan juga kefahaman gender iaitu arus penjana *Gender, Gender Responsif Budgeting* dan *Audit Gender*. Kursus-kursus akademi pimpinan wanita sebenarnya adalah lanjutan daripada modul-modul ataupun kursus-kursus yang kita laksanakan diperingkat PWB yang agak dangkal dan agak superficial. Yang Berhormat jadi bila masuk dalam akademi kepimpinan wanita maka kursus ini lebih mendalam. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih. Soalan tambahan Tuan Speaker. Selama program PWB dijalankan dan juga latihan-latihan diadakan kebanyakan saya rasa kebanyakan daripada peserta adalah wanita di kawasan. Cuma saya nak tanya Yang Berhormat EXCO adakah PWB mempunyai rancangan untuk memulakan program avokasi dan sebagainya, khas untuk pelajar-pelajar sekolah? Kerana dalam beberapa tahun lagi kita akan ada anak-anak muda yang akan mengundi. Jadi saya rasa mungkin baik kalau Kerajaan Negeri mulakan interaksi bersama dengan pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih di atas cadangan Bukit Lanjan. Memang betul selama ini kita hanya membuka kepada wanita di kawasan. Kita hanya ada beberapa kali sahaja atas inisiatif penyelia PWB yang membuat program-program dengan remaja di pihak sekolah. Tetapi saya akan meneliti cadangan Yang Berhormat untuk kita jadikan salah satu daripada program kita insyaallah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Ijok kepada Yang Berhormat EXCO. Kita ada dua, PWB dan IWB. Kadang-kadang dia confius ya, apa kene mengena. Yang Ijok nak tanya kenapa peruntukan PWB lebih kurang RM10,000 diambil masuk ke IWB? Ini akan mengurangkan, mereka untuk menjalankan program-program di kawasan-kawasan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Ijok. Ada beza antara PWB dan IWB. IWB lebih merangka kepada dasar-dasar dan polisi-polisi dan kemudian programnya tidak hanya tertumpu pada kawasan-kawasan tertentu dan terbuka kepada NGO-NGO lain dan juga peserta-peserta yang berkenaan dengan topik dia. Jadi ada perbezaan. Malah PWB adalah pelaksana kepada dasar-dasar yang telah dirangka bersama di dalam IWB dan ini kali pertama saya dengar Yang Berhormat yang peruntukan PWB RM10,000.00 itu masuk ke IWB. Tidak benar sebab IWB memang sudah ada peruntukan mereka dan mereka menggunakan peruntukan mereka sahaja. Saya pun tak tahu di mana Yang Berhormat mendapat maklumat itu. Memang kita tidak pernah ambil

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

daripada PWB untuk masukkan ke IWB tetapi memang PWB peringkat negeri menganjurkan program-program yang kita panggil program-program yang terutamanya melibatkan pembangunan kapasiti yang kita rasa terlalu sedikit dan tidak efektif kalau kita buat di peringkat DUN sahaja. Jadi kita gabungkan beberapa DUN untuk melakukan satu-satu program-program penambahbaikan pembangunan kapasiti itu. Jadi memang setiap DUN akan keluar daripada bajetnya. Bajet untuk buat itu dia kena keluar daripada bajet PWB kawasan.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya nombor 88.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : JALAN PINTAS HULU CHUCHOH KE KLIA

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek jalan pintas KLIA2 ke Sungai Pelek yang mana laluan cadangan melalui tanah MAB?
- b) Apakah pihak Kerajaan Negeri melalui MB Incorporated atau syarikat swasta lain yang berminat untuk menaik taraf jalan tersebut melalui projek CSR?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Tuan Speaker, Sungai Pelek ingin mengetahui status terkini projek Jalan Pintas KLIA2 ke Sungai Pelek. Projek yang dimaksudkan adalah projek Jalan Pintasan Menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kampung Ulu Chuchuh, Mukim Sepang. Projek ini merupakan projek laluan alternatif kepada pengguna bagi ke KLIA dengan memendekkan jarak dan masa perjalanan. Jika sekarang ini laluan asalnya ialah melalui FT5 ke B48 ke FT32 dan KLIA mengambil masa 50 minit sekitar 39 kilometer. Laluan alternatif yang dicadangkan ini akan memberikan pintasan menjadikan hanya 2 kilometer dan separuh daripada masa yang asal. JKR Selangor telah diminta untuk meneliti kesesuaian pembinaan jalan di bawah skop Jalan Luar Bandar (JLB) di kawasan yang dicadangkan dalam pembangunan tersebut bersama BRIF dan juga anggaran kos. Sebelum ini pihak Malaysia Airport Sepang Sdn. Bhd., pemilik tanah tapak jalan ini telah memaklumkan bahawa pihaknya tidak bercadang untuk membuat serahan terhadap sebahagian tanah untuk tujuan pembinaan jalan atau *bypass* tersebut kerana tapak tersebut terlibat dengan pembinaan landasan keempat. Namun tiada halangan dengan cadangan pembinaan jalan tertakluk kos pembiayaan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Keadaan tersebut menyukarkan Kerajaan Negeri dari segi prosedur kewangan memandangkan Kerajaan Negeri bukan pemilik yang sah bagi keseluruhan tapak yang dicadangkan tersebut.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Sehubungan dengan itu, Pejabat Tanah dan Daerah Sepang telah mengemukakan surat mencadangkan kepada Malaysia Airport Sepang Sdn. Bhd. Pada 29 Mei 2019 agar pembinaan jalan pintasan bagi menghubungkan KLIA dan Kampung Ulu Chuchuh ini dibiayai oleh pihak MAB melalui inisiatif *Corporate Social Responsibility*, dengan izin CSR dan satu sesi perbincangan bersama wakil pihak MAB telah diadakan pada 15 Ogos 2019. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang pada awal minggu ini baru menerima maklum balas daripada cadangan tersebut dan di mana pihak MAB tidak dapat mempertimbangkan permohonan ini. Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Sepang telah menyediakan butiran kerja untuk pengiraan kos keseluruhan untuk pembinaan laluan sepanjang kira-kira 1.5 kilometer dengan kelebaran 4.2 meter di bawah spesifikasi Jalan Luar Bandar ini dan dianggarkan kos sebanyak RM700,000.00 memandangkan akan betapa pentingnya jalan ini di mana saya sendiri bersama Yang Amat Berhormat pun telah melawat tempat ini dan menyaksikan keperluan jalan ini. Maka pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mempertimbangkan melaksanakan jalan ini mengikut cadangan yang dibuat oleh pihak Pejabat Tanah dan Daerah Sepang. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang memberi ucapan yang baik dan juga nampaknya sudah ada peluang untuk merealisasikan program ini dan saya ingin mengingatkan EXCO bahawa jalan pintas ini sangat perlu dan mustahak dan sudah lebih daripada 10,000 penduduk telah membuat satu kempen dan tandatangan. Mereka sudah tunggu lama. Terima kasih, terima kasih. Soalannya adakah? Tadi jawapan sudah lengkap. Jadi saya cuma merakamkan penghargaan kepada, penghargaan ya.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Pelek. Saya bagi peringatan kalau ada soalan tambahan bagi penghargaan itu tidak perlu lain kali. Tak perlu ya. Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih, Tuan Speaker.
Soalan saya yang ke 89.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN (N53 MORIB)

TAJUK : BAZAAR DARUL EHSAN

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bazar Darul Ehsan di jalan Kanchong Darat telah lama terbiar dan banyak kerosakan di dalam dan di luar bangunan. Apakah tindakan atau perancangan EXCO usahawan berkaitan bangunan tersebut?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Tuan Speaker. Seperti Yang Berhormat maklum bahawa pembinaan Bazar Darul Ehsan ini telah pun mengambil beberapa masalah di mana bila diambil alih oleh jawatankuasa saya. Beberapa masalah

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

sewaktu pembinaannya lagi. Bazar ini bermula daripada pembinaan 29 September 2019 di mana terdapat dua (2) kontraktor bertukar tangan dan sehinggalah ianya berlaku beberapa perubahan tangan macam *pass baton* jugalah isu ini. Tetapi sehingga kini masih lagi tidak dapat dilaksanakan atau pun perancangannya tidak dapat dilakukan dengan baik. Berdasarkan permohonan, saya lihat pada 3 Oktober 2018 berdasarkan permohonan daripada pihak Hijrah, satu mesyuarat telah saya pengerusikan di mana kita ingin merancang hala tuju Bazar Darul Ehsan yang mana kami beranggapan bahawa jika baik pulih dilakukan kepada Bazar Darul Ehsan ini tetapi tidak ada perancangan khusus untuk pelaksanaannya, jangka pendek jangka panjang maka ia akan berlaku sekali lagi pembaziran di mana duit kerajaan dilakukan untuk penaiktarafan tetapi tidak berlaku apa-apa aktiviti di situ. Oleh itu, sebenarnya status terkini baik pulih telah pun disiapkan BQ nya oleh JKR pada 28 November 2018 yang lepas iaitu bernilai RM332,500.00 tetapi ditangguhkan pelaksanaannya memandangkan jawatankuasa melihat selagi isu penjaga atau pun *care taker* belum diputuskan sama ada ia hendak dikendalikan di bawah Majlis Daerah Kuala Langat atau pun Pejabat Daerah dan Tanah atau pihak ini diswastakan, maka *progress* atau pun pelaksanaan pembaikan ini tidak akan mula dilakukan.

Yang keduanya, bila kita lihat tawaran-tawaran yang dibuka kepada operator, dengan izin operator luar bagi mengoperasi juga belum dapat maklum balas yang baik. Yang dapat permohonan yang sampai kepada pihak jawatankuasa adalah kapasiti mereka yang memohon itu tidak boleh memastikan bahawa Bazar Darul Ehsan ini boleh bertahan lama. Jadi kita takut nanti bila kita bagi pada mereka yang tidak mampu untuk melaksanakannya, akhirnya Bazar Darul Ehsan ini akan menjadi terabai semula jadi dan akan menjadi tempat vandalisme. Jadi di antara isu yang dikaji yang menyebabkan kegagalan Bazar Darul Ehsan ini diteruskan pelaksanaannya yang mana rancangan asalnya adalah untuk pengumpulan produk-produk setempat. Jadi kita lihat di antara faktornya adalah tiada perancangan khusus jangka panjang dan jangka pendek semasa Bazar Darul Ehsan ini dibuat ataupun diputuskan iaitu pada tahun 2011 lagi. Jadi bila ianya bertukar tangan, rujukan khusus tiada dalam bentuk dokumentasi jadi susah untuk pihak mengambil alih untuk melaksanakannya secara holistik. Dan keduanya, kita lihat pembinaan ini tidak dirancang bersekali dengan kos-kos penyelenggaraan dan kos operasi. Jadi kita bina lepas tu kita tidak memikirkan tentang kos penyelenggaraan dan kos operasi. Sebab itu saya bagi pihak kerajaan telah pun melihat kelemahan ini dan kita merasakan bahawa isu ketika ini perlu diselesaikan secepat mungkin.

Ketiganya, kita lihat sehingga kini belum ada pihak luar pula yang berminat mengambil dalam konteks pengurusan bazar ini. Saya tak pasti sebab saya lihat di sekitar Kuala Langat kalau kita ingin membuat pengumpulan barangan-barangan setempat kebanyakan mereka yang pergi ke Kuala Langat ini lebih suka membeli barangan terus daripada kilang. Jadi bila kita tengok pengumpulan ini sebab saya lihat pernah Jawatankuasa Tetap Wanita pada tahun 2016 memutuskan ingin melaksanakan PWB *Shopee* tetapi ianya juga tidak dapat dilaksanakan. Jadi kita lihat isu ini sebenarnya perlu ditangani semula sebelum ia dibaik pulih. Jadi *Insha Allah* terkini, *Insha Allah* saya akan mempengerusikan satu lagi mesyuarat untuk melibatkan semua iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Kuala Langat bersama jabatan lain untuk memastikan bagaimana ianya boleh di *kick off* atau pun dimulakan semula. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :
90.

Tuan Speaker, soalan saya nombor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAPAK WARISAN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak warisan yang telah diwartakan di Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah inisiatif dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan dan promosi pelancongan tapak warisan yang terdapat di negeri ini?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :
Melawati, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Terima kasih Yang Berhormat Bukit

Sebanyak 19 tapak warisan yang telah diwartakan mengikut senarai inventori Tapak Warisan Bangunan/Monumen Negeri Selangor di dalam lima (5) daerah iaitu :-

BIL.	NAMA BANGUNAN	DAERAH
1.	Pejabat Daerah Lama Kuala Langat, Kuala Langat	Kuala Langat
2.	Penjara Lama Jugra, Kuala Langat	Kuala Langat
3.	Masjid Alauddin, Kuala Langat	Kuala Langat
4.	Istana Alauddin / Istana Bandar, Kuala Langat, Banting	Kuala Langat
5.	Makam Diraja Jugra	Kuala Langat
6.	Setor Peluru, Kuala Langat	Kuala Langat
7.	Bangunan Sultan Suleiman (Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz), Jalan Dato' Hamzah	Klang
8.	Masjid Diraja Sultan Suleiman, Jalan Kota Raja, Klang	Klang
9.	Sekolah Convent, Jalan Tengku Kelana, Klang	Klang
10.	Gedong Raja Abdullah, Jalan Gedong Raja Abdullah, Klang	Klang
11.	Kota Raja Mahadi, Klang	Klang
12.	Kota Tanjong Keramat, Kuala Selangor	Kuala Selangor

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

13.	Bukit Raja	Kuala Selangor
14.	Kota Malawati, Bukit Melawati, Kuala Selangor	Kuala Selangor
15.	Ibu Empangan Sungai Tenggi	Kuala Selangor
16.	Balai Polis Trafik Kuala Kubu Bharu (asal gereja)	Hulu Selangor
17.	Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah), Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor	Hulu Selangor
18.	Makam Saiyid Mashor bin Mohammad Ash-Shahab	Hulu Selangor
19.	Kuil Sri Subramaniam Swamy, Jalan Batu Caves	Gombak

Yang Berhormat, antara usaha yang dijalankan diperingkat Tourism Selangor bagi mempromosikan tapak warisan yang menjadi produk pelancongan di Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:-

- i) Pelancaran Pakej Pelancongan “Selangor Royal Trail Package” oleh Tourism Selangor di mana Selangor Royal Heritage Trail memfokuskan kepada kekayaan sejarah dan warisan Diraja Negeri Selangor, merentasi tiga daerah iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang.
- ii) Penganjuran Program “Royal Klang Heritage Walk” kerjasama dengan pihak Majlis Pemandaran Klang, yang merupakan program lawatan berjalan berpandu yang dijalankan setiap hari Sabtu dan Ahad secara percuma. Program ini mempromosikan lebih 13 bangunan bersejarah dan tapak warisan yang sedia ada di sekitar bandar Klang. Program ini juga telah ditambah baik menggunakan perisian aplikasi telefon pintar, di mana para pengunjung boleh menggunakan perisian ini untuk melawat ke tapak warisan tersebut.
- iii) Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penggiat industri pelancongan serta produk-produk pelancongan di Negeri Selangor bekerjasama erat untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan untuk meningkatkan lagi penjualan pakej pelancongan warisan dan budaya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga ada beberapa tapak warisan yang boleh dikatakan telah ditinggalkan atau pun tidak dilaksanakan dengan sempurna agak masa yang lama dan banyak bahagian-bahagian bangunan yang telah rosak dan harus diperbaiki. Umpamanya bangunan Masjid Alauddin Kuala Langat, Makan Diraja Jugra, Penjara Lama Jugra, Kuala Langat dan juga Istana Bandar Kuala Langat. Jadi pada masa ini, PADAT telah mengambil inisiatif dengan peruntukan yang ada untuk memperbaiki dan membaik pulih bangunan-bangunan ini dan akan siap tidak lama lagi dan kita akan masukkan dalam pakej pelancongan untuk Negeri Selangor. Terima kasih, Yang Berhormat.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :

Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, terima kasih di atas jawapan sebentar tadi. Saya difahamkan bagi usaha pemuliharaan tapak-tapak warisan ini ada satu pasukan *Rescue Team* dan saya ingin bertanya adakah *Rescue Team* di bawah PADAT ini kita mempunyai cukup sumber kakitangan dan juga peruntukan yang diberikan kerana saya difahamkan pasukan teknikal terpaksa mengambil alih atau dibuat sendiri oleh pihak PADAT dalam usaha pemuliharaan ini jadi mungkin ada kekangan di situ serta mungkinkah Pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak Universiti agar kita dapat tambah nilai dalam sudut atau aspek pemuliharaan tapak-tapak warisan.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini pihak PADAT mempunyai cukup tenaga dan *expertise* dalam melaksanakan tugas-tugas untuk menentukan tapak warisan dijaga dengan betul dan seperti Yang Berhormat kata tadi *Rescue Team* yang ada pada masa ini juga adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daripada PADAT dan mereka juga adalah mereka-mereka yang terlatih dalam usaha untuk menjaga ataupun *conservation* semua tapak warisan ini. Jadi buat masa ini kita tidak, apa nama itu mengambil ataupun meminta pihak-pihak lain untuk menjalankan usaha ini tapi sekiranya jika perlu, sekiranya jika perlu kita juga bercadang untuk mengambil ataupun meminta pertolongan ataupun bantuan daripada pihak-pihak universiti sekiranya perlu Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Bangunan Gedung Raja Abdullah adalah tempat pertama diadakan Mesyuarat EXCO bagi Kerajaan Negeri. Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan Gedung Raja Abdullah yang dilihat semakin uzur pada hari ini.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Untuk makluman Yang Berhormat, Gedung Raja Abdullah telah pun diperbaiki dan telah pun siap dan kami bercadang untuk merasmikan bangunan tersebut tidak lama lagi dan saya percaya pihak PADAT sedang mengadakan rancang-rancangan dan juga apa nama tu, atur cara-atur cara tertentu dan mungkin bersempena dengan apa nama itu, hari jadi ataupun Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita akan menjemput ataupun meminta Tuanku untuk merasmikan bangunan tersebut mungkin pada bulan Mac tahun depan. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan Sungai Kandis berkaitan dengan tapak warisan yang telah diwartakan itu sejauh manakah keseriusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan tapak ini sebagai destinasi pelancongan terutamanya pelancongan domestik kerana saya yakin tidak ramai pimpinan-pimpinan di peringkat akar umbi terutamanya Ketua Kampung, Nazir-nazir masjid yang dibawa melawat ke destinasi ini dan mereka tahu sejarah negeri mereka dan mereka dapat membantu mempromosikan bagi pihak Kerajaan Negeri.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mengadakan beberapa jelajah ataupun dan yang terbaru kita mengadakan Skim Kembara Sekolah-sekolah. Di mana kita pergi ke sekolah-sekolah di seluruh Negeri Selangor, *team* daripada Tourism Selangor menjelajah ke sekolah-sekolah Negeri Selangor dan juga kawasan-kawasan yang tertentu di luar Selangor untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan yang sedia ada dan dengan kita telah lakukan skim kembara ini lebih kurang 6 bulan yang lepas dan kita dapati responsnya agak baik. Dan banyak antara sekolah-sekolah yang telah mengadakan orang kata tu, program-program untuk mengenal pasti tempat-tempat pelancongan di daerah masing-masing. Jadi kita akan teruskan program-program ini dan kita akan tentukan yang semua rakyat Selangor khususnya tahu di mana destinasi-destinasi pelancongan yang baik yang unik di negeri mereka sendiri. Terima kasih Yang Berhormat

TUAN SPEAKER : Sungai Burung... No. 92 Permatang sudah di jawab bersekali dengan No. 73. Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PELAKSANAAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPANS)

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PIPANS dihasilkan bagi mengatasi masalah trafik di kawasan awam. Walaubagaimanapun, perlaksanaannya bergantung pada ketersediaan dana. Apakah Kerajaan Negeri akan kaji semula sekiranya pelan tersebut sudah dirangka bertahun-tahun dan terdapat kemungkinan penemuan di dalam tidak bersesuaian lagi?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai dokumen asas kepada semua agensi Kerajaan dan swasta di Negeri Selangor dalam perancangan menyeluruh ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kajian ini adalah bagi memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor. Penyediaan pelan induk turut mengenal pasti sistem pengangkutan awam menggunakan landasan yang terdiri daripada 12 cadangan koridor laluan pengangkutan awam yang mempunyai laluan paling optimum untuk Negeri Selangor yang secara tidak langsung dapat mengatasi masalah trafik di kawasan awam. Namun begitu, pelaksanaannya memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telahpun menyenaraikan cadangan 12

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

koridor tersebut di dalam Rancangan Malaysia ke-12 semasa Sesi Libat Urus bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang diadakan pada 9 Ogos 2019 untuk dipertimbangkan. Namun, sekiranya terdapat kemungkinan pelan ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mahupun tidak lagi bersesuaian pada masa akan datang, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk melihat semula dan memperbaiki pelan sedia ada berdasarkan situasi dan pembangunan semasa. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan 94, Pelabuhan Klang. Sudah dijawab bersekali dengan soalan No. 59, seterusnya Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Subang Jaya No. 95.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : PENGIYSTIHARAN ASET ADUN

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengikut jejak Parlimen Malaysia dalam mewajibkan pengisytiharan aset untuk semua ADUN Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Subang Jaya. Tuan Speaker Kerajaan Negeri Selangor kekal dan terus komited untuk menjunjung nilai integriti dan kredibiliti dalam usaha untuk memastikan semua komponen Kerajaan Negeri mengamalkan budaya kerja yang bersih telus dan kompeten. Ini dapat dilihat melalui kolaborasi bersama dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia melalui penandatanganan Ikrar Bebas Rasuah yang melibatkan semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada perhimpunan bulanan penjawat awam yang diadakan pada 19 Ogos 2019 yang lepas. Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini mewajibkan Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mengisytiharkan harta masing-masing. Namun pada masa yang sama Kerajaan Negeri turut menerima cadangan daripada SPRM supaya Ahli-ahli Dewan Negeri turut mengisytiharkan harta masing-masing. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa cadangan tersebut adalah praktikal untuk dilaksanakan sekiranya ada keperluan. Mengambil kira sebahagian besar Ahli-ahli Dewan Negeri tidak dilibat dalam kuasa-kuasa eksekutif. Maka cadangan ini akan terus diteliti dan dilaksanakan berdasarkan aspek *practicality* dan *suitability* supaya pelaksanaannya bersifat holistik dan antara asasnya adalah adakah keputusan-keputusan eksekutif ada dilakukan oleh pihak Ahli-ahli Dewan ataupun tidak. Setakat ini Speaker dan Menteri Besar yang bertanggung banyak keperluan-keperluan dan tanggung jawab eksekutif itu harus mengisytiharkan dan mengemukakan ikrar bebas rasuah yang telah dilaksanakan. Tapi cadangan ini boleh diterima pakai, kita sedang meneliti balik bagaimana pelaksanaan di peringkat parlimen dan *insya'allah* kita sedia laksanakan dalam masa yang terdekat, terima kasih.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya setuju supaya ADUN-ADUN ini diisytiharkan aset-asetnya. Tetapi alangkah baik juga jika ADUN-ADUN ini diberikan sedikit kuasa eksekutif dalam.. Sungai Pelik dah ketawa dah tu. Diberikan sikit kuasa eksekutif agar ia nya lebih praktikal. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu soalan ke tadi. Ahli Yang Berhormat, saya kira kita kena jelas di antara eksekutif..pengasingan kuasa itu kena nampak dan ini *spirit* yang saya rasa harus dipertahankan. Tapi dalam masa yang sama saya percaya semua Ahli Dewan mempunyai kuasa memperuntukkan peruntukan kewangan masing-masing. Dan audit akan masuk ataupun audit akan mengadakan semakan terhadap akaun yang diuruskan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian jika ada keperluan dan daripada masa ke semasa. Itu pun sebenarnya ada urusan eksekutif, dimana saudara-saudara boleh meluluskan peruntukan yang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan sebagainya. Tapi kuasa eksekutif di peringkat ini masih lagi saya kira kita perlu ada dikotomi supaya kita dapat menjadikan Dewan ini sebagai satu medan untuk semak dan imbang. Dan seterusnya jawatankuasa-jawatankuasa diwujudkan itu mampu untuk menyemak perjalanan keseluruhan dan dasar kerajaan setakat ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyokong penuh sekiranya ADUN juga adanya pengisytiharan aset ataupun harta walaupun ADUN tiada sebarang kuasa. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri Besar, Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat EXCO sahaja mengiktiraf aset ataupun harta ataupun keluarganya sekali. Maksud saya di sini isteri ataupun anak-anak. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Setakat ini kita kena mengisytiharkan berapa banyak pasangan dan berapa banyak anak-anak. Betul ye, betul. Tapi saya sorang la. Berapa banyak pasangan, berapa banyak anak dan berapa banyak yang aset sedia ada, berapa banyak gaji yang sedia ada, apakah penerimaan elaun atau gaji untuk isteri dan anak-anak supaya melihat kesesuaian dengan aset dan di letakkan di *website* masing-masing dan boleh semak berapa banyak pasangan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHKTAR : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan saya No. 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA IKS

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan syarikat IKS yang telah berdaftar dengan Negeri Selangor?
- b) Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu syarikat IKS?
- c) Berapakah jumlah bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu IKS?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Syarikat – syarikat IKS di Negeri Selangor tidak berdaftar dengan Invest Selangor. Namun begitu, berdasarkan rekod oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) sebanyak 13,089 syarikat telah berdaftar dengan SME Corp. Malaysia di Negeri Selangor. Manakala dibawah Hijrah Selangor pula, sebanyak 46,352 syarikat IKS yang melibatkan juga perniagaan mikro telah berdaftar dengan Hijrah Selangor.

Jenis – jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu syarikat IKS seperti berikut;-

- i. **Bantuan Kewangan** - Jenis bantuan yang disediakan dibawah Hijrah Selangor adalah skim pinjaman secara konvensional dan skim pinjaman Zero to Hero seperti berikut;-
 - Skim Pinjaman Konvensional
 1. Skim 1: RM1,000 hingga RM5,000
 2. Skim 2: RM6,000 hingga RM10,000
 3. Skim 3: RM15,000 hingga RM20,000
 4. Skim 4: RM30,000 hingga RM50,000
 - Skim Pinjaman Zero To Hero
 1. Pakej RM4000.00
 2. Pakej RM5000.00
- ii. **Dana Usahawan Negeri Selangor**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada Usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut;-

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

- Jumlah bantuan ditawarkan di bawah program ini adalah tidak melebihi RM 30,000 bagi satu permohonan / syarikat (tertakluk kepada kelulusan);
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar Negara.

Bagi bantuan dalam mengembangkan pasaran saya telahpun berikan jawapan sebentar tadi dan bantuan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu IKS melalui Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan IKS Negeri Selangor adalah RM 414,744 di mana pihak Kerajaan Negeri menanggung sebahagian kos penyertaan pengusaha IKS dalam pameran yang diadakan di dalam dan di luar negara seperti MIHAS, *The World Food and Beverage Grate EXPO*, *Premium Food Show Japan*, *HOFEX* Hong Kong, CR Jakarta 2019.

Selain itu, Pihak Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah 1.8 juta ringgit setahun melalui SITEC bagi menyediakan latihan dan kemahiran dalam perniagaan secara atas talian. Di bawah Hijrah Selangor pula sebanyak 459 juta ringgit telah dibelanjakan sejak tahun 2014 sehingga kini untuk program-program di bawah Hijrah Selangor.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 97.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI (N24 SEMENYIH)

TAJUK : PROJEK AGROTEK TERNAKAN

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hasil projek penternakan dari projek agrotek penternakan yang menggunakan baka yang baik?
- b) Berapa peserta yang telah berjaya dan senaraikan keuntungan peserta dan kos program?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Tuan Speaker, Semenyih ingin mengetahui berhubung dengan hasil daripada projek penternakan di bawah Projek Agrotek Penternakan yang menggunakan baka yang baik.. Projek Agrotek Penternakan di negeri ini dilaksanakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Penternakan ataupun TKPM Penternakan yang diselia oleh Jabatan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan TKPM Pertanian yang mempunyai komponen penternakan yang diselia pula oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor secara keseluruhannya terdapat 6 TKPM Penternakan dan 4 TKPM Pertanian yang mempunyai komponen penternakan di seluruh Negeri Selangor dengan 56 peserta yang menternak lembu pedaging, lembu tenusu, kambing pedaging, kambing tenusu, ayam pedaging dan penanam rumput atau *foder*.

Di Semenyih terdapat satu TKPM di Ulu Semenyih dengan 3 peserta yang menternak lembu tenusu. Bagi menjawab pertanyaan ini, JVS atau pun Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor telah pun menyenarai pendek beberapa projek TKPM Ternakan yang dikenal pasti menggunakan baka yang baik iaitu yang pertama, projek lembu tenusu yang menggunakan baka kacukan *Jessy Friesian* dan kacuan *Friesian Sahiwal* dan dua projek kambing tenusu yang menggunakan baka tulen *saaning*. Hasil daripada projek TKPM Penternakan yang menggunakan baka yang baik ini memberikan hasil pengeluaran susu yang tinggi dan juga kadar kelahiran tahunan yang tinggi pada lembu pedaging. Namun pencapaian yang baik ini juga tertakluk kepada faktor-faktor lain seperti kaedah penjagaan, tahap kesihatan dan juga pemakanan ternakan.

Daripada 56 peserta, yang menyewa 6 TKPM Pernternakan dan 4 TKPM Pertanian seluruh Selangor. 14 peserta dikenal pasti menggunakan baka yang baik dan 8 peserta yang lain telah berjaya mencapai prestasi baik. Hasil yang diperolehi mereka pada sepanjang tahun 2018 untuk 8 peserta ini ialah 1.4 juta ringgit dengan purata setiap orang 175,000 iaitu di sekitar 15,000 sebulan. Kos keseluruhan bagi membangun dan menyelenggara 7 TKPM ini di seluruh Negeri Selangor dari 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:-

(a)	Pada 2016	-	530,000.00
(b)	2017	-	520,000.00
(c)	2018	-	200,000.00
(d)	2019	-	100,000.00

Berjumlah 1.35 juta ringgit. Ini adalah kos melibatkan kos operasi iaitu perbelanjaan, pembangunan dan juga kos penyelenggaraan. Sekian.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 98.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N14 RAWANG)

TAJUK : KACAU GANGGU DI KAWASAN AWAM

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi kacau ganggu yang dilakukan minum arak di tempat awam? Terutamanya di kawasan lapang.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

- b) Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk larangan minum arak di tempat awam tengah malam?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, dalam usaha untuk mengatasi kacau ganggu di tempat awam berlaku, Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah dengan menjalankan rondaan pemantauan di lokasi-lokasi tempat awam dan jika terdapat berlaku kacau ganggu akibat mabuk anggota akan melaporkan kepada pihak PDRM untuk tindakan.

Selain itu, Pihak Kerajaan Negeri juga telah menetapkan satu garis panduan penjualan minuman keras yang diguna pakai di setiap PBT seperti mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman terhadap pembeli di bawah umur 18 tahun dan menetapkan jarak operasi premis perniagaan minuman keras dari rumah ibadat seperti masjid, tokong, kuil, pejabat kerajaan, sekolah, hospital serta kawasan perumahan.

Selaras dengan UUK Taman 2005, tiada larangan untuk meminum arak di taman awam. Walau bagaimanapun, sekiranya individu yang meminum arak tersebut mendatangkan kacau ganggu pihak PDRM mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas individu tersebut. Namun begitu, pada masa ini Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil inisiatif dengan memasang papan tanda peringatan bagi melarang meminum minuman keras di kawasan awam bagi menjaga keselesaan dan ketenteraman orang awam dan pengunjung taman tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu, tak hadir.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Yang Berhormat saya ambil soalan Kuala Kubu.

TUAN SPEAKER : Saya tidak benarkan. Taman Templer, tak hadir. Rawang kembali.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 101.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N14 RAWANG)

TAJUK : BANTUAN UNTUK GOLONGAN B40 DAN M40

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan definisi B40 dan M40 untuk Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk program membantu golongan B40 dan M40?

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Rawang. Saya kira sebahagiannya saya telah menjelaskan beberapa hari lepas terutamanya apa-apa kah program-program semasa penggulungan yang lepas.

Namun untuk definisi B40 sebagaimana yang telah digariskan oleh Kerajaan Persekutuan, bentuk B40 adalah bagi mereka-mereka yang berpendapatan RM6,140.00 dan ke bawah. Itu lah kelompok-kelompok dianggarkan *below forty* atau pun mereka-mereka yang dianggap B40.

Di sini saya rasa kita perlu jelaskan perbezaan di antara E-Kasih, perbezaan di antara BSH dan B40. Bila B40 maknanya takrifannya ialah mereka yang *Below 40* dalam strata masyarakat dilihat daripada tangga gaji dan daripada itu RM2,000.00 dan ke bawah itu di anggap sebagai penerima-penerima yang layak E-Kasih, RM4,000.00 dan ke bawah ialah mereka-mereka yang menerima dan boleh menerima Berian Sara Hidup ataupun BSH dalam *government* atau pun kerajaan.

Namun begitu sebagaimana yang saya sebutkan ketika dipertanyakan oleh Sijangkang yang lepas kita juga mengambil maklum atas kajian terkini supaya kita tidak letak lagi T20, M40 dan B40. Sebab setiap kelompok itu sendiri mempunyai julat yang berbeza dan juga fokus-fokus dan juga spektrum yang lebih luas di mana kadang-kadang penumpuan, hasil dan kekuatan kedudukan keluarga itu juga tertumpu terhadap jumlah dan saiz keluarga dan kedudukan sosial dan strata sosial seseorang itu.

Baik kalau saya boleh sebutkan Kiss adalah untuk B40, Skim Air Darul Ehsan adalah untuk kelompok B40, Bantuan Am Kebajikan untuk B40, Bantuan Bina Rumah dan Baiki adalah dalam B40, Jom Shopping setakat ini dalam B40 kecuali untuk Skim Usia-Usia Emas yang meliputi semua, Skim Peduli Sihat adalah B40, Bantuan Sihat Selangor adalah dalam kelompok B40, Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar B40 dan mereka yang hampir kepada M40, Program Tuisyen Rakyat B40, Hadiah Pengajian IPT, 5,000 kita anggap walaupun 6,000 kapnya tapi 5,000 masih boleh dianggap untuk dianggap dalam kelompok M40. Skim Rumah Selangorku ya masih boleh diberikan untuk M40 kerana isi rumahnya adalah 10,000. Skim Smart Sewa kelayakannya adalah 5,000 dan selepas ini Program seperti Selangor BITARA ataupun *Brain Bank* ia adalah untuk kelompok-kelompok ataupun yang bukan melihat tangga gaji yang rendah sebaliknya melihat kepada pencapaian serta kedudukan ekonominya dan selepas itu, dan, dan dalam program teknikal dan vokasional kita ataupun TVIT ataupun Iktisas yang dipanggil Iktisas juga tidak melihat tangga gaji tertentu untuk kelayakan masuk dalam skim dan bantuan yang kita berikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya No. 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KEMUDAHAN RIADHAH UNTUK WARGA EMAS DI SELANGOR

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan populasi warga emas yang semakin meningkat di Malaysia, adakah Kerajaan Negeri menggalakkan Kerajaan Tempatan menyediakan kemudahan riadah percuma (e.g. Dewan Komuniti, Gelanggang Bola Keranjang) khas untuk warga emas?
- b) Sekiranya ya, apakah bukti komitmen Kerajaan Negeri ? (e.g. surat pekeliling)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Bandar Utama. Tuan Speaker, pada masa ini PBT tidak menyediakan secara khusus kemudahan awam seperti Dewan dan Tapak Permainan sukan untuk warga emas. Semua kemudahan yang disediakan adalah untuk kegunaan semua penduduk setempat tanpa mengira peringkat usia. Walau bagaimanapun beberapa PBT sedang bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKM dalam mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE adalah suatu tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial, *reaching out* dan pembangunan *developmental* kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara JKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan, NGO.

Sehingga kini sebanyak 16 pusat aktiviti warga emas telah ditubuhkan di Negeri Selangor. Sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri bagi memastikan tahap kehidupan warga emas lebih terjamin, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor di dalam ucapan Belanjawan Tahun 2019 telah menyarankan agar pemaju bagi projek pembangunan harus menyediakan ruang sebagai pusat komoditi warga emas di Negeri Selangor. Perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor pada 29 Ogos tahun ini dan Kerajaan Negeri bersetuju agar cadangan penyediaan ruang sebagai Pusat Komoditi Warga Emas oleh pemaju dalam projek pembangunan di teliti oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor di dalam Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Ketiga yang bakal di pinda. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan Sungai Kandis No. 103.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

- a) Berapakah jumlah projek Rumah Selangorku yang diluluskan pada 2019 mengikut pecahan daerah?
- b) Berapa unitkah yang telah siap dibina mengikut pecahan jenis pada 2019?
- c) Berapakah jumlah pemohon yang masih belum berjaya mengikut pecahan jenis dan permohonan?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih kepada Sungai Kandis. Sungai Kandis ingin tahu berapa jumlah projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan. Sebenarnya sudah banyak kali saya sebutkan ni tapi tak pe lah sebab Sungai Kandis tak catit apa yang saya cakap. Ok. Sebanyak 12 projek yang melibatkan 11,690 unit Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2019. Perincian projek yang tersebut saya bacakan sepintas lalu. Di daerah Gombak sebab projek-projek ini disenaraikan mengikut daerah ok. Jadi di daerah Gombak ada 3,706 unit. Daerah Hulu Langat ada 561 unit. Di daerah Klang 5,097. Kuala Selangor 394 unit. Petaling 251 unit dan Sepang 1,681 unit. Jadi jumlahnya 11,690 unit. Bilangan unit Rumah Selangorku yang telah siap pada tahun 2019 adalah sebanyak 4,302 unit. Perincian dia saya akan hantarkan secara bertulis sebab panjang senarai dia.

Kemudian Sungai Kandis juga bertanya tentang jumlah permohonan untuk Rumah Selangorku ini. Baik. Setakat 15 September 2019 ada sebanyak 192,564 pemohon. Saya perlu jelaskan di sini jumlah ini sebenarnya belum lagi melalui saringan syarat-syarat kelayakan maknanya siapa-siapa juga boleh menulis dan mendaftar diri lah. Jadi itu jumlah dia. Ya. Selepas saring mengikut syarat-syarat kelayakan jumlah tersebut ada tinggal hampir separuh. Ya. Sebab ada sesetengah pihak yang cuba-cuba untuk mendaftar ya tapi sebenarnya mereka tidak layak. Manakala jumlah pemohon yang masih aktif dalam sistem pendaftaran Rumah Selangorku bagi pemohon yang belum berjaya ditawarkan unit mengikut pecahan jenis adalah seperti berikut:-

(i)	Jenis A	-	13,661
(ii)	Jenis B	-	11,444
(iii)	Jenis C	-	14,930
(iv)	Jenis D	-	16,747

Itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

TAJUK : KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) SMART SELANGOR DALAM PEMBASMIAN JENAYAH

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek rintis Sistem Pengurusan Analisis Video Keselamatan dan Pengawasan di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Smart Selangor Delivery Unit?
- b) Berapa CCTV di daerah Petaling Jaya yang masih analog berbanding dengan digital?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Kampung Tunku. Tuan Speaker, projek rintis sistem pengurusan analisis video keselamatan dan pengawasan di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya kini sedang dalam peringkat pengujian analitik untuk pepadanan muka (*face recognition*), pengecaman insiden dan objek, pengiraan orang serta pembangunan *dashboard*. Keseluruhan pengujian dan pembangunan *dashboard* ini dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

Buat masa ini masih tiada CCTV analog di bawah seliaan Majlis Bandar raya PJ tetapi terdapat 60 unit CCTV analog di bawah seliaan SUK Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya apakah tahap *face recognition* dengan izin yang digunakan dalam projek rintis ini kerana walaupun kami, saya rasa kami mahukan *face recognition* dengan izin yang jelas tetapi juga ada kebimbangan tentang privasi.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Buat masa ini masih dalam peringkat pengujian dan dijangka akan siap pada hujung tahun ini. Sebenarnya *face recognition* bukan merupakan satu teknologi yang baru sangat di banyak negara asing telah mempunyai kepakaran *face recognition* tetapi apa yang dibuat oleh SSDU buat masa ini adalah untuk menyesuaikan keadaan di Malaysia. Maka satu pengujian sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia, tak hadir. Balakong, tak hadir. Kota Anggerik, tak hadir. Dusun Tua, tak hadir. Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : AGRO TOURIST DI KAMPUNG BUKIT CHERAKAH JAYA

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menjadikan Kampung Bukit Cherakah Jaya sebagai kampung Agro-tourist?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak ada perancangan yang khusus untuk menggantikan Kampung Bukit Cherakah Jaya sebagai Kampung Agro-tourist ataupun Inap Desa iaitu *homestay*. Walau bagaimanapun Pihak Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menyambut baik apa-apa cadangan atau perancangan untuk membantu semua produk pelancongan yang sedia ada dan berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Terdapat juga beberapa insentif yang berkaitan yang boleh di rujuk oleh mereka yang berminat khususnya penduduk Kampung Bukit Cherakah Jaya dalam bidang agro pelancongan atau *homestay* di Negeri Selangor ini tetapi mestilah melalui usaha sama daripada Jabatan Pertanian dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk membangunkan kawasan ataupun produk pelancongan di kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan Tambahan boleh Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan peruntukan khusus ada tak disediakan untuk agro pelancongan ini dalam Negeri Selangor.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang kita ada buat masa ini ialah untuk promosi dan *event* sahaja dan sekiranya ada rancangan atau pun cadangan untuk membangunkan satu-satu kawasan itu kita boleh mohon ataupun kita minta bantuan daripada Pihak Pusat. Jadi itu lah keadaannya sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Dengkil, tak hadir. Sungai Panjang, orak tekko (Bahasa Jawa), tak hadir. Sijangkang tekko.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan No. 112.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : SKIM SMART SEWA SELANGOR

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program Skim Smart Sewa Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun ini?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih kepada Sijangkang. Untuk makluman Yang Berhormat status Skim Smart Sewa Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun 2019 melibatkan pembelian sebanyak 297 unit. Unit-unit tersebut saya bacakan sepintas lalu, Pangsapuri Simfoni di Beranang, Jenis B, 13 unit sudah diserahkan kunci kepada LPHS. Pangsapuri Alpinia, Dengkil, Jenis C, 50 unit juga sudah diserahkan kunci kepada LPHS. Antara Gapi, Serendah, Jenis D, 4 unit juga telah diserahkan kunci. Kota Puteri, Rawang, Jenis C, rumah bandar ya, 20 unit dalam proses serahan kunci. Bukit Rahman Putera, Sungai Buloh, Jenis A, 180 unit Pemaju masih menunggu untuk mendapat sijil layak menduduki penuh dan Pangsapuri Harmoni, Putera Heights, Jenis C, 30 unit telah selesai perjanjian dan dalam pembinaan 70% siap. Terima kasih

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Kalau dilihat daripada apa Yang Berhormat sebutkan tadi ya pelbagai jenis yang ada. Adakah semua jenis-jenis ini merangkumi dinilai dengan harga 250 ribu ataupun mengikut kadar harga mengikut jenis.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Maksud Yang Berhormat sewaan ya kadar sewaan ya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Kerajaan ataupun GLC memiliki rumah ini kalau mengikut daripada tahun yang lepas adalah kadar milikan 200 ribu ringgit seunit dan kalau kita lihat kategorinya pelbagai ni, B, C dan juga D dan juga A. Adakah kadar nilai ini semua kadar nilai 200 ribu ringgit ataupun mengikut kadar yang berbeza.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Unit-unit ni Yang Berhormat diperolehi ataupun dibeli pada kadar jenisnya lah. Maknanya kalau jenis A, LPHS membelinya pada 42,000 seunit ya dan seterusnya lah dan sewaan yang dikenakan adalah mengikut sedikit rendah daripada kadar sewaan semasa di tempat yang berkaitan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI SELANGOR

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan atlet yang berjaya masuk dalam program pembangunan sukan Negeri Selangor dan berapa kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan?
- b) Apa jenis sukan yang diutamakan oleh Kerajaan dalam program ini?
- c) Berapa peratus adalah atlet wanita?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Bertanya tentang pembangunan sukan, bilangan atlet yang telah berjaya masuk dalam pembangunan sukan Negeri Selangor dan berapa kos yang dibelanjakan oleh kerajaan. Itu soalan yang pertama.

Sebagai maklumat asas kita program pembangunan sukan Negeri Selangor ini adalah di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor dan bermula di peringkat daerah melalui program-program yang telah kita jalankan antaranya Program Bakat. Program Bakat ini kita wujudkan bagi mencungkil bakat-bakat sukan tertentu di peringkat daerah dan melalui program ini juga para atlet yang mencapai tahap pencapaian prestasi yang telah ditetapkan akan melalui program pelapis pulak yang akan memberi tumpuan bagi melahirkan atlet prestasi tinggi.

Program pelapis ini juga akan didedahkan kepada kejohanan yang lebih tinggi seperti kejohanan peringkat kebangsaan ataupun SUKMA dan apabila atlet itu telah mencapai satu prestasi yang lebih baik mereka akan diletakkan di Program Elit SUKMA iaitu program yang lebih mengfokuskan persediaan atlet untuk mewakili Negeri Selangor kejohanan sukan Malaysia iaitu SUKMA. Yang merupakan kejohanan sukan berprestij di negara Malaysia.

SUKMA adalah satu platform pemilihan untuk para atlet bersaing di antara negeri-negeri bagi mendapat tempat ke program kebangsaan bagi mewakili negara. SUKMA dan dia akan mewakili negara selepas daripada itu. Jadi secara keseluruhannya kita ada Program Bakat di peringkat daerah dan kita naikkan kepada Pelapis Negeri dan setelah mereka layak kita akan serapkan ke dalam Elit SUKMA.

Bagi tahun 2019, bilangan atlet di program pembangunan sukan Negeri Selangor adalah seramai 3,876 yang terdiri daripada 2,708 dan 1,168 atlet wanita. Iaitu 70% lelaki, atlet lelaki dan 30% atlet wanita dan berikutan adalah sukan yang dibangunkan yang di bawah pembangunan sukan Negeri Selangor. Kita ada banyak sukan-sukan yang berada di dalam Negeri Selangor dan kos senarainya kita ada 41 kalau saya nak baca agak panjang mungkin saya boleh bagi senarai tetapi 5 yang teratas adalah akuatik renang, akuatik terjun, golf, tinpin bowling, pencak silat, pathong, gimnastik dan banyak lagi senarai yang kita adakan.

Jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi pembangunan sukan di Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah berjumlah 2.4 juta dan ini adalah perbelanjaan yang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

sederhana kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain kalau umpama kalau saya boleh lihat negeri Sarawak, mereka membelanjakan 14 juta lebih untuk pembangunan sukan sahaja tetapi walau bagaimanapun kita tetap berbangga dengan prestasi yang kita tunjukkan dalam sukan di Selangor kita.

Bagi menjawab soalan b, jenis sukan yang diutamakan oleh Kerajaan Negeri bagi proses pembangunan sukan adalah sebanyak 16 jenis sukan teras yang telah disenaraikan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Antaranya adalah akuatik, badminton, *bowling* padang, berbasikal, bola sepak, gimnastik, hoki, olahraga, memanah, menembak, karatedo, pencak silat, perahu layar, *ten-pin bowling*, squash dan wushu.

Selain daripada itu, kerajaan Selangor melalui Majlis Sukan Negeri memberi tumpuan pembangunan sukan yang lain selain daripada sukan-sukan teras memandangkan ianya masih dipertandingkan di peringkat SUKMA. Jadi dalam kita membangunkan sukan 16 ini ada juga sukan lain yang kita masih aktif dan sebagaimana yang saya jawab tadi berapakah peratusan atlet wanita jawapannya adalah 30% daripada atlet yang ada adalah di kalangan wanita dan berbalik kepada jawapan 2.4 juta yang telah dibelanjakan walaupun kita berbelanja secara sederhana dalam sukan kita tetapi prestasi kita di SUKMA pada tahun 2014, kita duduk di tempat ke empat, pada tahun 2016 kita menjadi johan dan 2018 kita di tempat ketiga. Ini lah prestasi-prestasi yang kita bangga terhadap atlet kita walau bagaimanapun kita masih mendukung memberi harapan yang tinggi kepada pasukan SUKMA kita untuk bertanding di Johor pada tahun hadapan.

Untuk makluman semua, Selangor kita bersedia untuk menjadi tuan rumah SUKMA pada 2022 malah kita telah mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk menganjurkan SUKMA 2022. Kita telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kita telah berjumpa dengan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia dan in syaa Allah kita akan sediakan apa yang sepatutnya kita sediakan dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian semua kita juga telah mengadakan dialog dalam RMK Ke12 bersama dengan Menteri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan dalam pandangan Menteri Ekonomi beliau memberi pandangan bahawa kalau kita hendak anjur SUKMA fokus Kerajaan Persekutuan adalah lebih kepada menaik taraf daripada membina pusat-pusat sukan yang baru dan kita di Selangor ini mempunyai cukup kekuatan untuk kita anjurkan SUKMA daripada 2022. Jadi itu sahaja Yang Berhormat.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Satu soalan sahaja untuk Yang Berhormat EXCO. 2.4 juta bukan sederhana, itu sangat-sangat sedikit. Kalau dibandingkan dengan Belanjawan atau pun peruntukan program-program lain saya rasa kurang daripada Yang Berhormat Alam Sekitar jugak. Jadi saya ingin bawa perkara ini kepada perhatian Kerajaan Negeri supaya sukan, pembangunan sukan khususnya harus diberi peruntukan yang sepenuhnya dan kalau Kerajaan Negeri tidak cukup dana pada ketika ini saya ingin cadangkan supaya satu kajian boleh dibuat untuk membenarkan GLC-GLC Kerajaan Negeri untuk memberi dana kepada sukan-sukan khususnya dalam sukan teras di negeri ini.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan dan saya suka juga kalau Yang Berhormat membawa usul pun bagus juga di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Membawa Usul Persendirian mungkin kita boleh bahas dengar pandangan-pandangan Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun ini lah fakta dan realiti yang kita ada memang kita boleh tafsirkan sebagai sederhana ataupun rendah tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi rekod kita walaupun dalam keadaan begitu kita masih menjadi johan 2016 dan tempat ke tiga 2018. Walau bagaimanapun kita tunggu dan daripada usul Yang Berhormat untuk kita bantangkan dan boleh jadi juga sebagai tambahan (ketawa) sebagai tambahan mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat saya nak rujuk pada Jeram yang berminat meletakkan para Yang Berhormat sebagai ADUN angkat, ini adalah senarai 16 yang saya sebutkan tadi antara sukan-sukan yang kita beri keutamaan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM11,749,290.80.

TUAN SPEAKER : Jadual B.21 iaitu wang sejumlah RM11,749,290.80 untuk Kepala B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, RM13,632,128.00.

TUAN SPEAKER : Jadual B.22 iaitu wang sejumlah RM13,632,128.00 untuk Kepala B.22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, RM10,674,258.20.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Jadual B.23 iaitu wang sejumlah RM10,674,258.20 untuk Kepala B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, RM11,969,298.30.

TUAN SPEAKER : Jadual B.24 iaitu wang sejumlah RM11,969,298.30 untuk Kepala B.24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, RM12,492,646.20.

TUAN SPEAKER : Ya, Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada, B.25, Kod Objek 12000, muka surat 170, Elaun Tetap. Menurut Pekeliling Perkhidmatan Awam Tahun 2012, di mana pekeling ini telah pun ditetapkan ada kawasan yang dikumpulkan di dalam Kumpulan A dan B dan ada kawasan yang dikumpulkan dalam lain-lain kumpulan.

Dalam pemerhatian saya bukan hanya Daerah Hulu Selangor tetapi daerah lain juga seperti Daerah Sabak Bernam dan sebagainya. Mereka hanya mendapat Elaun COLA, RM150.00, jika dibandingkan dengan daerah A atau B yang mendapat RM300.00 dan RM250.00.

Kalau kita lihat seorang kakitangan yang tinggal di Serendah misalnya, bekerja di Selayang, mereka mendapat COLA RM300.00 kalau tidak silap saya.

Kalau tinggal di Serendah juga, mereka bekerja di Pejabat Daerah Kuala Kubu misalnya, mereka mendapat COLA RM150.00.

Mungkin ini ada hubung kait dengan dengan Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang peduli rakyat, apakah kerajaan boleh “*top-up*” dengan izin elaun ini, daripada RM150.00, misalnya tambah RM50.00 lagi agar dapat sesuatu yang terbaik untuk kakitangan kerajaan yang berkhidmat di lain-lain kawasan terutamanya di daerah luar bandar ini.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Ya, pihak kerajaan kalau ingin bagi pencerahan dan penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Batang Kali, sebagaimana yang hipotesis Batang Kali tadi, memang penentuan COLA itu bergantung kepada lokaliti dan kedudukan sesuatu daerah dan kenapa sesuatu tempat itu diberikan nilai-nilai tertentu oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA, kerana melihat saiz fail, melihat saiz kepadatan dan juga saiz kerumitan terhadap satu urusan-urusan daerah.

Sudah pasti kalau macam Petaling Jaya mempunyai dua (2) bandar raya, satu majlis perbandaran dan satu Pejabat Daerah Petaling, kadar kerumitannya itu lebih tinggi. Intensiti kerja juga begitu tinggi dan begitu juga bezanya dengan pejabat daerah dan sebagainya.

Justeru perkara ini masih di bawah urusan Jabatan Pentadbiran Awam atau pun JPA dan COLA adalah namanya di bawah Pekeliling Perkhidmatan di bawah JPA perkara-perkara tersebut. Dan Kerajaan Negeri belum ada apa-apa nilai tambah yang kita boleh terus kepada urusan COLA tersebut.

Namun, kita juga ada urusan tambah yang lain, contohnya adalah BKK, contohnya adalah Pemberian Khas atau pun dan sebagainya yang saya lihat, kita sentiasa melebihi daripada apa yang telah ditawarkan kepada perkhidmatan awam di peringkat persekutuan.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih. Jadual B.25 iaitu wang sejumlah RM12,492,646.20 untuk Kepala B.25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, RM12,926,456.00.

TUAN SPEAKER : Jadual B.26 iaitu wang sejumlah RM12,926,456.00 untuk Kepala B.26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.27 – Jabatan Kehakiman Syariah, RM37,707,636.60.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :

Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian muka surat 180, B.27 aktiviti 54000, Kod Objek 10000, emolumen.

Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini, bahawa sebagai institusi yang mengangkat tinggi peranan kehakiman yang bukan hanya menegakkan keadilan bahkan ia hendaklah dilihat dengan penuh dedikasi menegakkan keadilan. Keadilan akan hanya dilihat telah ditegakkan jika semua proses rayuan telah disempurnakan.

Demikian juga, perbicaraan mahkamah melibatkan kos yang tinggi dan jika tidak ada khidmat sokongan kepada pihak yang terbabit.

Dengan itu saya mencadangkan, agar kerajaan memulakan satu proses transformasi bagi membolehkan keadilan dilihat telah benar-benar ditegakkan dan cukup bantuan untuk menjadikan kes-kes mahkamah syariah dijalankan dengan jayanya.

Pertama, memberi ruang pembelaan yang lebih besar dalam proses prosedur rayuan di mahkamah syariah. Buat masa ini, kes-kes yang di bicara di mahkamah rendah masih ada peluang rayuan, dirayu sebanyak dua (2) kali. Pertama di mahkamah tinggi dan kali kedua di mahkamah rayuan.

Walau bagaimanapun, kes-kes yang di bicara di mahkamah tinggi hanya berpeluang merayu sekali sahaja. Iaitu di mahkamah rayuan.

Proses prosedur ini tidak cukup memberi ruang kepada pihak terlibat menuntut keadilan.

Kedua, tauliah sebagai peguam syarie, hendaklah diberikan kepada pegawai di Bahagian Sokongan Keluarga, bagi membolehkannya berperanan mewakili anak guam dalam perbicaraan kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di mahkamah.

Berdasarkan maklumat yang saya perolehi, negeri-negeri yang melaksanakan pemberian tauliah kepada pegawai-pegawai Bahagian Sokongan Keluarga telah menunjukkan impak yang sangat positif dalam memastikan pematuhan kepada perintah-perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah-mahkamah syariah di negeri-negeri terbabit.

Oleh itu, saya menyokong peruntukan ini diluluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. YUNUS BIN HAIRI :

Terima kasih Tuan Speaker, saya merujuk kepada muka surat 180, butiran program aktiviti 541000, Kod Objek 29000 dan 32000.

Kita melihat bahawa, kompleks mahkamah syariah di Negeri Selangor yang dibangunkan oleh kerajaan pusat, banyak kelemahan daripada sudut infrastrukturnya yang dapat dikesan daripada awal lagi yang melibatkan, boleh dikatakan sebahagian besar daripada kompleks mahkamah syariah di Negeri Selangor terutamanya, mahkamah syariah yang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

berada di Shah Alam ini, ia nya berlaku sudah agak lama dan saya ingat sebelum ini pun pihak JKR telah membuat “*assessment*” dan sebagainya.

Dan saya juga mendapat maklumat bahawa tidak ada pergerakan yang agak serius terutamanya dan sebahagian daripada kerosakan ini sepatutnya dibaiki oleh pihak pemaju.

Mungkin, saya hendak bertanya, apakah dasar Kerajaan Negeri dengan keadaan yang dihadapi pada hari ini?

Begitu juga saya hendak dapat maklumat daripada Kerajaan Negeri, berkaitan dengan pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah Daerah Gombak yang saya kira telah siap sejak tahun lalu. Adakah ia nya sudah boleh beroperasi pada hari ini? Kerana saya pernah lalu dan dapati seolah-olah masih belum lagi beroperasi?

Dan seterusnya saya melihat, sudah tentulah Negeri Selangor ini, kes-kes yang berlaku di Negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang maju, kesnya terlalu besar dan sebelum ini pun, terpaksa ada penambahan perjawatan-perjawatan tertentu yang akhirnya pihak Majlis Agama Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri membantu dari sudut peruntukan ataupun gaji dan emolumen kepada keperluan penambahan perjawatan-perjawatan ini.

Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menaiktarafkan mahkamah syariah di Negeri Selangor ini sejajar dengan pembangunan ataupun kepesatan dan juga bilangan kes yang semakin hari semakin banyak di Negeri Selangor ini.

Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Mohon pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya Hulu Kelang dan Sijanggang yang membangkitkan beberapa butiran dan perkara berkenaan dengan pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

Timbalan Speaker, berkenaan dengan isu ataupun cadangan Yang Berhormat Hulu Kelang berkenaan dengan membuka ruang pembelaan yang lebih luas kepada kesalahan-kesalahan dan juga perbicaraan-perbicaraan di mahkamah syariah iaitu dengan membuka ruang pembelaan.

Perkara ini telah dibincangkan oleh Majlis Perundingan Islam, Hal Ehwal Islam peringkat kebangsaan yang lepas dan ada pembentangan dan beberapa cadangan-cadangan telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan perkara ini sememangnya diletakkan di bawah, sedang diuruskan dan sedang ditimbang oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, supaya taraf mahkamah itu diletakkan kepada satu *level* tertentu dan ruang pembelaannya boleh sampai kepada mahkamah rayuan. *Ataupun levelnya* sampai ke mahkamah rayuan.

Pada sekarang ini sesuai dengan dua tingkat rayuan yang hanya sampai, tidak silap saya kepada Mahkamah tinggi sahaja bagi sesuatu kes yang telah ditetapkan, dan bila Mahkamah apa itu, Mahkamah Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, menutup

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

menetapkan ataupun selesai kertas kerjanya, kita akan boleh mengambil tindakan yang tersebut.

Yang keduanya, berkenaan dengan cadangan tauliah, kepada tauliah Peguam Syarie kepada pegawai-pegawai terbabit, kita akan ambil tindakan ataupun akan mempertimbangkan dan kita akan kemukakan jika dana dan juga kedudukan dan juga situasi yang dicadangkan oleh Hulu Kelang itu selesai. Yang Berhormat Sijangkang, membangkitkan tentang bangunan-bangunan Kompleks Mahkamah Syariah yang merupakan kita *inherit* kepada masalah sebelum ini. Yang saya akui, memang berdepan dengan situasi dan kompleks dan bangunan yang uzur bukan uzur tidak pandan dengan nilai yang sewajarnya yang diserahkan kepada kita. Dan memang banyak kes-kes yang melibatkan kerosakan-kerosakan yang mana kerosakan-kerosakan itu, boleh menyebabkan kejadian-kejadian.

Pernah saya ditunjukkan gambar, dekat gambar itu, dinding cermin itu jatuh. Nasib baik tidak ada orang ketika dinding itu jatuh. Ataupun tidak ada perbincangan yang sedang berlangsung pada ketika tersebut. Dan pihak Unit Perancang Ekonomi, memang sedang teliti secara keseluruhan dan meninjau serta monitor dengan izin, setiap memantau setiap perkembangan pembangunan tersebut. Berkenaan Kompleks Mahkamah Syariah Gombak, pada ketika ini dia agak terhenti sebab ada isu bekalan air. Isu bekalan air dan *Inshaallah*, apabila Langat dua telah selesai nanti Gombak merupakan kawasan tengah yang akan dibekalkan tambahan 325 maksimumnya hampir 400 saya percaya isu bekalan ini dapat diselesaikan dan kompleks itu dapat beroperasi sebagaimana dijadualkan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Tua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jadual B.27 - iaitu wang sejumlah **RM37,707,634.60 (Tiga Puluh Tujuh Juta Tujuh Ratus Tujuh Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Empat Ringgit Dan Enam Puluh Sen)** untuk Kepala B.27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am), **RM84,288,428.07 (Lapan Puluh Empat Juta Dua Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Dua Puluh Lapan Ringgit Dan Tujuh Sen).**

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 185, di bawah butiran 508010 kod objek 52000, saya lihat perbelanjaannya agak besar itu lebih hampir lapan Juta. Lapan Puluh Juta, jadi mohon penjelasan bahagian itu apakah perbelanjaan paling besar telah digunakan dan apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang telah atau akan digunakan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dipersilakan pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan penjelasan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Mengenai butiran yang dibangkitkan oleh Pihak Kota Damansara, ini adalah tanggungan-tanggungan kes-kes mahkamah yang perlu dihadapi oleh pihak Kerajaan Negeri. Sebagai mana yang saya bangkitkan semasa sidang dewan yang lepas. Pentadbiran hari ini, berdepan dengan beberapa risiko-risiko untuk membayar akibat daripada peraut-peraut pasal peraut, pasal tanah. Yang telah mendapat kebenaran merancang dan juga kelulusan, kelulusan satu binaan. Kalau saya boleh katakan, *Time City*, sebagai contoh. Kita terpaksa berdepan dengan hampir Dua Ratus Juta Ringgit Malaysia. Itu orang yang keluar itu sebagai bagus kalau ini, Dua Ratus Juta yang kena bayar Sungai Tua. Yang buat yang dulu yang dianggap pandai sangat simpan *reserve*.

Yang kedua, J W Properties, *almost forty six million* kita kena bayar pada masa akan datang. Sekali lagi yang kena tanggung Sungai Tua ataupun mana-mana Menteri Besar sekali lagi orang yang pandai simpan *reserve* itu, kena puji oleh pihak pembangkang pada hari ini. Jadi pada hari ini saya sebutkan lapan puluh juta itu, adalah persediaan kita untuk berdepan dengan beberapa kes-kes yang melibatkan perampasan yang kurang berkhemah pada masa lepas. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Tua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B.29 – iaitu wang sejumlah, **RM84,288,428.07 (Lapan Puluh Empat Juta Dua Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Dua Puluh Lapan Ringgit Dan Tujuh Sen)** untuk Kepala B.29 Perbelanjaan Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.30 – Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, **RM2,036,511.50 (Dua Juta Tiga Puluh Enam Ribu Lima Ratus Sebelas Ringgit Dan Lima Puluh Sen).**

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Timbalan Speaker, Puan Pengerusi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Merujuk jadual B.30, muka surat 188, aktiviti 50500 Kod Objek Sepuluh Ribu Emolumen. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini selaras dengan peranan setiap ADUN adalah untuk memastikan doktrin pemisahan kuasa di antara tiga bahagian Kerajaan Eksekutif, Legislatif, Kehakiman, Kehakiman antara tugas yang penting yang kita mainkan dapat kita diapresiasi. Bahagian Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, tugas ini telah, sebelum ini dilakukan oleh bahagian Pendakwaan JAIS. Fungsi menjalankan tanggungjawab melaksanakan tadbir urus dan pengendalian pendakwaan kes-kes Syariah.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Pada tahun 2007, Jabatan Agama Islam Selangor, telah mula mengambil inisiatif untuk meletakkan struktur pengurusan penguatkuasaan dan pendakwaan syariah pada dua bahagian berasingan. Saya menyatakan ini, adalah kerana saya menyanjung apa yang dilakukan kerana ini adalah tahun yang kedua, peruntukan telah didebat diberikan secara berasingan khusus pada Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor. Dengan itu, dia dapat memperkasakan Jabatan Kehakiman Syariah sebagai badan dalam bidang kehakiman. Satu perubahan yang positif dan progresif di mana bahagian pendakwaan diasingkan daripada badan eksekutif. Dan ini, mengingatkan kepada kita sebagai ahli Dewan Negeri Selangor segala perkara yang boleh mengukuhkan ketulusan tidak berlaku campur aduk di antara eksekutif dan legislatif dan pendakwaan akan kita dukung di semua bidang jabatan yang diamanahkan kepada kita sebagai ahli Dewan Negeri. Dengan itu saya menyokong peruntukan ini agar diluluskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, Hulu Kelang. Daripada pihak kerajaan sekiranya ada penjelasan. Silakan, Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, saya rasa ingin letakkan sebagai satu usaha yang *bold*. Bahawa ini adalah salah satu usaha *intonational reform* ataupun perubahan atau reformasi institusi yang kita buat secara berhemah dan berjalan di antara satu sama lain. Walaupun sidang dewan yang lepas saya sebutkan, antaranya adalah SELCAT dan sebagainya. Ini dok *traine* pengisahan kuasa, sebagaimana yang disebutkan oleh pihak Hulu Kelang sebentar tadi menjadi salah satu unsur yang kita pertahankan cuma kaedah pelaksanaannya itu harus melihat secara holistik supaya kita tidak terburu-buru atau pun tergesa-gesa yang akhirnya nanti satu niat yang baik itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik, dan pelaksanaan Pendakwaan Syariah ini adalah satu contoh bagaimana kita melihat keseluruhannya bajetnya, peruntukannya, kekuatannya, sumber manusianya dan barulah Jabatan ini dapat diwujudkan yang sebelum ini terletak di bawah Jabatan Pendakwaan JAIS. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Tua.

Ahli-ahli Yang Berhormat Jadual B.30 – iaitu wang sejumlah **RM2,036,511.50 (Dua Juta Tiga Puluh Enam Ribu Lima Ratus Sebelas Ringgit Dan Lima Puluh Sen)** untuk Kepala B.30 Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jumlah Perbekalan, **Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Enam Puluh Lapan Juta, Tujuh Ratus Sepuluh Ribu, Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ringgit Dan Tiga Puluh Tujuh Sen (RM2,268,710,286.37).**

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat, Jumlah Perbekalan, **Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Enam Puluh Lapan Juta, Tujuh Ratus Sepuluh Ribu, Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ringgit Dan Tiga Puluh Tujuh Sen (RM2,268,710,286.37).** menjadi sebahagian daripada Jadual.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan pengerusi saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dewan bersidang semula. Dipersilakan Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, Puan Timbalan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa rang undang-undang ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Bandar Baru Klang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2020.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-undang Peruntukan DiRaja (Pindaan 2019) Rang Undang-undang ini bernama, suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dipersilakan Sungai Tua. Pindaan kali ke dua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Peruntukan diRaja (Pindaan) 2019 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas III dan Kelas IV.

Bagi Kelas III, peruntukan telah bertambah daripada **RM7,025,201.76 (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Dua Puluh Lima Ribu Dua Ratus Satu Dan Tujuh Puluh Enam Sen)** kepada **RM7,309,831.61 (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Tiga Ratus Sembilan Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Satu Dan Enam Puluh Satu Sen)** iaitu peningkatan sebanyak **RM284,629.85 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Puluh Empat Ribu Enam Ratus Dua Puluh Sembilan Dan Lapan Puluh Lima Sen)**. Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan emolumen kakitangan tetap Pejabat Istana.

Bagi Kelas IV, peruntukan telah bertambah daripada **RM15,033,074.45 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Tiga Puluh Tiga Ribu Tujuh Puluh Empat Dan Empat Puluh Lima Sen)** kepada **RM15,214,568.20 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Dua Ratus Empat Belas Ribu Lama Ratus Enam Puluh Lapan Dan Dua Puluh Sen)** iaitu peningkatan sebanyak **RM181,493.75 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Empat Ratus Embilan Puluh Tiga Dan Tujuh Puluh Lima Sen)**. Pertambahan ini diperlukan bagi penggantian peralatan serta kenaikan emolumen kakitangan kontrak Pejabat Istana bagi tahun 2020.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli- Ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA** dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Kali Yang Kedua. Rang undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA** dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA** dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Timbalan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa yang telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA** dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Kali Ketiga Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja, pindaan 2019. Usul nombor 20 tahun 2019, usul Peruntukan Pembangunan 2020.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini berbunyi seperti yang berikut, bahawasanya menurut seksyen 9 subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak **RM1,133,000,000.00** (Satu Bilion Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Ringgit) yang dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan ini mengikut seksyen 4(1) akta yang sama seperti mana yang terdapat di dalam jadual hendaklah diluluskan. Jadual anggaran pembangunan 2020.

P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri **RM745,681,000.00** (Tujuh Ratus Empat Puluh Lima Juta Enam Ratus Lapan Puluh Satu Ribu).

P04 Perbendaharaan Negeri Selangor **RM1,565,000.00** (Satu Juta Lima Ratus Enam Puluh Lima Ribu).

Jabatan Pertanian Negeri Selangor P08, Jabatan Pertanian Negeri Selangor **RM11,767,000.00** (Sebelas Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu).

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor **RM5,225,000.00** (Lima Juta Dua Ratus Dua Puluh Lima Ribu).

Jabatan Kerja Raya P12 **RM 178,00000.00 (Seratus Tujuh Puluh Lapan Juta).**

P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor **RM84,400,000.00** (Lapan Puluh Empat Juta Empat Ratus Ribu).

P14 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor **RM98,980,000.00** (Sembilan Puluh Lapan Juta Sembilan Ratus Lapan Puluh Ribu).

Jabatan Perancang Bandar dan Desa **RM 1,955,000.00** (Satu Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Lima Ribu) dan P16 Jabatan Perancang Desa tadi RM 1,955.00 .

P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor **RM5,427,000.00** (Lima Juta Empat Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu).

Yang Berhormat dan Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian, sejumlah **RM8,470,000,000.00** (Lapan Bilion Empat Ratus Tujuh Puluh Juta) telah diperuntukkan bagi siling rancangan Malaysia ke 11 ataupun RMK11 pada tahun 2016 hingga 2020.

Jumlah tersebut adalah sebanyak **RM1,133,000,000.00** (Satu Bilion Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta) bagi membiayai projek-projek pembangunan negeri pada tahun 2020 di mana **RM1,231,000,000.00** (Satu Bilion Dua Ratus Tiga Puluh Satu Juta) diperuntukkan bagi

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

perbelanjaan langsung dan **RM10,000,000.00** (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta) adalah dalam bentuk pinjaman. Jumlah peruntukan mengikut kepala adalah seperti dalam usul pembangunan tahun 2020.

P 01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sejumlah **RM745,681,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Empat Puluh Lima Juta Enam Ratus Lapan Puluh Satu) telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Peruntukan mengikut pecahan kepala atau PK adalah seperti berikut:

Sejumlah **RM50,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta) diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 dan P.K1 Ekonomi. Peruntukan bertujuan untuk menampung perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan ekonomi, perindustrian dan pelaburan serta Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

P.K2 Luar Bandar, peruntukan sebanyak **RM25,800,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Juta Lapan Ratus Ribu) disediakan bertujuan membiayai program ekonomi nelayan, petani dan penternak. Program pembudayaan dan pembangunan sosial ekonomi, pembangunan ekonomi kampung tradisi, program pembangunan desa, kemudahan awam dan asas desa, naiktaraf baikpulih jalan luar bandar serta pembangunan kampung baru.

Bagi P.K3 Usahawan, peruntukan sejumlah **RM5,800,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta Lapan Ratus Ribu) disediakan untuk dana usahawan mikro Selangor, promosi usahawan, latihan usahawan mikro dan juga bagi program peningkatan keupayaan reka bentuk pembungkusan produk usahawan Negeri Selangor (4P) ataupun pembungkusan *made in* Selangor.

Manakala bagi P.K4 Sosial, sebanyak **RM83,160,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Tiga Juta Satu Ratus Enam Puluh) disediakan bagi tujuan perkhidmatan masyarakat, pembangunan orang asli, program pembangunan modal insan, program generasi idaman, hal ehwal pengguna, program kebudayaan, hal ehwal selain Islam dan program pembangunan minda rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

P.K5 Pendidikan, sebanyak **RM77,625,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Juta Enam Ratus Dua Puluh Lima) disediakan untuk program pendidikan serta pendidikan tinggi, projek bantuan sekolah, program kemahiran teknikal dan ikhtisas *Smart Selangor* dan program pendidikan anak-anak pekerja ladang.

Bagi P.K6 Wanita, kebajikan dan kesihatan sebanyak **RM116,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Belas Juta) diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan pembudayaan wanita, keluarga, kebajikan dan pembangunan kesihatan.

P.K7 Generasi Muda dan Sukan, sebanyak **RM14,500,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Lima Ratus Ribu) disediakan untuk program pembangunan generasi muda, menaik taraf infrastruktur sukan dan program-program pembangunan sukan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

P.K8 Kerajaan Prihatin, sebanyak **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Juta) disediakan untuk program kerajaan prihatin untuk pembangunan pekerja ladang dan juga NGO.

Bagi P.K9 Perbandaran, sebanyak **RM 43,633,190.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Tiga Juta Enam Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh) adalah bagi menampung kos kemudahan asas dan kemudahan awam PBT, pengangkutan, pengurusan sisa pepejal serta Kerajaan Tempatan.

P.K10 Pelancongan, peruntukan sebanyak **RM6,550,000.00** (Enam Juta Lima Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk menampung kos promosi dan acara pelancongan memajukan hasil kraf tangan serta menaik taraf produk pelancongan.

P.K11 Teknologi Maklumat dan Inovasi, sebanyak **RM7,406,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Empat Ratus Enam Ribu) disediakan untuk melaksanakan pembangunan ICT serta projek sains teknologi dan inovasi.

P.K12 Alam Sekitar, sebanyak **RM5,500,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Juta Lima Ratus) disediakan untuk program alam sekitar teknologi hijau.

P.K13 Adat Melayu Warisan, berjumlah **RM1,200,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Ratus Ribu) disediakan untuk menaik taraf Muzium Sultan Alam Shah pembangunan muzium-muzium daerah dan perolehan artifak.

Bagi P.K14 Perpustakaan, sejumlah **RM8,070,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Juta Tujuh Puluh Ribu) disediakan untuk kerja menaik taraf perpustakaan daerah, membina baru dan menaik taraf perpustakaan desa di samping pembelian kelengkapan koleksi perpustakaan pembangunan prasarana IT dan program penterjemahan karya antarabangsa.

P.K15 Perumahan dan Hartanah sebanyak **RM10,643,000.00** (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Enam Ratus Empat Puluh Tiga Ribu) diperuntukkan dan disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti termasuk kerja baik pulih projek perumahan rakyat dan kehidupan bandar komuniti desa.

P.K16 Pembangunan Projek Bekalan Air Selangor sebanyak **RM116,500,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Belas Juta Lima Ratus Ribu) disediakan oleh Kerajaan Negeri di antara projek utama di bawah PK ini ialah pembangunan Horas 600, pembinaan loji Rawatan Air (LRA) Labuhan Dagang Kuala Langat termasuk fasa ke-2 dan pembangunan loji Rawatan Air (ORS) Semenyih, projek pengepaman air kolam pembenihan awan dan kajian pembangunan sumber air Sungai Klang dan Sungai Langat.

P.K17 Projek Khas Negeri sebanyak **RM12,637,810.00** (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Enam Ratus Tiga Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus Sepuluh) disediakan untuk menampung beberapa kos yang dikenal pasti antaranya termasuk Dewan Serbaguna Kuala Selangor, Perpustakaan Awam Fasa 2, Bangunan Pentadbiran Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, projek pembinaan tempat letak kereta awam bertingkat di seksyen 5 Shah Alam, *Art Gallery Heritage Walk*, pembinaan muzium tekstil dan muzium setem serta dewan serba guna Pejabat Daerah Petaling.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

P.K18 Inisiatif Peduli Rakyat, sebanyak **RM115,750,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Belas Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk tujuan program-program IPR seperti Pusat Khidmat Krisis Sehenti OSCC, Skim Kesihatan Wanita, Kesedaran Kenegaraan, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim TUNAS, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas dan Program Pemberian Air Percuma.

Bagi P.K19 Am, sebanyak **RM42,906,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Dua Juta Sembilan Ratus Enam Ribu) disediakan untuk projek baik pulih bangunan kerajaan, pengambilan balik tanah dan pelbagai projek-projek lain.

P 04 Perbendaharaan Negeri Selangor

Sejumlah **RM1,565,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Enam Puluh Lima Ribu) diperuntukkan pada P04 Perbendaharaan Negeri dan jumlah tersebut diperuntukkan di bawah PK2 ataupun projek-projek am.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian,

Sejumlah **RM11,767,000.00** (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu) telah diperuntukkan untuk P08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor, daripada jumlah tersebut **RM430,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Tiga Puluh Ribu) diperuntukkan untuk PK1 iaitu Pembangunan Agro Teknologi.

Bagi P.K2 Pembangunan Tanaman Kelapa sebanyak **RM840,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Ratus Empat Puluh Ribu) diperuntukkan untuk membiayai program tanam semula dan pemulihan.

P.K3 Pembangunan Industri Padi, sebanyak **RM1,100,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Ribu) untuk program peningkatan hasil padi dan Padi MYGAP.

P.K4 pembangunan tanaman buah-buahan sebanyak **RM 1,187,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh Ribu) diperuntukkan untuk membiayai kos pembangunan tanaman kekal dan tanaman masa singkat.

Seterusnya bagi P.K5 Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan sejumlah **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) diperlukan.

Bagi P.K6 Pembangunan taman herba dan rempah ratus sejumlah **RM400,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu) disediakan.

Bagi P.K7 pembangunan madu lebah dan kelulut sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) disediakan.

P.K8 Pembangunan Produk Hiliran Pertanian Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1,200,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Ratus Ribu) untuk menaik taraf bengkel dan program bangunan peralatan industri asas tani.

P.K9 Pembangunan Tanah Terbiar sebanyak **RM300,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) disediakan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

P.K10 Pembangunan Tanaman Cendawan sebanyak **RM700,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Ribu) disediakan untuk rumah cendawan, kelengkapan dan peralatan serta kemudahan penyiapannya, penyimpanannya. Pembangunan...

Manakala bagi PK.11, Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani sebanyak RM2 juta diperuntukkan dan perkara berkaitan Program Latihan Golongan Sasar, Program Promosi Pertanian (IAT), Jualan Terus Tanaman, Latihan Belia dan Usahawan di samping Inovasi dan Teknologi Pertanian.

Bagi PK.12, Pembangunan Teknologi Fertigasi sejumlah RM1.96 juta diperuntukkan untuk Pembangunan Fertigasi Tertutup dan Fertigasi Terbuka dan

PK.14, Program Pencegahan Perosak Bersepadu sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan untuk program tersebut.

Manaka PK.15, Pembangunan Bunga-Bunga dan Tanaman Hiasan berjumlah RM450,000.00 diperuntukkan.

P 10, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Sejumlah RM5,225,000.00 diperuntukkan untuk P.10, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan jumlah tersebut RM2.1 juta ataupun RM2,100,000.00 diperuntukkan kepada PK.1 iaitu Pembangunan Pengukuhan Sumber Hutan yang bertujuan untuk mengukur dan menanda hutan simpan, Pembangunan Sistem Maklumat Perhutanan dan Rancangan Pengurusan Hutan, Projek Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Hutan, pengurusan hidrologi dan Zon Penampakan Hutan Paya Gambut (Central Forest Pine) serta persijilan hutan.

PK.2, Projek ataupun Program Pembangunan Sumber Hutan sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan untuk Projek dan Program Hutan Tadahan Air, tanaman mengaya bakau, herba dan pokok nadir serta penyediaan tapak semaian.

Dalam PK.3, Pemerksaan Hutan sebanyak RM1,395,000.00 diperuntukkan untuk Projek Pembangunan Hutan Lipur, Projek Pembangunan Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri, Projek Pembangunan Hutan Komuniti Kota Damansara, Projek Perhutanan Bandar, Pembangunan Hutan Pelajaran, Tanaman Hutan Perkampungan, Pemulihan Kawasan Terosot dan Sensitif serta Tanaman Hutan Tani.

Bagi PK.4, Pembangunan Infrastruktur sebanyak RM580,000.00 diperuntukkan untuk Kompleks Perhutanan Sungai Buloh, Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut, Pembangunan Taman Negeri Selangor dan Perhubungan Jalan Hutan.

Bagi PK.5, Program Pemulihan Alam Sekitar sebanyak RM150,000.00 diperuntukkan untuk Hutan Simpanan untuk Hutan Simpanan Hutan Dara, Petak Fenologi dan HCVF.

Manakala bagi PK.6, Program Penguatkuasaan Hutan sebanyak RM500,000.00 disediakan untuk Penguatkuasaan dan Kawalan Sumber Hutan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli Dewan sekalian,

P 12, Jabatan Kerja Raya

Sejumlah RM178,000,000.00 diperuntukkan kepada P.12, Jabatan Kerja Raya dengan jumlah tersebut sebanyak RM13,350,000.00 disediakan untuk PK.1 iaitu Pelbagai Rancangan bertujuan untuk Membalik Pulih Cerun, Pengambilan Balik Tanah, Pengambilan Balik Tanah dan untuk Kerja-Kerja Permulaan.

Untuk PK.2, Membina Jambatan dan Jejantas sebanyak RM11,800,000.00 diperuntukkan untuk Pembinaan Jambatan dan Jejantas yang telah dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor atau di daerah-daerah Negeri Selangor.

Bagi PK.3, Membina Jalan sebanyak RM52,100,000.00 disediakan bagi Pembinaan Jalan-Jalan Baru Di Seluruh Negeri mengikut keutamaan (priority) dan keperluan sebenar.

PK.4, Menaiktaraf Jalan sebanyak RM94,750,000.00...sembilan untuk Menaiktaraf Jalan-Jalan di Seluruh Negeri Selangor.

Dan PK.5, Membina dan Menaiktaraf Projek Bangunan Sebanyak RM6 juta diperuntukkan pelbagai Projek Bangunan dan Membaik pulih Istana-Istana di Negeri Selangor.

P 13 Jabatan Pengairan dan Saliran

Sejumlah RM84,400,000.00 disediakan untuk P.13, JPS atau Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut RM52,194,940.00 disediakan untuk PK.1 iaitu Projek Tebatan Banjir.

Untuk Menaiktaraf saluran, sebanyak RM26,844,970.00 disediakan untuk PK.2 iaitu Menaiktaraf Saliran.

Dan PK.3, Pembangunan Lembangan Sungai sebanyak RM700,010.00 disediakan dan diperuntukkan untuk Projek Pengukuhan Tebing, Pembinaan Ban dan Benteng serta kerja-kerja pembinaan perangkap sampah ataupun *log boom*.

Bagi PK.4, Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi sebanyak RM960,000.00 disediakan untuk Pembangunan Stesen Tolok Banjir berserta Sistem Pesanan Pendek (SMS), Pagar Anti Climb ataupun yang dipanggil *Anti Climb Fencing* dengan izin, serta Sistem Ramalan dan Amaran Banjir Negeri.

Bagi PK.5, Pembangunan Saliran Mesra Alam sebanyak RM900...RM600,020.00 disediakan untuk Membina dan Menaiktaraf Kolam Takungan. Dan, PK.5, maafkan saya, PK.5, Pembangunan Saliran Mesra Alam sebanyak RM600,020.00 diperuntukkan untuk membina dan Menaiktaraf kolam-kolam takungan.

PK.6, Pembangunan Pantai sebanyak RM1,400,020.00 disediakan untuk pemeliharaan serta pemuliharaan pantai-pantai dan muara di Negeri Selangor.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

PK.7, Pembangunan Infrastruktur, Mekanikal dan Elektrikal sebanyak RM1.7 juta ataupun RM1,700,040.00 diperuntukkan untuk Menaiktaraf pintu kawalan air, pembangunan pemodenan infrastruktur dan info sistem maklumat serta pembangunan Info Geo Spesial ataupun GIS jabatan.

Yang Berhormat sekalian,

P 14 Jabatan Agama Islam Selangor

Sebanyak RM98,980,000.00 disediakan untuk P14, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37,179,980.00 disediakan untuk PK.1 iaitu Sekolah-Sekolah Agama, yang bertujuan membaik pulih, menaik taraf, membina baru sekolah-sekolah agama. Manakala PK.2, Pejabat Agama Islam sebanyak RM11 juta diperuntukkan untuk Membina, Membaik Pulih, Menaiktaraf Bangunan Kompleks Islam, Pejabat Agama Islam Daerah dan Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS). PK.3, Masjid sebanyak RM49,800,020.00 diperuntukkan untuk Membina serta Membaik Pulih Masjid Seluruh Negeri Selangor. PK.4, Surau sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan untuk Kerja-Kerja Baik Pulih dan Naik Taraf Surau dan PK.5, Pelbagai iaitu sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan untuk pelbagai projek-projek lain yang tidak disenaraikan di atas.

P 16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Bagi JPBD ataupun PLAN Malaysia, P16 sejumlah RM1,955,000.00 diperuntukkan pada PK.1, Rancangan Pembangunan. PK.2...dan maafkan saya. Bagi J, P.16, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor sejumlah RM1,955,000.00 diperuntukkan dan daripada nilai tersebut RM100,000.00 disediakan untuk PK.1 iaitu Rancangan Pembangunan. PK.2, Perancangan Dasar sebanyak RM1,255,000.00 diperuntukkan untuk tahun 2020 dan PK.3 bagi Projek Khas Perancangan sebanyak RM600,000.00 disediakan bagi menampung kos kajian-kajian khas yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa ataupun PLAN Malaysia.

Bagi P 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

Sejumlah RM5,427,000.00 diperuntukkan untuk P.17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM725,000.00 adalah disediakan dan diperuntukkan untuk PK.1, Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan iaitu untuk Program Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor (SPURS), Skim Penternakan Breed Lot, Program Merakyatkan Ekonomi Penternak Ruminan, Skim Galakan Warisan Ternak dan Program Pemakanan Ternakan Ruminan. PK.2, Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas Bukan Ruminan sebanyak RM350,000.00 diperuntukkan untuk Program Transformasi Ternakan Unggas Bukan Ruminan. PK.3, Pembangunan Industri Asas Ternak (IAT) sebanyak RM435,010.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Produk-Produk Industri Asas Tani serta pengeluaran..peningkatan pengeluaran usahawan. PK.4, Kesihatan Veterinar sebanyak RM1110,000.00 diperuntukkan untuk Program Masyarakat Prihatin Haiwan dan PK.5, *Regulatory* sebanyak RM2,000,560.00 diperuntukkan untuk Program Kebajikan Haiwan Ternakan Mesra Alam dan Loji Penyembelihan. Pembangunan Usahawan ataupun PK.6, Pembangunan Usahawan sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Kompetensi Usahawan, Projek...Program Pengembangan Veterinar dan Pemasaran

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Strategik. PK.7, Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM20.00 diperuntukkan untuk membaikpulih Pejabat dan Kuarters Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Pembinaan Hospital Veterinar. PK.8, Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (PKPM) sebanyak RM657,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Prasarana Taman Kekal Pengeluaran Makanan serta TKPM Ayam/Daging dan Projek Ladang Ternakan Jabatan Sungai Nilam. Manakala bagi PK.9, Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan sebanyak RM289,970.00 diperuntukkan untuk tujuan-tujuan yang tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan itu mohon mencadangkan usul ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Tua. Dipersilakan Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan Dewan ini adalah suatu Usul yang telah dibawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Peruntukan Pembangunan 2020. Oleh itu, saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Saya merujuk kepada ini perbahasan secara keseluruhan? Ya. Saya sebenarnya tidak ingin bangkit banyak perkara yang kita sebenarnya telah bangkit pada awalnya. Cuma ada beberapa perkara yang saya lihat dalam Perbelanjaan Pembangunan kali ini di mana saya rasa kalau kita bandingkan dengan belanjawan tahun lepas, ianya lebih baik kerana kebanyakan rintihan dan juga cadangan daripada Ahli Dewan Negeri telah didengar oleh pihak kerajaan khasnya di untuk di Program-program IPR, untuk kesihatan Skim Peduli Sihat, untuk Program KISS dan sebagainya.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan Negeri yang disayangi, saya rasa untuk jumlah yang disebut tadi iaitu RM1.133 billion adalah satu jumlah yang kalau bolehlah Kerajaan Negeri melihat semula untuk menambah lagi. Kita adalah sebuah negeri yang maju di mana kita selalu mengatakan bahawa kita memberi ataupun menyumbang lebih daripada 23% daripada jumlah GDP negara ini dan pada masa yang sama kita juga memberi pelbagai jenis sumbangan. Sumbangan bakat, sumbangan Ahli Parlimen kita, sumbangan ADUN-ADUN kita dalam pembangunan dan juga pengukiran dasar negara ini. Cuma apa yang kita dapat daripada Kerajaan Pusat selama ini saya rasa memang tidak cukup dan saya selalu bangkit perkara ini khasnya kebelakangan ini kerana selepas ada satu kerajaan baru, kita sepatutnya dapat mungkin peruntukan satu jumlah untuk pembangunan negeri ini lebih daripada yang dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Jadi, Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, kita sepatutnya saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya satu Jawatankuasa Khas secara *ad-hoc* harus ditubuhkan iaitu satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-Ahli EXCO dan juga *of course* dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk duduk dan berunding dengan Kerajaan Persekutuan. Kita tidak sepatutnya hanya rasa selesa dengan pemberian MARRIS setiap tahun, walaupun ia nya agak besar. Tetapi MARRIS hanya untuk jalan, untuk longkang, parit, lampu dan sebagainya. Kita sepatutnya dapat lebih daripada Kerajaan Pusat dan kalau

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

kita ada perundingan ataupun perbincangan sekali 5 tahun sahaja iaitu semasa kita buat Rancangan Malaysia Ke-12, Ke-13, Ke-14 dan sebagainya. Ini sebenarnya tidak cukup. Kalau kita lihat bajet ataupun perbelanjaan pembangunan 2020 banyak perkara sebenarnya tidak saya nampaklah secara holistiknya banyak perkara tidak ada dalam belanjawan ini.

Sebagai contohnya setiap tahun sebelum ini kita selalu beri satu jumlah yang kadangkala sederhana, kadangkala sangat bagus untuk Jabatan Perhilitan Negeri Selangor. Tetapi kali ini saya tak nampak pun langsung, sudah hilang *line item* tersebut. Sebelum ini saya masih ingat kita beri RM20,000.00. Walaupun itu jumlah yang sangat-sangat sedikit untuk Jabatan Perhilitan tetapi jumlah itu adalah satu pengiktirafan bahawa Jabatan Perhilitan Negeri Selangor memainkan satu peranan yang sangat penting di Negeri Selangor ini. Bukan sahaja nak tangkap kera, selalu perkara ini bangkit dalam dewan ini ataupun menyelamatkan tapir, ular sawa dan pelbagai jenis haiwan liar, tetapi sekarang langsung tidak ada. Tahun lepas kita ada RM400,000.00 yang diumumkan oleh Dato' Menteri Besar. Ya Yang Berhormat EXCO.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Tetap 30(1) iaitu seseorang hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan, yang dibincangkan sekarang ini adalah usul pembangunan. Jadi harus terhad kepada perkara-perkara yang dibawa, yang dibentangkan dalam usul. Ini bukan perbahasan untuk Rang Undang-undang Perbekalan. Jadi hendaklah khusus kepada perkara-perkara yang dibangkit dan usul sahaja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Bandar Baru, teruskan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Bandar Baru Klang ini adalah satu peringatan yang bagus daripada Yang Berhormat. Jadi saya terus kepada perkara-perkara yang ada dalam buku belanjawan ini. Saya merujuk kepada muka surat 197, PK12, 12003, Pemuliharaan Tapak Pelupusan. Ini adalah di bawah Alam Sekitar.

Tuan Speaker, saya ingin tanya Yang Berhormat EXCO mengapa dalam buku bajet ini dalam muka surat 197 jumlah untuk pemuliharaan tapak pelupusan ini saya tidak boleh nampak? Setiap tahun kita sebenarnya ada satu alokasi ataupun peruntukan untuk pemuliharaan tapak pelupusan. Adakah tapak pelupusan sampah kita sekarang sudah diambil alih oleh satu oleh KDEB ataupun ia nya sekarang boleh jalan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Saya juga dalam PK12, Alam Sekitar iaitu 12001, itu sebenarnya saya nak bangkit perkara tentang Jabatan Perhilitan Negeri Selangor di mana *line item* ini untuk Jabatan Perhilitan Negeri Selangor kerana mereka masih ada satu tugas yang besar dalam negeri ini dan saya khawatir kalau kita tidak memberi sokongan yang sepatutnya kepada Jabatan Perhilitan Negeri Selangor, maka kita akan dapat aduan tambahan ataupun masalah tambahan yang berkaitan dengan haiwan liar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya rasa tidak ada PERHILITAN dalam pembangunan ini. Sepatutnya bangkit dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Oh tidak, Yang Berhormat EXCO ia nya sepatutnya ada dalam pembangunan tetapi bekalan pun tak ada, pembangunan pun tak ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sebab itu dia perlu dibangkitkan dalam semasa kita membahaskan dasar bukan kita bangkit dalam pembangunan. Ini adalah pembangunan dan jumlah ini telah pun diluluskan. Cuma sekarang ini usulnya ialah mengeluarkannya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya soalan saya adalah di bawah PK12 adakah Jabatan Perhilitan sekarang dimasukkan di bawah 12001, Program Alam Sekitar. Jumlah RM3juta?. Sebelum ini RM2.5 juta ataupun RM2 juta. Jadi kita boleh nampak ada sedikit tambahan dalam jumlah tersebut. So itu soalannya ya Yang Berhormat EXCO.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dia patut dibangkitkan semasa perbahasan perbekalan dasar, sebab ini yang buku ini telah pun diberikan, jadi Yang Berhormat sudah tentu tahu dia tidak dibekalkan di sini, sepatutnya dibangkitkan pada peringkat itu supaya kita boleh pinda pada peringkat itu. Sekarang kita... ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, saya. Yang Berhormat EXCO Bandar Baru Klang itu soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya lah saya tahu masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan, tetapi yang buku butir-butir telah pun diberikan, jadi apabila Yang Berhormat tahu tidak dibekalkan di sini sepatutnya kita bangkitkan semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan supaya kita boleh pinda di situ dan lepas itu barulah bawa ke sini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Dah-dah, ini bukan di bawah Perbekalan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Jadi bawa ke sini dan luluskan dan bererti Yang Berhormat tidak ada masalah dengan masalah itu dengan peruntukan yang kita luluskan. Jadi bila dah luluskan dan dah tak ada masalah diluluskan tidak boleh dibangkitkan di sini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ini tidak membangkitkan isu perbekalan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini daripada perbekalan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tidak.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini, yang ini usul pembangunan ini adalah susulan daripada kelulusan kita pada perbekalan yang utama. Sekarang ini usul ini adalah mengeluarkan apa yang kita luluskan dalam Rang Undang-undang itu untuk dimasukkan ke dalam caruman pembangunan. Jadi kalau di peringkat di situ di sumber tidak diminta macam mana boleh kita letak kat ini.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, tak Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Baru Klang mungkin kita dengar dahulu daripada Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Baik terima kasih. Ini adalah soalan tentang rancangan dan juga program-program pembangunan di bawah peruntukan yang diberi kepada Yang Berhormat EXCO yang jaga Alam Sekitar. Jadi perkara ini sebagai contohnya yang saya bangkitkan Perhilitan. Perhilitan merupakan satu program ataupun satu projek. Ini tidak ada kaitan dengan sebagai contohnya ialah mereka adalah Pegawai Persekutuan dan sebagainya tetapi mereka setiap tahun akan ada sedikit peruntukan daripada Kerajaan Negeri di bawah P, maaf, mana itu, di bawah Alam Sekitar untuk menjalankan program-program ini. Jadi sekarang kita telah lihat ada kenaikan. Saya sangat gembira bila saya lihat ada kenaikan kepada peruntukan jumlah peruntukan untuk program Alam Sekitar. Jadi adakah Jabatan Perhilitan akan dapat peruntukan mereka di bawah Alam Sekitar?. Program alam sekitar. Itu sahaja soalan saya kepada Kerajaan Negeri ok. Boleh saya teruskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Itu satu perkara. Keduanya, Tuan Speaker, PK10, Pelancongan. Muka surat 197, Kod 10001, Promosi dan Acara Pelancongan. Jumlah yang diperuntukkan adalah RM4,900,000.00. Tuan Speaker, Ahli-Ahli dewan yang mulia ini. Dimaklumkan baru-baru ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah menerima sebanyak lebih daripada RM10 juta. Ini adalah hasil daripada kutipan yang diberi kepada Kerajaan Pusat ini untuk bilik yang disewa, bukan yang warga pelancong luar negara menempah di Negeri Selangor, jadi jumlah saya difahamkan adalah RM10 juta. Tetapi jumlah saya rasa jumlah ini tidak tergambar dalam belanjawan ini. Jadi apa telah berlaku kepada RM10 juta ini dan kalau untuk tahun depan saya difahamkan tahun depan kita akan ada Tahun Melawat Selangor 2020-2021. Saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya peruntukan yang lebih harus diberi kepada EXCO Pelancongan untuk menjalankan program, acara yang dengan lebih *intensity* di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli dewan yang mulia ini saya ingin sentuh satu perkara di bawah muka surat 196, iaitu di bawah PK6, 06003, Pembangunan Kesihatan. Di mana RM46 juta telah diperuntukkan untuk tahun hadapan. Kes-kes denggi di Negeri Selangor semakin lama, semakin banyak. Sebelum ini kita dapat menurunkan kadar jangkitan ataupun wabak kes denggi di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat kenaikan yang sangat-sangat ketara. Saya ingin tanya Yang Berhormat EXCO di bawah pembangunan kesihatan adakah rancangan untuk memberi peruntukan, satu peruntukan yang sangat kecil kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor iaitu RM10,000.00 setiap DUN untuk membeli peralatan mencegah ataupun membunuh nyamuk Aedes di Negeri Selangor. Saya difahamkan, bukan saya difahamkan saya memang telah pernah terima peruntukan tersebut daripada Kerajaan Negeri sebelum ini dan dalam DUN saya, saya dapat membeli 2 mesin khas yang dipanggil *mosquito magnet* ataupun *magnet mosquito*,

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

dua-dua pun boleh, kita tangkap semua nyamuk dalam satu bekas dan ia nya sebenarnya dapat mencegah dan mengurangkan kes jangkitan penyakit denggi ini di tempat-tempat yang dipanggil *hot spot* ataupun epidemik, kawasan epidemik. Jadi saya rasa selain daripada program gotong-royong dan juga *fogging* dan sebagainya. Kita perlu guna teknologi yang sedia ada, yang baru, yang mungkin yang akan datang juga. Teknologi daripada *you know in the future* dengan izin ya. Untuk menangani masalah ini dan saya rasa Tuan Speaker ini adalah satu perkara di mana semua Ahli Dewan Negeri mengalami masalah besar tentang wabak denggi. Saya harap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan.

Tuan Speaker, saya hanya nak bawa satu lagi perkara yang sebenarnya kita baru dapat kertas ini daripada Kerajaan Negeri iaitu di dalam muka surat 199, PK18, Skim Kesihatan Wanita dan apa yang dicatat dalam buku ini ada sedikit kesilapan sepatutnya peruntukan sebenar adalah RM700,000.00. RM700,000.00, Tuan Speaker, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah ini jumlah ini untuk program *mammogram* atau tidak. Saya nak dapat kepastian kerana memang tidak disebut di sini ya lah dan saya harap Kerajaan Negeri akan teruskan program pemeriksaan *mammogram* ini kerana ia nya adalah satu cara kita dapat, bukan sahaja mengelakkan kematian daripada kanser payudara tetapi ini adalah satu sepatutnya lah satu perkara di mana kita harus mula seawal mungkin supaya rawatan dan juga perubatan boleh membantu menyembuh seseorang khasnya wanita-wanita di negeri ini. Tuan Speaker, ini sahaja yang saya ingin bangkitkan selama ini untuk belanjawan perbelanjaan pembangunan ini. Saya harap semua ADUN-ADUN juga akan mendapat manfaat daripada belanjawan ini dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan dalam dewan yang mulia ini akan dipertimbangkan secara serius oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Bukit Lanjan. Seterusnya, Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. 3 perkara yang saya ingin sentuh dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama adalah muka surat 195 Kod Projek PK 101003 Smart Selangor Delivery Unit. Teratai mengalu-alukan cadangan Kerajaan Selangor bagi memasang 5,000 CCTV dengan teknologi baru. Tapi, Teratai ingin memohon Kerajaan Selangor menyemak semula 775 unit CCTV yang sedia ada berapa unit kah CCTV tersebut masih dalam keadaan yang baik.

Perkara kedua muka surat 196 Kod Projek PK 505003 Projek Bantuan Sekolah. Merujuk kepada pandangan belanjawan 2019 pada tahun lalu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan dasar baru iaitu Program Agihan Bantuan Sekolah yang lebih luas meliputi Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Mubaligh. Secara jelas juga melalui program ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2019 kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina. Walau bagaimanapun pada tahun ini program yang sama diteruskan dengan RM26 juta namun tiada menyatakan penyataan jelas mengatakan Sekolah Menengah Persendirian Cina akan memperolehi manfaat dalam dasar ini pada tahun 2020. Diharapkan agar, Sekolah Menengah Persendirian Cina dapat terus dibantu melalui program ini.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Perkara ketiga muka surat 196 Projek Kod PK 909003 Pengangkutan. Teratai tertarik dengan Cadangan Mengenakan Caj Sebanyak RM1 kepada warga asing yang menggunakan Bas Smart Selangor. Dengan keadaan ekonomi semasa dan jumlah tanggungan kewangan PBT dalam melaksanakan Program Bas Smart Selangor, Teratai mencadangkan agar caj kepada warga asing ditetapkan sebanyak RM2 berbanding RM1. Ini secara tidak langsung dalam membantu PBT dalam mengurangkan perbelanjaan menyelenggaraan serta dapat meluaskan lagi jaringan laluan Bas Smart Selangor. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Teratai. Dipersilakan, Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 198 PK15 Kod Projek 15003 Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera. Dalam perbahasan awal saya, dan sebelum-sebelum ini pun saya ingin mengingatkan kembali bahawa di Kota Damansara kita ada dua(2) penempatan yang ada masalah perumahan.

laitu yang pertama, ialah Kampung Bunga Raya Seksyen U6 Kota Damansara dan yang kedua ialah Perumahan Ladang Subang. Kedua-kedua perumahan tersebut, kita anggap mereka ini berada di kawasan perumahan transit dan ini mungkin kalau kita ingkap kembali kisah-kisah lama ini mungkin masalah *developer* pada masa itu. Mengakibatkan perumahan mereka tidak selesa, tidak selamat dan memang amat melemahkanlah ya.

Kampung Bunga Raya ini, Yang Berhormat semua bahawa melibatkan lebih 100 keluarga. Masalah *electricity* masalah air dan sebagainya. Jadi, saya harap Kerajaan sebelum ini dan tiga (3) ADUN pun dah..tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Saya harap, pihak Kerajaan dapat campur tangan dalam hal ini menyelesaikan masalah tersebut dan yang kedua ialah Perumahan Ladang Subang melibatkan 40 Keluarga India. Dijanjikan oleh, Pemaju untuk menyediakan rumah murah dan mereka sekarang mengalami masalah *electricity*, air dan sebagainya.

Saya harap sangat, pihak Kerajaan Negeri campur tangan dalam hal ini untuk menyelesaikan masalah penduduk keluarga yang 40 orang di Ladang Subang. Juga, saya ingin penjelasan di muka surat 199 PK17 17010 Kem Ghafar Baba, Gombak. Saya pun tak tahu ini apa aktiviti yang dibuat, tapi saya tahu yang Ghafar Baba ada di Melaka (sambil gelak) jadi mungkin mintak penjelasan sedikit apakah kem ini, maksud dan tujuan untuk adakan Kem Ghafar Baba, Gombak.

Muka surat seterusnya saya rujuk kepada muka surat 200 PK19 di bawah PK19 saya ingin mengingatkan kembali kepada Dewan yang mulia ini, tahun lepas perbelanjaan tahun lepas bajet tahun lepas ada disebut tentang Institut Pembudayaan Pekerja dan pada masa itu, kaum pekerja sangat gembira kerana dilihat bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat sangat menitik berat tentang isu pekerja dan peruntukan RM1juta tersebut saya harap dapat diteruskan pada tahun ini kerana kita berdepan dengan sebagaimana yang kita tahu bahawa kita berdepan dengan masalah pengangguran hampir 100ribu kalau ikut yang kita dengar 100ribu menganggur. Jadi, bagus alhamdulillah Kerajaan kita nak menyediakan peluang pekerjaan itu satu benda yang baik tetapi dalam masa yang sama juga, kita berdepan dengan masalah pemberhentian pekerja dan pemberhentian pekerja ini, ada

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

banyak sebab. Antaranya, ketidakadilan oleh pihak majikan itu sendiri dan juga masalah pekerja pun ada juga masalah disiplin dan sebagainya.

Jadi, Kota Damansara mengharapkan bahawa Institut Pembudayaan Pekerja ini dapat diteruskan dan dapat ditangani masalah-masalah pembuangan pekerja akibat daripada ketidakadilan sama ada bagi pihak pekerja mahupun majikan. Dari mula kita dapat tahu sekiranya, mereka ini kerap diberhentikan kerja ramai yang diberhentikan kerja saya khuatir dalam keadaan ekonomi yang kita menurun ini kemungkinan besar jumlah tenaga kerja yang menganggur mungkin meningkat daripada 100ribu kepada yang lebih tinggi dan alhamdulillah kita pun letak *target* 2019 2.5% pengangguran bagus.. tapi, isu pekerja ini, ialah isu yang lebih meluas kerana pekerja ini merangkumi dari bidang ahli lebih 15 tahun ada yang 60 tahun masih bekerja ada yang 70 tahun pun masih bekerja juga tetapi mereka ini kadang-kadang berdepan dengan ketidakadilan oleh pihak majikan itu sendiri dan yang saya harap Kerajaan Negeri Selangor meneruskan usaha memperdayakan isu pekerja ini supaya kita dapat tangani masalah pekerja ini dengan lebih baik, dengan lebih berkesan, mudah-mudahan kita dapat menurunkan kadar pengangguran pekerja di Negeri Selangor.

Di muka surat yang sama dan di rujukan yang sama baru-baru ini juga, kita pun maklum bagaimana FM.. Selangor FM mereka ini dulu di sini dah pindah ke siaran radio di Kuala Lumpur dan pekerja-pekerja mereka pun dari segi logistik dan *effectivity* tak berapa berkesan dan kita dalam usaha kita maju bersama Selangor kita agak terkebelakang dalam isu Kompleks Penyiarannya.. kerana negeri-negeri lain dah ada kompleks penyiaran.. Melaka, Pahang, Negeri Selangor, Perak dah ada Kompleks Penyiaran. Jadi saya harap, di bawah perkara ini Kerajaan Negeri Selangor dapat menitikberatkan dapat pertimbangkan supaya kita adakan Kompleks Penyiaran kita sendiri, Selangor FM.

Kemudian di muka surat 20.. 213 ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana PK303003 di bawah Projek Pembangunan Hutan Komuniti Kota Damansara dan juga PK404001 Kompleks Perhutanan Sungai Buloh. Terima kasih, kerana meletakkan pertimbangan tersebut dan juga PK muka surat 217 di bawah PK1202101 Membina Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Pekan, Subang. Macam tahun lepas ada.. tapi tahun ini saya tak tahu apa yang jadi... saya minta supaya peruntukan dipertimbangkan semula dan dimasukkan dalam bajet kita.

Kemudian di muka surat 220 PK404105 begitu juga Menaik Taraf Jalan *Welfare* Jalan Perkhidmatan dan sebagainya. Saya difahamkan dalam projek.. dalam bajet yang lepas.. diperuntukkan RM22juta tapi tahun ini tak ada.. saya minta pihak Kerajaan Negeri memikirkan perkara tersebut. Di bawah Kod Projek PK4 juga, PK4 Kod Projek 0410 muka surat 220, Menaik Taraf Jalan Bukit Badak, Kampung Melayu Subang.

Yang Berhormat ada sebut Jalan Bukit Badak ini, Jalan Bukit Badak ini..jalan yang paling penting melalui Kampung Melayu Subang dan peruntukan itu ada sebut tentang menaik taraf dan cuma saya ingat saya harapkan sangat supaya penaiktarafan Jalan Bukit Badaknya melibatkan juga pengalihan tiang elektrik sebab tiang elektrik ini memang mengganggu penduduk di situ. Sebab dia antara Jalan MBSA dan Jalan JKR. Jadi saya harap, peruntukan dapat dimasukkan dan merangkumi segala bentuk naik taraf tersebut.

Projek Tebatan Banjir muka surat 229, PK1 Kod Projek 01301. Projek Tebatan Banjir, Kampung Melayu Subang di Sungai Pelepas. Saya harap diteruskan, dan peruntukan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

yang.. saya sebab apa... kita ada masalah sekarang.. Desa Subang Perantau itu, ada 19 keluarga rumah yang lama mereka tinggal di situ memanglah dasar kerajaan kita nak.. teruskan projek tersebut.. tapi saya harap peruntukan ini dapat difikirkan kerana.. mereka ini akan dipindahkan hampir lebih 20 keluarga dan saya tak tahu..saya harap mungkin kita ada Zakat akan masuk.. JKM akan masuk.. tapi.. peruntukan RM3juta itu perlu di.. mungkin di.. tambahkan supaya mereka ini, ada rumah transit rumah mereka dirobohkan dan kita..kata orang.. sepihatin yang seboleh mungkin untuk mereka ini dapat pindah ke..insyallah ke rumah baru.

Ucapan terima kasih juga kepada, Kerajaan Negeri muka surat 243 PK1 Sekolah Rendah Agama Kota Damansara minta supaya diadakan peruntukan sebab dalam ini tak ada. Jadi, saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat masukkan peruntukan tersebut dan PK.. PK1 Kod Projek 01103 Sekolah Rendah Agama Seksyen 7. Kemudian, Sekolah Agama dan juga..di muka surat 246 PK3 Masjid ada dua(2) Masjid saya telah sebutkan sebelum ini..terima kasih alhamdulillah..kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana memberi peruntukan kepada 03105 Masjid Kota Damansara 2, Seksyen 9.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana memberi peruntukan tersebut untuk dibina dan 03109 Masjid Subang Bestari pun begitu juga. Cuma harapan saya...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ayat akhir, ayat akhir.. Kota Damansara..

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Apa pun saya ucapkan terima kasih keseluruhannya kepada Kerajaan Negeri dapat memberi peruntukan yang baik..dan yang saya mintak tadi kurang agar ditambahkan.. yang tiada itu diadakan dan... terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari.. dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 TENGAH HARI)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bismillahirrahmanirrahim, selamat petang dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang semula untuk membahaskan Usul Pembangunan. Dipersilakan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Seri Setia..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya akan menyentuh beberapa perkara ataupun butiran dalam, untuk kita

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

luluskan perbincangan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2020. Pertamanya, saya ingin menyentuh kepada perkara Kod Projek PK4, 04003 dan P4004. Program Pembangunan Modal Insan dan Program Generasi Idaman Negeri Selangor ataupun GEMS, dengan peruntukan RM1.5 juta dan juga RM500,000.00. Pada satu ketika dulu peruntukan ini agak besar. Negeri Selangor sebagai salah sebuah negeri yang termaju di negara kita, sudah tentulah kita maklum dalam keadaan, walaupun ekonomi yang agak lembap pada hari ini, pembangunan di Negeri Selangor terus meningkat. Dan ini bukan saja menunjukkan bahawa pembangunan fizikal itu menjadi satu keutamaan tetapi daripada sudut pembangunan kemanusiaan itu pun juga adalah satu perkara yang sangat penting.

Kalau kita melihat kepada ayat Al-Quran, Surah Ali Imran, Ayat 104 (*ayat Al-Quran*), "...perkara yang berkaitan dengan kebajikan, perkara yang berkaitan dengan kebaikan harus digalakkan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan keburukan ataupun perkara-perkara yang mungkar harus dicegah..". Apakah maknanya kalau negeri kita ini maju, pembangunan yang begitu pesat daripada sudut fizikal, tetapi pembangunan kemanusiaan itu agak tertinggal, ataupun masalah gejala sosial, apatah lagi melibatkan Negeri Selangor yang bersifat masyarakat yang majmuk ini. Tidak ada satu bentuk perpaduan ataupun integrasi di antara kaum, integrasi nasional yang agak tertinggal. Saya masih melihat kalau dahulunya kita ada program SPIES, pada peringkat awal pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat. Kemudian kita ada program, INSAN. Pada kali ini saya tidak tahu lagi apakah program-program yang berbentuk soal pembangunan kemanusiaan itu sendiri. Tetapi saya melihat bagaimana Negeri Selangor sudah pastinyalah seharusnya sebagai tonggak kepada negara kita berkaitan dengan program pembangunan, perpaduan, kemajuan masyarakat itu sendiri. Ataupun integrasi nasional yang harus dirancarkan. Yang saya lihat pada hari ini, saya sendiri merasakan bahawa seolah-olah perpaduan mula agak longgar di kalangan kepelbagaian kaum dan juga kepelbagaian anutan agama di negara kita ataupun negeri Selangor yang kita sayangi itu sendiri.

Saya tidak pasti apakah program-program untuk pembangunan berdaya insan, ataupun program-program INSAN yang akan dibangunkan pada tahun 2020. Dan saya juga suka merujuk kepada Kod Projek PK18, 1805, berkaitan dengan kesedaran kenegaraan yang peruntukannya agak besar, saya lihat. RM10 juta. Yang saya mengharapkan mungkin, saya tak tahu apa pengisian program-program yang berkaitan kesedaran kenegaraan. Dan saya mengharapkan Kerajaan Negeri juga akan memberikan respon berkaitan kesedaran kenegaraan yang berjumlah RM10 juta. Dan saya masih lagi menegakkan, saya mengharapkan program-program pembangunan insan yang berbentuk perpaduan kaum, integrasi nasional itu harus ada, terutamanya untuk melahirkan satu generasi anak-anak muda kita, remaja kita. Generasi muda kita yang kita harapkan satu hari nanti mereka akan memimpin negara kita. Kemudiannya, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan PK07, 07001, Program Pembangunan Generasi Muda ini. Kalau saya melihat, tidak jauh perbezaan peruntukan-peruntukan yang diuntukkan bagi program pembangunan, generasi muda ini. Saya, dulu pernah, menjadi seorang, menjadi pembantu kepada Exco. Ketika itu juga Dusun Tua menjadi pembantu kepada Exco Belia. Kemudian, saya menjadi Exco Belia. Batu Caves menjadi pembantu, dan hari ini, kemudian, beliau menjadi EXCO Belia. Dan hari ini, kemudian beliau menjadi Exco Belia. Dan hari ini, Paya Jaras menjadi Exco generasi muda. Dan Sungai Tua, menjadi perencana kepada peruntukkan pembangunan di Negeri Selangor itu sendiri untuk generasi muda ataupun belia. Saya mengharapkan kalau ketika saya dahulu, rintihan daripada anak-anak muda ataupun generasi muda ataupun belia-belia kita. Peruntukkan yang kecil, tak cukup. Begitu jugalah, saya kira, ketika

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Batu Caves menjadi Exco Belia, itu juga rintihannya. Hari ini, saya kluatir dengan peruntukan yang seperti ini, rintihan yang sama oleh anak-anak muda kita. Apabila Paya Jaras menjadi Exco Belia, dengan rintihan peruntukan yang tidak mencukupi. Saya kira, kalau kita nak membangunkan negara kita, sudah tentulah peruntukan untuk generasi muda ini harus dipertingkatkan. Sebab itu, saya mengharapka Sungai Tua yang hari ini sebagai perencana kepada peruntukan-peruntukan pembangunan negeri harus memberikan peruntukan yang agak selesa kepada terutamanya penggerak-penggerak belia tempatan kita. Kita tak mahu, nanti kita sebutkan, dengan izin, Puan Timbalan Speaker, *“if you give a nut, you get monkey”*. Jadi kita tak nak belia-belia kita terlompat-lompat nanti nak minta peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Jadi, itu perkara yang kedua, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan PK4, untuk surau. Sedia maklum bahawa peruntukan untuk baik pulih surau sejumlah RM500,000.00. Mungkin pada masa ini dengan kos yang tinggi untuk kita bina masjid memerlukan peruntukan yang cukup besar. Dan saya kira surau-sarau kita di Negeri Selangor pun, sebahagian besar terutamanya di kawasan luar bandar, surau-suraunya agak daif. Saya masih lagi merasakan bahawa, Kerajaan Negeri harus melihat bagaimana surau-sarau yang ada di Negeri Selangor, terutamanya yang ada keperluannya untuk dinaiktarafkan, untuk mengadakan solat Jumaat. Terutamanya di kawasan-kawasan yang jumlah populasinya tinggi. Yang hari ini, ini juga sebagai satu wadah ataupun tempat untuk kita membangunkan masyarakat yang Islam terutama dan juga generasi muda. Kalau kita boleh tambahkan lagi, surau-sarau yang boleh berfungsi untuk mendirikan solat Jumaat. Saya kira dengan menaikkan taraf surau-sarau ini, sudah tentu akan merangsang kepada jumlah pendapatan yang agak selesa dan secara tidak langsungnya pun, saya melihat surau-sarau yang mengadakan solat Jumaat, pendapatannya agak besar, dan boleh membangunkan infrastrukturnya sendiri. Di samping daripada mungkin, bantuan daripada Kerajaan Negeri dan sebagainya. Saya masih melihat, terutamanya di masjid-masjid yang mempunyai populasi yang tinggi, anak-anak kita di peringkat sekolah rendah, di peringkat sekolah menengah, yang kita nak didik untuk mereka sama-sama mengimarahkan masjid. Kadang-kadang mereka datang untuk solat Jumaat, tetapi sifatnya tidak bersolat Jumaat. Mereka disebabkan ketidakselesaian. Ruangan yang kurang, terpaksa sembahyang di atas tar di luar daripada kompaun masjid. Dan ini yang mungkin, secara tidak langsungnya memberikan satu keadaan yang tidak kondusif kepada anak-anak kita yang akhirnya mereka di peringkat awal usia, mereka tidak terlibat sama dalam pengimarahan ataupun meninggalkan masjid sebagai institusi yang sangat penting. Sebab itu, saya merasakan ini harus dilihat dan Insya-Allah saya kira, sekiranya kita dapat menaikkan taraf surau Jumaat ini di beberapa lagi buah surau, dia dapat menyelesaikan banyak perkara. Termasuk memberikan keadaan yang cukup selesa kepada ahli jemaah juga anak-anak muda dan remaja kita. Mengurangkan masalah parking, kesesakan lalu lintas, dan juga terutamanya, yang utamanya adalah keselesaan ahli jemaah itu sendiri. Jadi saya mengharapka semoga ini dapat dilihat oleh Kerajaan Negeri yang akhirnya memberikan manfaat secara dua hala daripada masyarakat dan juga kerajaan Negeri untuk membangunkan Islam di Negeri Selangor ini. jadi saya kira itu saja, Puan Timbalan Speaker. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Banting...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Sijangkang. Saya persilakan Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih, Puan Timbalan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara di bawah usul bajet peruntukan pembangunan 2020, P01, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. PK 202001, berkenaan Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak. Muka surat 195, di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM900,000.00 untuk bantuan nelayan dan juga bidang *eco-culture*, termasuk peralatan, penternakan seperti tangki, pam, benih ikan, GPS dan jaring. Namun demikian, banyak yang permohonan ataupun permintaan daripada para nelayan khususnya adalah untuk peruntukan baikpulih bot-bot. Apabila berlaku ribut dan sebagainya, ini sebenarnya merupakan antara permintaan yang banyak di kalangan para nelayan khususnya. Dan sekiranya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk menggunakan peruntukan yang sama. Tetapi bagi permohonan untuk baik pulih bot. Seterusnya, PK 202002, Program Pemberdayaan Sosio Ekonomi. Saya merujuk kepada program Nadi Desa dan juga Aspek Keselamatan di bawah MPKK. Kebelakangan ini banyak di kawasan saya khususnya kejadian pecah rumah. Jadi banyak usaha dan inisiatif oleh pihak MPKK telah menubuhkan pos-pos kawalan serta aspek keselamatan untuk membuat rondaan. Jadi saya ingin mendapatkan pencerahan daripada Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan peruntukan khas atau boleh menggunakan peruntukan sedia ada di bawah MPKK ataupun Nadi Desa ini, bagi tujuan keselamatan untuk pembelian peralatan dan juga upah kepada penduduk yang membuat rondaan pada waktu malam dan sebagainya.

Seterusnya, muka surat 195 juga, PK4, 04008, Program Pembangunan Minda Rakyat. Saya ingin tahu apakah pecahan program ataupun dasar di bawah peruntukan berjumlah RM9.3 juta ini. Dan PK5, 05004, Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor, muka surat 196. Saya ingin mengetahui, adakah hala tuju dan juga dasar penubuhan INPENS akan dikaji semula selaras penjenamaan semula kepada Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran dan Teknikal Negeri Selangor. Dan berkenaan institut ikhtisas yang merujuk kepada Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Ikhtisas, bilakah sasaran penubuhan institut ini. Serta bagaimana pula nasib dan juga masa depan kakitangan INPENS, adakah mereka akan terus diserapkan ataupun ada perubahan penstrukturan dalam INPENS yang akan dijenamakan semula kepada Ikhtisas ini.

Seterusnya PK7, 07002, Menaik Taraf Infrastruktur Sukan, muka surat 196, saya hanya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada pihak EXCO, khususnya Yang Berhormat Paya Jaras kerana telah meluluskan peruntukan berjumlah RM500,000.00 bagi naik taraf Litar Lumba Rakyat Kuala Selangor, yang saya telah bawakan isu ini dalam sidang-sidang yang lepas. Dan bagi pihak komuniti permotoran, mereka mengucapkan berbanyak terima kasih kerana Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada keperluan mereka di Kuala Selangor ini.

Untuk PK12, Alam Sekitar, muka surat 197, Bukit Melawati ingin mengetahui adakah cadangan Pusat Kitar Semula ini akan menjalankan fungsi sebagai pusat pengumpulan kitar semula ataupun pemprosesan. Dan berapakah lokasi yang disasarkan untuk setiap PBT dan juga kampung dalam Program Pusat Kitar Semula ini? Seterusnya, PK.10, muka surat 197, 10001 – Promosi dan Acara Pelancongan. Bukit Melawati ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapat memanfaatkan Balai Budaya atau Balai Kebudayaan atau Laman Budaya di atas Bukit Melawati untuk acara-acara kebudayaan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

ataupun *cultural show* kerana pada masa ini tidak dilaksanakan apa-apa aktiviti disitu sedangkan kita mempunyai lokasi yang bersesuaian. Jadi, ini dapat kita tarikan pelancong ya, apabila kita boleh jadualkan ada *cultural show* setiap hujung minggu sebagai contoh. Jadi, *tour guide* dan sebagainya dapat membawa pelancong pada satu-satu masa dengan lebih teratur dan berstrategi. Jadi, ini salah satu langkah sebenarnya untuk kita tarik lebih ramai pelancong untuk mengoptimalkan masa mereka di Bukit Melawati. Buat masa ni, banyak yang naik tengok monyet dan sebagainya, ambil gambar dan seterusnya pulang. Tidak ada apa-apa lain acara ataupun tarikan. Jadi, ini sebenarnya kita boleh memanfaatkan menggunakan Laman Budaya di Bukit Melawati tersebut. Dan, disebutkan juga dalam bajet Yang Amat Berhormat berkenaan *billboard* yang akan dipasang atau lebih banyak lagi *billboard* untuk pelancongan. Jadi, saya ingin bertanya berapa banyak akan disasarkan untuk setiap daerah *billboard-billboard* ini serta saya pernah bangkitkan juga berkenaan papan tanda pelancongan yang perlu diperbanyakkan di kawasan-kawasan pelancongan dan kita juga boleh buat *welcoming billboard* untuk menggalakkan pelancong-pelancong apabila di pintu-pintu masuk daerah atau pintu-pintu masuk ke Negeri Selangor untuk pelancong datang ke Kuala Selangor ataupun tempat-tempat menarik di Negeri Selangor di setiap pintu masuk negeri kita.

Dan, PK.17, muka surat 199, 107001 – Projek Khas Negeri – Dewan Serba Guna Kuala Selangor. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri diatas kelulusan permohonan untuk peruntukan yang disediakan bagi membina sebuah dewan serba guna ataupun balai raya yang baharu di Daerah Kuala Selangor dan ini merupakan satu berita gembira kepada penduduk di Kuala Selangor. Saya ucapkan berbilang terima kasih dan yang terakhir adalah PK.6, saya patah balik sikit 06001 – Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga berjumlah RM4 juta. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO di atas pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk pemberdayaan wanita seperti Akademi Kepimpinan Wanita serta program-program pemberdayaan dengan kerjasama IWB (Institut Wanita Berdaya). Jadi, ramai lagi juga Yang Berhormat yang mungkin keliru PWB dan IWB, ya. IWB tu satu platform ataupun *'think tank group'* ya, untuk pembuat dasar-dasar wanita di Negeri Selangor dan mungkin juga dalam isu yang lepas seperti Y.B. Jeram. Yang Berhormat Jeram tak ada di sini. Berkenaan...masih ada lagi yang...Ahli Dewan Negeri yang kurang jelas berkenaan isu gender ini. Jadi, mungkin Kerajaan Negeri ada cadangan untuk melaksanakan kursus kefahaman gender untuk ADUN-ADUN dan juga Ketua-Ketua Jabatan tidak kira lelaki mahupun wanita tetapi ini merupakan antara usaha untuk kita selaraskan dengan matlamat kita dalam Dasar Wanita Selangor untuk memperkasakan wanita dan meletakkan sekurang-kurangnya 30% wanita di tempat pembuatan keputusan. Jadi, dengan itu saja terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Templer.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Melawati. Saya persilakan Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Puan Speaker.
Pelatur....baiklah terus merujuk kepada Vot P.01, PK.7, Kod Projek muka surat 196, Kod

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Projek 07001 dan kalau dilihat sini untuk Program Pembangunan Generasi Muda peruntukan yang amat besar diberikan RM5.2 juta. Cuma di sini saya memahami aspirasi Kerajaan Negeri untuk berhasrat untuk mencapai lebih ramai lagi anak muda yang tidak sekadar terhenti pada anak-anak muda yang berpersatuan sahaja. Cuma saya juga ingin mendapatkan penjelasan juga apakah mekanisme kita dalam kita hendak mencapai, menggapai anak-anak muda ini, apakah memadai hanya melalui PeBT sahaja? Kerana saya faham PeBT juga mungkin mempunyai keterbatasan mereka sendiri. Dan, saya percaya EXCO Belia, tak ada...tak apa, mungkin telah merancang program-program yang akan mencapah kepada semua anak muda di luar capaian PeBT dan persatuan-persatuan cuma saya juga ingin berkongsi satu *feedback* dengan izin, yang saya terima bahawa ada setengah program Kerajaan Negeri melibatkan anak muda, ada anak-anak muda yang datang dan dia memaklumkan bahawa sepertinya program itu tidak mendapat sambutan. Misalnya, ada satu program *Job Fair*. Saya mendapat maklumat ada yang memberitahu saya agak suram sedikit. Jadi, tidak berapa mendapat sambutan. Jadi, barangkali apa yang diperlukan di sini adalah memandangkan peruntukan juga banyak, kita perlu menggembleng lagi promosi bagi program-program belia kita supaya ianya benar-benar sampai pengetahuan belia-belia yang ada di Selangor dan agar ia tidak menjadi program hanya yang kita lakukan hanya sekadar untuk melakukan program itu semata-mata. Dan, saya juga berharap agar kerajaan juga mempertimbangkan untuk melakukan sekiranya belum ada satu dengan izin, *impact assessment* untuk setiap program-program belia. Sebab kita nak juga tahu adakah program-program belia kita betul-betul mencapai impak yang diinginkan? Atau jangan kita tak nak nanti sekali lagi program-program kita hanyalah sekadar untuk melakukan program dan membelanjakan peruntukan yang telah diperuntukkan.

Dan, seterusnya saya nak membawa kepada perhatian untuk masih lagi di P.01, PK.10, Kod Projek 10001 iaitu SMUE. Di sini saya menyokong aspirasi kerajaan untuk memberi, memastikan yang mendapat manfaat kepada SMUE ini adalah mereka yang masih hidup dan bukannya mereka yang telah tiada. Cuma, saya ada satu persoalan yang agak seperti dilema juga kerana kita mula memberikan Baucar Jom Shopping kepada warga-warga emas ini pada bulan kelahiran mereka dan kita bermula kalau tidak silap saya bulan September. Kita bermula bulan September, Oktober di hujung tahun ini juga, kita bermula. Cuma, persoalannya adalah bagaimana dengan ahli-ahli SMUE yang memang layak untuk dapat tetapi meninggal sebelum bulan kelahirannya? Katakanlah, saya bagi contoh bulan empat. Jadi, dia tidak mendapat, layak mendapat khairat kematian kerana kita telah ubah kepada Baucar Jom Shopping supaya mendapat manfaat pada yang hidup. Malangnya dia tidak hidup cukup panjang untuk sampai kepada tarikh untuk dia mendapat manfaat Baucar Jom Shopping itu. Apakah ada kaedah yang kerajaan mempertimbangkan supaya kumpulan ini juga dapat merasa sama ada mungkin diberikan, dipindahkan milikan baucar tersebut kepada suami, kepada keluarga atau bagaimana? Memandangkan kita sudah memperuntukkan untuk warga-warga emas ini.

Jadi, seterusnya...seterusnya...belum lagi. Harap bersabar ya, yang lain. OK, seterusnya, masih di P.01, PK.18...oh ni tadi ya, tadi yang fasal apa ni tu. Banyak sangat dokumen. Seterusnya di P.12, P.12, muka surat 222, PK.4, di Kod Projek 04507. Jadi, di sini menulis bahawa membina laluan basikal di Jalan Sungai Lui hingga simpang Jalan Sungai Lalang. Tapi di sini saya tidak melihat sebarang peruntukan diperuntukkan untuk projek ini dan saya rasa projek ini amat diperlukan kerana memang kawasan Sungai Lui ini menjadi tarikan, menjadi tempat untuk mereka yang berbasikal dan baru kelmarin saya berbincang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

dengan orang-orang Hulu Langat dan mereka mengatakan mereka agak kagum dengan mereka yang berbasikal ni kerana berani untuk berbasikal di kawasan itu kerana kadang-kadang kalau kita tengok jalannya agak membahayakan. Jadi, kita harap, jadi kita nak taulah mengapa tidak ada diperuntukkan sebarang peruntukan dan kita amat berharap kalau boleh dibina satu laluan berbasikal sebab saya juga dengar khabar-khabar dari akar umbi yang mengatakan Dato' Siti Nurhaliza pun berbasikal di sebelah sana. Ini khabar. Saya tak nampak lagilah, saya belum nampak tapi orang-orang di sana nampak. Jadi, kita... tulah, kalau ianya benar, kita tak naklah apa-apa terjadi pada Tokti kita. Jadi...kita berharap kerajaan mempertimbangkanlah untuk laluan basikal itu nanti. Mungkin Seri Setia pun boleh datang berbasikal, pun suka berbasikal. Boleh, semua dijemput hadir, semua ADUN dijemput hadir untuk berbasikal. Kita berbasikal beramai-ramai. Jadi, seterusnya untuk Vot P.13, PK.1, Kod Projek 01501 iaitu dalam...di sini adalah...banyak pula nombor dah hilang dah. OK. Berkenaan dengan Projek Tebatan Banjir di Sungai Serai. Kalau tak silap sini ada kurungan sambungan iaitu sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan. Yang pertama sekali, saya terima kasih atas peruntukan yang diberikan untuk projek tebatan banjir bagi kawasan Sungai Serai, Hulu Langat. Cuma, di sini saya juga ingin ada pertanyaan, tahun lepas kerajaan telah meluluskan Projek Tebatan Banjir Sungai Langat (RTB Sungai Langat) Fasa 1 yang jumlahnya lebih kurang RM50 juta. Jadi, saya ingin tahu apakah perkembangan untuk projek berkenaan dan sudah sekarang ini berada di peringkat yang mana? Dan, saya juga ingin tahu Projek Tebatan Banjir di Sungai Serai (sambungan) ini adalah sambungan kepada projek apa dan apakah projek-projek yang dilakukan untuk mengatasi banjir di kawasan Sungai Serai tersebut? Jadi, saya rasa itu saja dulu, terima kasih Puan Pengerusi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Dusun Tua. Saya persilakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Akhirnya sampai giliran saya. Saya ingin terus ke perbahasan untuk Usul Pembangunan sebanyak RM1,133 juta ini yang mana saya mengalu-alukan peruntukan yang begitu banyak diperuntukkan untuk pelbagai projek pembangunan. Terdapat dua tiga...terdapat lima atau enam P yang saya akan bangkitkan. Yang pertama, khususnya iaitu kepada P.01, PK.15, Kod Objek 15005 berkenaan dengan Rumah Selangorku dan saya juga memohon sebenarnya Kerajaan Negeri memberi satu perhatian yang serius terhadap Rumah Selangorku yang disalahgunakan di mana rumah-rumah ini setelah pun dijual, diguna disewa oleh pembelinya atau pemiliknya untuk tujuan tertentu. Saya rasa ianya adalah sesuatu yang tidak boleh dibenarkan langsung dan perlu ada satu sekatan ataupun tindakan undang-undang yang dikenakan dari kontrak khususnya untuk menegah mereka melakukan tindakan ini dan sekira ianya berlaku satu kerajaan perlulah mempunyai hak dari segi undang-undang untuk mendapat ganti rugi ataupun pampasan ataupun apa-apa bentuk *revenue* untuk Kerajaan Negeri mengambil tindakan undang-undang.

Berkenaan dengan, saya juga ingin merujuk kepada PK.7 berkenaan dengan Generasi Muda dan secara khusus saya ingin pergi ke Penggerak Belia Pendapatan...Penggerak Belia Tempatan, 07001 di mana saya berpendapat dalam perbahasan sebelum ini saya mencadangkan agar diwujudkan satu struktur pemantauan terhadap kegunaan peruntukan yang dibekalkan untuk setiap PeBT. Walaupun hanya setakat RM5,000.00 setahun dan terdapat permintaan daripada ADUN untuk memperting..mening...mempertingkatkan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

peruntukan ini tetapi saya kira ianya juga perlu dipantau di mana saya perasan banyak PeBT yang mengadakan aktiviti-aktiviti yang tidak begitu berkaitan dengan pembangunan belia. Saya mengalu-alukan kehadiran PeBT Zon 15, MDKL yang ada di sini dan mereka membawa rombongan dari budak-budak sekolah, pelajar-pelajar sekolah dari SMK MBS (Methodist Banting) untuk melawat ke Persidangan Dewan Negeri Selangor pada petang ini. Pagi tadi mereka berada di Parlimen Malaysia. Dan, saya kira aktiviti-aktiviti pemeraksanaan seperti ini yang perlulah kita galakkan dan perbanyakkan dan bukan sekadar program-program yang kadangkala juga akan bertindih dengan program-program seperti Wanita Berdaya dan juga sebagainya.

Seterusnya, PK.5, 05004 berkaitan dengan pendidikan iaitu berkenaan dengan Ikhtisas. Saya telah pun dimaklumkan bahawa wakil daripada Malaysia telah pun memenangi dua pingat gangsa dalam pertandingan *World Skill* iaitu satu pertandingan vokasional TVET yang berkaitan yang dianggap sebagai pertandingan vokasional Olimpik. Vokasional Olimpik iaitu pertandingan di *World Skill* ini tetapi apa yang saya rasa ada kekurangannya ialah kita hanya ada dua orang peserta dari Malaysia mendapat pingat gangsa dan mereka sebenarnya bukan daripada, mereka sebenarnya dilantik dari Universiti-universiti swasta. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah mungkin kita khususnya melalui INSPEN melahirkan bakat-bakat yang mampu mengharumkan nama Selangor dan Malaysia di pentas dunia dengan mengambil bahagian dan memenangi pingat-pingat dalam pertandingan *World Skill* ini. Saya berharap ianya boleh dilakukan dan perlulah ada usaha yang berterusan bermula tahun depan untuk mencapai matlamat ini.

05003 bantuan sekolah sebanyak 26 juta ringgit dibekalkan. Saya memohon sekarang ini kerana sekolah kita memang menghadapi banyak masalah dan ianya perlu diatasi. Saya faham bahawa bidang pendidikan ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi saya mohon kalau bolehlah ada penjimatan pada masa-masa yang akan datang kita memberi bantuan yang lebih untuk sekolah-sekolah tak kiralah sekolah bantuan, sekolah mubaligh, sekolah cina, (SJKT), (SJKC) ataupun sekolah persendirian menengah cina bantulah setakat yang boleh kerana kita harus maklum bahawa perbelanjaan untuk pendidikan ini tidak harus dilihat sebagai perbelanjaan semata-mata tetapi ianya harus dilihat sebagai satu bentuk pelaburan untuk masa depan.

Puan Timbalan Speaker, seterusnya Projek Labohan Dagang di bawah PK16 iaitu pembangunan projek bekalan air Selangor 16003,16020 di mana kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak 70 juta ringgit untuk LIA Labohan Dagang dan 10 juta ringgit untuk fasa kedua. Pembinaan LIA Labohan Dagang fasa kedua. Saya ingin bertanya tentang, memandangkan LIA ini telah pun dirasmikan dan dibuka, saya difahamkan ianya masih belum mencapai ke tahap operasi maksima, saya memohon jawapan bertulis tentang keadaan operasi loji rawatan air Labohan Dagang yang terkini.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang PK18, inisiatif peduli rakyat, tadi ada disebut 18005 kesederhanaan kenegaraan sebanyak 10 juta ringgit. Saya bersetuju dengan Sijangkang bahawa dewasa ini sentimen ataupun perpaduan di kalangan kaum dan agama di Malaysia dan di Selangor ini tergugat sedikit tetapi apabila kita tahu tentang masalah ini pastinya kita juga mahu tahu apakah asal usul kepada masalah ini dan kita perlulah setelah kita tahu tentang asal usul ataupun faktor masalah ini maka kita bolehlah menggunakan wang ini pada tempat dan betul. Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat keretakan dalam perpaduan ini adalah kerana permainan politik sempit dan toksik

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

yang bertopengkan agama, kaum dan bangsa untuk memecahbelahkan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Dan saya rasa kerajaan perlulah menggunakan wang..

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Banting. Banting. Terima Timbalan Speaker. Nak tanya tentang pandangan Banting bila dalam negara kita ini, ada sesetengah kumpulan yang menjalankan program boikot. Boikot beli barangan yang dijual oleh satu-satu kaum yang terdapat dalam negara kita. Adakah Banting boleh bersetuju dengan pandangan saya, program ini saya rasa merupakan satu perkara yang boleh memecahbelahkan kesepaduan rakyat dalam negara kita. Minta pandangan daripada Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya bersetuju dengan Taman Templer. Bukan saja ia akan memecahbelahkan masyarakat kita tetapi ianya akan makan sendiri di mana jika kita lihat dunia ataupun masyarakat Malaysia secara umumnya kita adalah sebuah masyarakat majmuk, kita tidak melaksanakan dasar *apartheid*, kita tidak memisahkan rakyat Malaysia mengikut kaum, agama dan kelompok-kelompok tertentu. Jadi ada syarikat Cina yang mengupah pekerja Melayu, India dan Orang Asli. Ada juga Melayu yang mengupah Cina, dan juga India dan Orang Asli. Begitu juga dengan syarikat yang dimiliki oleh orang india bahkan dalam banyak syarikat sekarang ni kalau kita lihat, *Board Of Directornya* berbilang kaum ada Melayu, Cina, India dan sebagainya jadi kalau kita katalah boikot mana-mana produk ataupun syarikat yang tertentu, saya rasa bukan saja ia akan memecahkan masyarakat kita tetapi ia makan sendiri kerana akhirnya yang mengalami kesan negatifnya ialah rakyat Malaysia. Orang Melayu termasuk, orang Cina termasuk, orang India termasuk jadi saya rasa itu adalah sesuatu perkara yang tidak betul dan kita harus gunakan Puan Timbalan Speaker ya peruntukan 10 juta ringgit ini perlulah digunakan untuk memperkasakan agenda perpaduan, agenda Rahmatan Lil Alamin dan juga agenda-agenda yang membawa mesej ataupun naratif kebangsaan yang positif untuk mengelakkan rakyat kita daripada terjerumus dengan tohmahan-tohmahan fitnah yang tidak sihat ini.

Jadi Puan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang program di bawah P08, Jabatan Pertanian Selangor iaitu PK101005 Program Projek Agroteknologi di Sungai Kelambu Kuala Langat. Tidak lama dahulu saya ada bagikan tentang perkara ini, saya ingin mengatakan bahawa tidak ada guna kita membangunkan agroteknologi kalau perkara asas iaitu hak ataupun permit kegunaan tanah itu masih tidak dapat diselesaikan dan saya di sini menggesa supaya kerajaan di bawah eksekutif-eksekutif dan juga Jabatan Perhutanan dan juga Jabatan Pertanian untuk bekerja keras dan mempercepatkan kelulusannya kerana sudah terlalu lama. Saya tahu kerana ini Jabatan Perhutanan tidak akan menjalankan ataupun bukan sahaja tidak tetapi buat sementara waktu masih tidak ada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap petani-petani tetapi saban hari mereka juga merasa khawatir dengan keadaannya dan mohon dipercepatkan kebakaran hutan P10, di bawah Jabatan Perhutanan PK101003 kebakaran hutan. Kuala Langat merupakan sebuah tempat yang di yang ada banyak apa ni paya bakau. Bukan sahaja paya bakau tetapi tanah-tanah gambut dan sering kali berlaku kebakaran di tempat-tempat seperti ini dan saya memohon supaya wang peruntukan sebanyak 400 ribu ringgit ini sekiranya ada penjimatan pada akhir tahun di peruntukan lebih sedikit kerana saya lihat 400 ribu ringgit ini untuk satu Selangor sangat-sangat sedikit. Bahkan saya rasa perlu juga diberi pengkhususan kepada kebakaran hutan yang berlaku di Kuala Langat khususnya yang bersebelahan dengan kawasan Yang Berhormat Sungai Kandis ya kerana saya tahu tempat ini adalah *hotspot*

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

selalu. Jadi sekiranya kita tahu tempat ini memang bermasalah wajarlah kita memperuntukkan sejumlah wang yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya JKR, tidak lain saya tidak akan terlepas pandang isu tentang JKR P12, PK303402 tentang jalan Sungai Kelambu dan Genting Sanyen untuk projek ini sebenarnya Puan Timbalan Speaker sebanyak 120 juta ringgit telah pun akan diperuntukkan tetapi untuk tahun depan hanya 500 ribu ringgit sahaja yang akan diperuntukkan. Ini secara tidak langsung menandakan seolah-olah menunjukkan bahawa *progress* projek ini masih lagi berada pada tahap yang sangat perlahan. Sekiranya peruntukan yang diperuntukkan untuk tahun depan itu adalah besar jauh lebih besar daripada 500 ribu ringgit pastinya ini menunjukkan bahawa *progress* yang kita hendak mencapai selepas pada akhir tahun 2020 itu adalah pada tahap yang sangat tinggi tapi saya lihat *out of one hundred and twenty million we are only getting five hundred thousand for the project* dengan izin saya rasa itu adalah sesuatu yang memerlukan penjelasan selanjutnya daripada pihak eksekutif juga JKR 04402 jalan *alternative* dari simpang laluan FT005 Kampung Jenjarom ke Jalan Kebun, projek ini akan diberi peruntukan dan saya memohon supaya diberi maklumat terperinci dan terkini terhadap projek ini dan ianya melibatkan FT005 saya juga ingin bertanya sama ada apakah fasiliti-fasiliti yang akan dibina di sekitar persimpangan jalan ini juga 04405 lampu isyarat di daerah Kuala Langat sebanyak 500 ribu ringgit dan juga 04406 aspek keselamatan sebanyak 500 ribu ringgit. Peruntukan terlalu sedikit kerana lampu isyarat di kawasan Kuala Langat ini sebenarnya berada di dalam keadaan yang uzur. Pernah sekali ada berlaku *lightning strike* yang berlaku di kampung di lampu isyarat persimpangan jalan B340 dengan FT005 mereka perlu menunggu sampai dua tiga hari, JKR untuk *just to get the parts to replace the fitter pillar* hah perlu tunggu dua tiga hari. Dua tiga hari tidak ada lampu isyarat jadi bayangkan apa ni kesesakan jalan lalu lintas yang berlaku pada masa itu.

Aspek keselamatan 500 ribu ringgit termasuk saya ingin mencadangkan supaya kita beri sedikit tumpuan terhadap lampu jalan yang sangat gelap bukan sahaja jalan Persekutuan tetapi jalan negeri dan saya kira sekiranya kita tidak mahu melakukan penjimatan walaupun tidak boleh memasang lampu jalan pun sekurang-kurangnya *sticker* yang boleh memantulkan cahaya *the reflective sticker* yang kita boleh lihat sepanjang jalan SKVE walaupun tidak ada lampu jalan pada waktu malam tetapi kerana ada *reflective sticker* yang mencukupi, di setiap penghadang jalan, setiap lampu jalan. Maka *at least* boleh mengurangkan ataupun menambah baik hah apa ni penglihatan ataupun visuallity pada waktu malam.

P013 Jabatan Pengairan dan Saliran, saya lihat tidak ada peruntukan diperuntukkan langsung dari PK1 hingga ke PK5 untuk daerah Kuala Langat. Saya tidak tahu apakah sebabnya dan saya memohon penjelasan juga diberikan.

Yang akhir sekali, Puan Timbalan Speaker. P14 Jabatan Agama Islam Selangor, di bawah PK2 iaitu 022401, muka surat 245 Kompleks Islam Kuala Langat, 8.5 juta diperuntukkan jadi saya mohon supaya diberikan butiran terperinci terhadap fungsi, terhadap peranan dan juga apa ni maklumat terkini tentang pembinaan Kompleks Islam di Kuala Langat ini. Sekian. Saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting. Saya persilakan Ijok.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Memberi Ijok peluang. Ijok nak menyentuh perkara sikit sahaja. Ini tentang kawasan Ijok yang selalu dilanda banjir. Empat kampung dari tujuh kampung tradisi baru-baru ini kena banjir. Ini bukan *one off* tetapi tiap-tiap kali kalau hujan lebat dari Gombak pun Ijok banjir kalau kawasan hujan pun kawasan Ijok hujan, Ijok banjir tetapi Ijok nak tanya dengan Kerajaan Negeri Selangor tentang Belanjawan Pembangunan Jabatan JPS. Kalau kita rujuk kepada muka surat 233, PK2 iaitu naik taraf saliran Kod 02700 dan juga di muka surat 235, PK5. Tadi PK2. Kod 05700 tentang pembangunan saliran. Ijok ingin menanya kenapa dalam buku pembangunan ni di Kuala Selangor kosong, tahun lepas pun saya bangkitkan tak ada ke peruntukan untuk menaik taraf saliran, parit-parit di kawasan atau pun sahaja diabaikan. Ini *take thing seriously* sebab ini kawasan banjir tak kan pulak satu sen pun tak di belanja di kawasan Ijok. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Ijok. Saya persilakan Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada Vot P01 Pejabat Menteri Besar, muka surat 195, PK4, Butiran 04002 berkenaan dengan pembangunan Orang Asli. Saya rasa bahawa pembangunan Orang Asli jumlah peruntukannya RM500 ribu sahaja terlalu kecil dan ia perlu diruncakkan lagi agar terdapat pembangunan setara untuk orang asli dan selain itu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri melalui peruntukan ini supaya ada aktiviti di mana terdapat elemen integrasi atau memperkenalkan orang asli dengan kaum lain. Saya ingin memetik dari *Malay Mail* pada bulan Oktober ada satu berita di mana seorang pelajar Orang Asli yang kini membuat *Degree* Undang-Undang di Universiti Malaya dan dia berasal daripada Damansara Perdana di DUN Yang Berhormat Bukit Lanjan. Dan dia mengisahkan bahawa semasa berada di sekolah dengan kawan-kawan yang lain, oleh kerana mereka tidak mengenali Orang Asli, dia mengalami buli di sekolah. Jadi saya harap dalam peruntukan 04002 ini Pembangunan Orang Asli, elemen ini juga akan di ambil kira.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada juga PK4, Butiran 04008, Program Pembangunan Minda Rakyat yang mendapat peruntukan sebanyak RM9.3 juta. Saya ingin mengetahui butiran program-program ini dan saya juga ingin cadangkan, sebab kita bercakap tentang Pembangunan Minda Rakyat agar kesedaran sivik diterapkan dalam program-program ini. Saya juga ingin merujuk lagi sekali kepada satu berita dari Bernama yang menceritakan kisah seorang pencuci tandas di mana beliau kata menjaga tandas awam lebih sukar daripada menjaga 10 orang bayi. Ini kerana kesedaran sivik kita terhadap kemudahan awam sangat-sangat teruk sekali. Jadi saya harap itu dapat dimasukkan dalam perancangan program Kerajaan Negeri berkenaan dengan Pembangunan Minda Rakyat.

Dan elemen kedua yang saya juga ingin cadangkan ialah mengenai kecelikan media ataupun media literasi. Dengan izin, kami sekarang hidup dalam dunia media sosial di mana berita palsu dapat disebarkan dengan satu klik sahaja. Misalnya di Kerajaan Negeri Selangor pada Tahun Baru Cina, kami mengalami mesej *WhatsApp* viral di mana dia katakan, mana-mana orang boleh datang ke mana-mana pejabat DAP Selangor untuk mendapat *voucher* percuma RM100 dan ia menjadikan pusat khidmat semua ADUN sangat-sangat kelam kabut. Mungkin niat di sebalik mesej itu baik, sebab orang rasa *sharing* itu, *sharing is caring*, dengan izin. Tetapi dia juga mendatangkan masalah kepada ADUN apabila terpaksa menerangkan kepada orang bahawa tidak wujud skim sebegitu.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Ok. Seterusnya saya ingin rujuk kepada Muka Surat 199, PK 18, Butiran 18002, Skim Kesihatan Wanita. Saya amat menyokong Program Mammogram percuma yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Selama ini, Kampung Tunku, kami telah melakukan program saringan selama 6 kali dalam tahun 2019 ini. Dan pada bulan Oktober kami dapat 90 lebih *screening*. Tapi saya harap ia dapat diluaskan untuk meliputi Pap Smear dan juga Vaksin HPV. Dan saya tekankan Vaksin HPV ini, kerana wanita yang ada HPV ini mungkin akan mengalami masalah kesuburan dan kita maklum bahawa di Selangor ini kesuburan sudah menurun. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan mengambil maklum.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada juga PK 18, Butiran 18005 iaitu Kesedaran Kenegaraan. Jumlah peruntukan yang saya nampak itu cukup besar RM10 juta. Saya ingin meminta butiran program yang dijalankan. Kita maklum bahawa sekarang had umur mengundi sudah diturunkan daripada 21 tahun ke 18 tahun. Dan ini bermaksud bahawa bilangan pengundi muda akan bertambah secara mendadak. Dan walaupun muda, ia tidak bermaksud bahawa mereka akan menyokong satu Kerajaan yang *progressive*. Jadi Kesedaran Kenegaraan itu saya rasa amat penting. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, adakah terdapat apa-apa kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan misalnya Sekolah Rukun Negara yang telah dijalankan di 17 lokasi di seluruh Malaysia. Dan saya juga ingin bertanya sama ada terdapat apa-apa program di bawah butiran ini untuk pengundi yang lebih tua. Sebab saya rasa kesedaran politik di antara masyarakat kami secara umumnya memang rendah. Ramai yang masih tidak tahu perbezaan tugas antara Ahli Parlimen dengan Ahli Dewan Negeri dengan Ahli Majlis. Sampai saya pun di kawasan Bandar pun di panggil untuk tangkap ular. Jadi saya harap, semua-semua pun adalah. Ok. Jadi saya harap, saya ingin meminta butiran tentang program Kesedaran Kenegaraan ini dan saya harap wang ini akan dipergunakan dengan baiklah. Sekian sahaja dari saya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Kampung Tunku. Seterusnya saya jemput Pelabuhan Klang.

(Dewan riuh)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang kepada Pelabuhan Klang untuk Bersama menyertai perbahasaan. Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020 sebanyak RM1,133,000,000.00 untuk tahun 2020 dan secara ni, kita bersetuju dan menyokong Kerajaan Negeri Selangor. Kita gembira kerana menyediakan peruntukan pembangunan untuk belanjawan tahun 2020 yang begitu besar. Tetapi, walau bagaimanapun, Pelabuhan Klang seperti biasa akan menyentuh berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Untuk itu, Muka Surat 221, Vot P 12, Kod Projek PK4, 04306 iaitu menaik taraf Jalan Negeri, B148, Jalan Teluk Gong dari persimpangan Glenmarie Cove sehingga Persiaran Jalan Ikan Tengiri iaitu jalan sepanjang 6 kilometer. Dan pada belanjawan 2019. Pelabuhan Klang gembira kerana Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta daripada kos projek sebanyak RM50 juta dan di mana pada tahun 2019 ini sepatutnya pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak Jabatan Kerja Raya telah menyiapkan reka bentuk dan telah melantik pihak perunding bagi menjalankan kerja-kerja awalan seperti kerja-kerja ukur, kerja-kerja penyiasatan tanah, kajian impak, lalu lintas, audit keselamatan jalan, pemetaan utiliti bawah tanah dan juga penilaian turapan jalan. Dan ini

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

saya telah dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri dalam soalan lisan yang saya berikan dalam Sidang Dewan yang Kedua pada tahun ini, dan itulah jawapan yang diberikan oleh JKR Selangor bahawa peruntukan sebanyak RM316,905.66 telah digunakan untuk menjalankan kerja-kerja melantik pihak perunding bagi menjalankan kerja-kerja reka bentuk. Dan antara jawapan yang saya terima juga ialah pihak JKR Selangor mengambil langkah melaksanakan pemantauan kerja pihak perunding secara berkala bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual. Dan status terkini, ini dalam jawapan bertulis yang diberikan oleh pihak JKR di mana pihak perunding sedang melaksanakan reka bentuk dan projek ini dijangka akan ditender pada awal tahun 2019. Itu jawapan yang diberikan. Dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta. Tetapi saya pun musykil sebabnya jawapan ini diberikan pada bulan Julai. Tetapi jawapan tulis tahun 2019. Dan saya telah bertanya dengan EXCO Pandan Indah bahawa projek ini sebenarnya akan dijangka akan ditender pada tahun 2020. Tetapi apabila saya tengok peruntukan ataupun anggaran tahun 2020, tidak ada dinyatakan di sini peruntukan untuk projek menaik taraf ini. Negeri hanya RM350 ribu. Dan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan Persekutuan memberikan sebanyak RM15,500,000.00.

Sekali lagi saya ingin bertanya dalam Dewan Yang Mulia ini. Dan saya juga hendak mendesak Kerajaan Negeri Selangor melalui JKR Negeri supaya menyegerakan projek menaik taraf jalan di kawasan Telok Gong sepanjang 6 kilometer ini bermula daripada Glenmarie Cove ke Persiaran Jalan Ikan Tengiri kerana jalan ini sudah semakin sesak setiap hari. Dan sekarang ini, di dalam kawasan Telok Gong pun sudah ada hampir 50 depoh lori-lori kontena dan setiap satu minit ini kita, boleh tengok, setiap satu minit hampir 50 lori kontena akan melalui jalan ini dan ianya sentiasa sesak setiap hari terutama sekali semasa waktu puncak. Dan saya harap pihak Kerajaan Negeri jangan lagi menangguhkan projek ini dan segeralah melaksanakan kerana sehingga hari ini saya pun tak lihat lagi reka bentuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Klang. Dan saya harap Mesyuarat JKTD Daerah Klang pada masa akan datang akan dibentangkan tentang perkembangan berkenaan dengan projek ini. Kali terakhir dibentangkan pada tahun lepas. Tahun ini langsung tak bentang lagi. Jadi saya harap, tahun ini akan dibentangkan untuk perancangan untuk tahun 2020.

Dan lagi satu yang saya nak nyatakan berkenaan dengan apa-apa juga projek yang dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor ini dia akan lantik Juru Perunding ataupun konsultan. Dan konsultan inilah yang akan membuat reka bentuk, yang akan mengenal pasti segala-galanya. Tetapi kebanyakan projek-projek JKR Selangor ini, saya mengambil contoh Jalan Banting, Pandamaran. Baru ini telah berjaya disiapkan di DUN Kawasan DUN Pelabuhan Klang. Memang cantiklah jalan itu dinaik taraf daripada 2 lorong menjadi 4 lorong dan cantiklah jalan. Tetapi, banyak kelemahan-kelemahan jalan tersebut dan bila saya bertanya dengan pihak JKR Daerah Klang mereka mengatakan ini projek JKR Negeri Selangor dan segalanya kontraktor akan ikut apa yang disediakan oleh pihak konsultan. Dan kalau kita tengok ciri-ciri keselamatan mengikut reka bentuk yang dibuat oleh pihak konsultan itu tidak menepati apa yang berada di tapak ataupun secara fizikalnya kerana laluan tersebut juga sangat-sangat sibuk dan ianya dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat. Dan ada lorong-lorong yang dibina dengan *curve* itu memang tak sesuai untuk laluan lori kontena dan akhirnya berlaku banyak kemalangan sekarang ini walaupun projek tersebut telah berjaya disiapkan. Dan yang merugikan ialah apabila dah disiapkan dan kemudian ubah balik reka bentuk tersebut. Kenapa nak buat selepas dah berlaku banyak kemalangan. Kenapa tidak kajian itu dibuat lebih awal lagi dan menyusahkan pengguna-

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

pengguna jalan tersebut. Kemudian sebelum dinaik taraf, perabot-perabot jalan ada, tanda jalan sana sini dan petak kuning ada. Tetapi, selepas dinaik taraf, petak kuning pun hilang. Depan Kolej WIT. Depan Kolej Pendidikan. Sememangnya kena adalah petak kuning. Dan kita tidak boleh memberhentikan kenderaan di atas petak kuning. Sebelum dinaik taraf ada petak kuning. Tetapi, lepas dinaik taraf tidak ada petak kuning. Dan saya bertanya dengan pihak JKR Daerah Klang. Kenapa petak kuning ini hilang. Katanya ini adalah atas kontraktor hanya melaksanakan apa yang disediakan oleh pihak konsultan ataupun pihak juru perunding. Jadi saya haraplah kalau nak melantik pihak juru perunding itu, selain daripada teori semata-mata kena tengoklah juga keadaan fizikal di tapak. Janganlah hanya teori mengikut buku tetapi juga kena juga mengikut apa jua kesesuaian di tapak. Janganlah sampai rakyat dah bising, kompelin, aduan, macam Kolej WIT. Apabila saya sendiri dihubungi oleh Pengerusi WIT, Tan Sri dan nampak rasa macam tak seronok. Yang diminta adalah petak kuning yang sebelum itu ada, kenapa sekarang ini hilang. Dan bila minta dengan JKR Daerah tak boleh nak buat sebab itu adalah yang disediakan oleh pihak konsultan. Tetapi saya desak juga pihak JKR Daerah Klang untuk laksanakan juga petak kuning di depan tersebut kerana membahayakan apa ini penunggang-penunggang motosikal terutama sekali pelajar-pelajar yang nak belajar di Kolej WIT untuk masuk ke kawasan tersebut. Sebab kalau tak ada petak kuning, memang kenderaan tidak akan berhenti.

Jadi seterusnya, Kod Projek PK 4, 04310. Menaik taraf jalan-jalan di Daerah Klang. Kos projek RM7,500,000.00 tetapi tidak ada untuk anggaran tahun 2020 ini Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan di Daerah Klang sedangkan ada banyak lagi jalan-jalan di Daerah Klang yang perlu di naiktaraf dan saya berharap sangat, pihak Kerajaan Negeri untuk melihat semula kawasan Pelabuhan Klang, kawasan Daerah Klang, kawasan Pandamaran, kawasan Sementa, kawasan Meru. Ini ada banyak kawasan-kawasan, jalan-jalan JKR yang perlu dinaiktaraf dan, Sentosa pun, mana lagi di Klang, ada banyak di Klang, ada 9 DUN, Kota Kemuning pun ada, dan banyak jalan. Jadi saya harap sangat, Batu Tiga, Bandar Baru Klang. Bandar Baru Klang tidak di lupa. So, ada banyak juga jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf. Dan Kerajaan Negeri kena mencari jalan untuk menyediakan juga peruntukan bagi menaiktaraf. Kalau tidak dapat dengan Kerajaan Negeri, carilah, usaha lah untuk berbincang dengan pihak Kerajaan Persekutuan untuk dapatkan bajet yang banyak seperti yang Pelabuhan Klang dapat baru ni RM50,000,000.00. Nak cakap juga tu..(ketawa).. dan saya harap (ketawa) ...saya harap sangat-sangat pihak Kerajaan Negeri fikirkanlah,

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Dapat RM 50,000,000.00 pun nak bising lagi (ketawa).

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : ..sebab inilah, inilah masalah yang membelenggu rakyat Negeri Selangor. Dan kita tengok kadang-kadang kita kena terima hakikat, apa yang *Brotherhood* Lando Zawawi dengan kumpulannya yang selalu marah kita, bantai Kerajaan Negeri, bantai JKR, jangan kita pandang dari sudut yang negatif. Tetapi kalau kita pandang dari sudut yang positif, mereka juga sama-sama keluarkan duit sendiri, beli *coldmix* dan tolong tampal jalan-jalan yang berlubang. Jadi ada juga jasa mereka kepada rakyat di dalam Negeri Selangor ini. Jangan kita pandang negatif. Ambil cabaran yang mereka berikan kepada kita itu, untuk kita sama-sama cari jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah jalan-jalan di dalam Daerah Klang terutamanya, dan juga jalan-jalan di Negeri Selangor.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Seterusnya Kod 04311 – Berkenaan dengan Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat di Daerah Klang. Kos projek RM2,500,000.00, Negeri ada RM500,000.00 sahaja sediakan peruntukan ataupun belanja untuk tahun 2020. Mana cukup. Ada banyak sekarang ni lampu-lampu jalan yang ada di dalam Daerah Klang ini tidak menyala. Yang tahun lepas pun tidak cukup, tahun depan lagi tak cukup, lepas tu bila nak cukup nya ini?. Jadi saya...lampu merah...sabar ya..dan

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan. Penjelasan sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Point akhir. Point akhir.*

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Saya tengok lampu isyarat pun banyak yang tidak berfungsi di Daerah Klang...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan. Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Point akhir Pelabuhan Klang.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan. Penjelasan.

Y.B TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : ...jadi saya harap Kerajaan Negeri,bukan sahaja jalan, Y.B. Pandan Indah carilah jalan macam mana pun, untuk kita...

Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Dari belakang tadi saya dengar. Terima kasih Puan Speaker. Awak puji, Yang Berhormat puji Lando?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ha. Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Dia jahat. Dia kata Hulu Klang tidak buat kerja. Tidur. Jadi boleh tak minta penjelasan. Kalau tidak tolak sokongan kepada dia, saya tidak akan minta peruntukan.

Y.B TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tak apa, semua hak masing-masing. Cuma saya kadang-kadang lihat apa yang dibangkitkan oleh Lando dengan kawan-kawannya itu ada asasnya. Sebab yang terlibat dengan kemalangan, kebanyakannya adalah penunggang-penunggang motosikal. Dan tadi pun saya berbincang dengan pihak PERKESO bagaimana kita nak membantu penunggang-penunggang motosikal yang pergi kerja Pelabuhan Barat dan juga Pelabuhan Utara yang terlibat di dalam kemalangan yang disebabkan jatuh naik motosikal kerana terlanggar lubang-lubang yang sediakan oleh pihak JKR Negeri Selangor. Maknanya tidak tampal lubang-lubang tersebut.

Jadi sebab itulah, dia orang ini ambil kesempatan untuk menampal lubang-lubang tersebut. Jadi saya harap, pada tahun 2020 ini, ialah dah itu sahajalah RM500,000.00 yang adakan untuk Daerah Klang, jadi akan datang saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor fikirkanlah bagaimana untuk menambah lagi peruntukan untuk JKR Daerah Klang supaya

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

tidak ada lagi alasan, apabila masuk sahaja bulan Julai, Ogos, September dan seterusnya, tiada bajet untuk menyelesaikan masalah-masalah ataupun aduan-aduan yang dibangkitkan oleh pengguna-pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020.

Sekian terima kasih daripada Pelabuhan Klang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pelabuhan Klang. Seterusnya, saya jemput Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Y.B Puan Speaker, lepas ni boleh bagi Gombak Setia kot, dia pun tunggu *queue* tu. Terima kasih banyak. Pertama saya ringkaskan, mungkin tiga (3) perkara sahaja.

Tentang Peruntukan Pembangunan Generasi Muda, saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli dewan, tadi ada Sijangkang, Dusun Tua dan juga Banting. Walaupun Dusun Tua yang lebih, dia yang patutnya bangkitkan dan dia dah bangkitkan tetapi bila tengok yang lebih senior pun cukup prihatin tentang Belanjawan untuk anak-anak muda ini, saya rasa seronok.

Berkaitan dengan apa yang Sijangkang bantangkan tentang PeBT, tentang peruntukan generasi muda kalau kita rujuk muka surat 196, Kod Projek 07001 dia sama sahaja saya ingat. Dah beberapa tahun ini, peruntukannya sama. Dan ada asas yang dibangkitkan oleh Sijangkang tadi, memandangkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pun dahulu merupakan EXCO Pembangunan Generasi Muda, dan saya sendiri pun merupakan *batch* terawal penggerak belia tempatan. Jadi peruntukan itu daripada, kalau saya ingat tahun 2009, sekarang sudah 2019, masih sama lagi.

Dan saya juga setuju dengan Dusun Tua, kita perlu cari mekanisme yang terbaik, selain daripada kita memberdayakan penggerak belia tempatan ini, perlu ada satu mekanisme yang lebih efektif dalam kita hendak menangani masalah orang-orang muda ini, sebab orang muda ini bukan setakat kita buat program sahaja, dan kalau kita buat program pun, perlu ada impak. Kadang-kadang kita tengok, di bawah ini saya faham bila kita berurusan dengan PeBT, dia punya KPI Program. Program dan impak nya dia tak ada pemantauan. Kalau kita bagi RM5,000.00 setahun tu, tahun lepas program yang sama, tahun ini pun dia akan *repeat* program yang sama lagi. Jadi perlu ada satu, saya cadangkan, perlu ada satu mekanisme baru di peringkat Kerajaan Negeri, mungkin EXCO kita Yang Berhormat Paya Jaras untuk memikirkan satu kaedah terbaru. Saya pun, cukup teruja bila dengar Paya Jaras ini mudah. walaupun dia nampak tua, tetapi.. (ketawa) dia nampak sahaja tua

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tarik balik Yang Berhormat..(ketawa).. tarik balik yang tua tu (ketawa)

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Dia nampak tua...tapi jiwa dia muda (ketawa)

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Paya Jaras terima sahaja lah hakikat

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Nampak matang

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Saya tengok video dia di atas pentas, dia GIG, di dalam GIG, nasib baik dia tak terjun dekat *crowd* sahaja.

Pertama kali saya nampak YB EXCO orang kata, ini bukan YB ini dah macam *rockstar* dah. Ini, ini EXCO belia kita. Jadi terima kasih kepada EXCO belia, yang terus komited dalam agenda pembudayaan orang-orang muda itu yang pertama dalam konteks generasi muda dan sukan.

Yang ke-2, saya nak sentuh sedikit tentang perpustakaan, muka surat 198 masih di bawah Vote P01 14010 Kod Projek tentang Projek Penterjemahan Karya Antarabangsa. Kita semua sedia maklum, Dato' Menteri Besar kita ni orang budaya. Dia, kalau dengan Gombak Setia kita tahulah kita selalu usrah dahulu dengan, dengan Dato' Menteri Besar ni, tetapi kita usrah cerita budaya dan falsafah. Dan kita alu-alukan inisiatif dan juga pendekatan Kerajaan Negeri dalam memperkasa dan membudayakan ilmu ini, terutamanya dengan inisiatif penterjemahan karya antarabangsa dalam bajet pun RM1.5 juta, dan saya tengok, *progress* dia cukup baik. Ada banyak buku yang karya-karya asing yang diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Bukan sekadar, penterjemahan ni bukan sekadar kita nak terjemah buku, nak cakap apa, nak, nak capai KPI memperkasakan Bahasa Melayu tetapi sejauh mana tindakan ataupun langkah susulan daripada Kerajaan Negeri.

Kita terjemah, kita keluar duit, kita *print* buku, kita edarkan ke perpustakaan tetapi ada tak orang baca buku tu?. Dan sejauh mana Kerajaan Negeri ambil pendekatan untuk mewacanakan karya-karya besar ini. Bukan sekadar kita *print out* buku, terjemah dan kita edar pada perpustakaan tetapi nanti dia terperap sahaja di *library* tersebut. Jadi, perlu ada satu tindakan, macam kita ada Dialog Shah Alam misalnya, ini satu pendekatan yang baik daripada Kerajaan Negeri tetapi Dialog Shah Alam fokus dia lebih kepada, perkongsian daripada tokoh-tokoh besar baik dalam negara mahupun luar negara. Cuma di peringkat, terjemahan buku-buku ini saya nampak inisiatif yang baik daripada pihak Kerajaan Negeri Cuma tidak ada *follow up*. Kita tahu, buku itu wujud tetapi tidak mengakar ilmu tersebut. Jadi, kalau kita *invest* ataupun dengan izin melabur dalam, dalam industri buku, industri terjemahan memang nampak industri yang tidak popular, tetapi kesannya cukup baik sebenarnya untuk masyarakat khususnya anak-anak muda dalam mereka mendapatkan input ataupun ilmu daripada karya-karya besar ini, bukan senang kalau saya sebut di sini daripada, *Pericles*, daripada *Plato*, *Voltaire*, *Rene De Cart* macam-macam. Ini semua karya-karya agung yang ditulis ribuan tahun dahulu. Dan Alhamdulillah Kerajaan Selangor sebagai Negeri Pertama, yang ambil inisiatif terjemahan karya-karya ini ke dalam Bahasa Melayu. Jadi, mungkin boleh diberikan satu tindakan baru daripada Kerajaan untuk mengakarkan, mewacanakan karya-karya ini dan selain daripada itu, kita tingkatkan perkongsian secara intelektual di kalangan anak-anak muda kita.

Dan yang ke-3, berkenaan dengan seni. Baru-baru ini, saya baca tentang laporan di Media Selangor tentang perasmian Rumah Selangor. Rumah Seni Selangor (RUSSEL). residensi yang ke-2. Dah masuk tahun ke-2. Dan saya nak bertanya dalam dalam dalam perbahasan ini, sebab bila saya semak anggaran perbelanjaan dalam buku yang kita sedang rujuk ini, saya tak nampak baik dalam perkara Kod Projek PK13 melibatkan adab

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

melayu dan warisan, atau pun di bawah PK10 Pelancongan, dan saya juga semak di bawah PK17 muka surat 109, Projek Khas Negeri, tidak ada di sebut tentang Rumah Seni Selangor.

Jadi apakah, di pihak Kerajaan Negeri ada dana khas untuk kita bangunkan industri seni melalui Rumah Seni Selangor ini yang mana kalau kita lihat, Industri Seni ini bukanlah sesuatu yang boleh menjana ekonomi, dia tiada profit *benefit* pun cuma daripada sudut ekosistem seni itu sendiri, Selangor seharusnya memainkan peranan yang lebih ke hadapan, sebab kita telah umum sebelum ini, kita nak jadikan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni.

Dan Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah wujudkan Rumah Seni Selangor di Petaling Jaya yang mana, yang pertama saya kira di Malaysia juga, Selangor ini sentiasa, menerajui bidang-bidang ataupun benda-benda baru di Malaysia dan saya harap Kerajaan Negeri dapat beri penjelasan, apakah ada peruntukan ataupun dana khas kepada Rumah Seni Selangor, dalam usaha mereka untuk mengembangkan agenda seni Negeri Selangor seterusnya, menerajui program-program seni di Malaysia ini.

Jadi, yang terakhir, saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana ada disediakan peruntukan untuk perpustakaan awam Selangor Fasa 2, dalam Kod Projek 17002 serta 17012 untuk Taman Rakyat Shah Alam. Jadi saya ucapkan terima kasih sekali lagi dan saya harap dapat dipertimbangkan cadangan-cadangan serta pandangan di pihak Ahli-Ahli Dewan untuk terus kita jayakan agenda membangun Negeri Selangor ini dengan konteks dalam Aspirasi MB Selangor Maju Bersama. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. Macam menang loteri (ketawa). Okey, saya ingin bahaskan berkenaan dengan muka surat 257, Kod Projek PK5 05001 – Kebajikan Haiwan. Saya ingin membangkitkan tentang kebajikan haiwan terutamanya, haiwan liar ataupun haiwan gelandangan. PBT sentiasa dikritik oleh rakyat tentang cara mereka menguruskan haiwan gelandangan terutamanya anjing liar. Kita faham, bumi ini bukan dimiliki oleh manusia sahaja. Haiwan-haiwan berhak untuk tinggal di bumi ini juga. Walau bagaimanapun disebabkan oleh banyak sebab, terutamanya manusia yang tidak bertanggungjawab, yang membuang haiwan peliharaan mereka selepas mereka tidak berminat memelihara haiwan tersebut dan yang ini telah menambahkan kuantiti haiwan gelandangan yang hidup di luar sana.

Aduan di laporkan kepada pihak PBT apabila haiwan gelandangan yang terlampau banyak dan mengancam kehidupan manusia, termasuklah berlaku apabila semasa pihak PBT tidak mempunyai peruntukan yang secukupi untuk menguruskan haiwan-haiwan gelandangan ini. Kebanyakan haiwan mati ataupun cedera parah semasa ditangkap disebabkan oleh kekurangan peruntukan juga, haiwan gelandangan ini tidak dapat dipelihara dengan baik semasa berada di pusat perlindungan haiwan.

Adalah sangat jelas, peruntukan yang bernilai RM40,000.00 sahaja, tidak cukup langsung untuk menjaga kebajikan haiwan, termasuklah haiwan gelandangan ini. Tidak kira nya kita ingin mengadakan kempen Kesedaran Kebajikan Haiwan, penambahbaikan pusat-pusat perlindungan haiwan ataupun usaha-usaha lain yang boleh kita lakukan, semua ini perlu,

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

jauh lebih banyak daripada RM40,000.00, dengan izin, *how we treat animals reflect humanity*, saya berharap Kerajaan dapat menambahkan peruntukan untuk kebaikan haiwan demi menunjukkan Selangor satu negeri yang bukan sahaja maju dan indah tetapi juga penuh dengan kasih sayang dan kemanusiaan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Yang Berhormat Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Balakong. Saya persilakan Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mohon untuk merujuk kepada Kod Projek PK (2) Luar Bandar Butiran 02002 dan 02003 berhubung Program Pemberdayaan dan Pembangunan Sosioekonomi dan Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi. Ini kerana ia merupakan salah satu tonggak yang saya kira amat penting dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan matlamat untuk merapatkan kesenjangan ekonomi antara Wilayah, khususnya kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar dan justeru itu, ikhtiar Kerajaan Negeri melalui Program Projek dan Inisiatif di bawah Butiran ini akan memacu pembangunan sosioekonomi negeri, menyuntik dinamisme baru kepada ekonomi desa serta pada masa yang sama mengekalkan watak dan jati diri masyarakat desa.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik kepedulian Kerajaan Negeri terhadap isu gerai-gerai PLB yang diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana, hasil daripada tinjauan saya kepada gerai-gerai PLB ini, kebanyakannya berada di dalam keadaan yang daif, tidak strategik dan majoritinya terletak di atas tanah-tanah rizab sama ada tanah rizab sungai, tanah rizab jalan mahupun tanah rizab hutan kalau di dalam kawasan Gombak Setia. Dan lebih parah lagi, setiap kali berlakunya hujan lebat, misalnya, akan berlaku banjir, bumbung bocor dan sebagainya. Dan, kalau di dalam kawasan Gombak Setia di Kampung Sungai Pusu, ada gerai PLB yang di dalam premis nya itu, ada saluran longkang, dan ini mengakibatkan setiap kali hujan lebat berlaku, peniaga akan menanggung kerugian yang teruk akibat daripada kerosakan barang-barang perniagaan itu. Maka, saya ingin bertanyakan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri, apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan fasiliti perniagaan-perniagaan kecil seperti ini. Apatah lagi, dan apakah Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan untuk membangunkan gerai-gerai baru seperti ini di kawasan-kawasan yang lebih strategik khususnya dalam usaha kita untuk memperkukuh taraf ekonomi masyarakat desa. Dan menjadi harapan saya agar Kerajaan Negeri dapat melihat isu ini secara serius demi kita memberdayakan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Dan yang kedua Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada Kod Projek PK (3) dalam isu Usahawan di mana saya kira Kerajaan Negeri sedar pada hari ini bahawa untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi, hari ini sudah tentulah masyarakat, khususnya di kawasan luar bandar, bekerja keras untuk menyara kos kehidupan yang kian meningkat. Justeru, sejak pelancaran Program Hijrah iaitu pada Mac 2015, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan inisiatif Hijrah Selangor ini yang ditumpukan untuk memberdaya dan membantu rakyat, khususnya usahawan-usahawan muda untuk memulakan perniagaan masing-masing. Sejak program ini dilaksanakan, kita gembira dan bersyukur kerana Hijrah Selangor sehingga ke hari ini telah berjaya melahirkan seramai

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

46,352 orang usahawan di Negeri Selangor dengan jumlah pembiayaan sebanyak lebih RM460 juta.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Program Hijrah ini merupakan antara program yang menjadi batu loncatan untuk Kerajaan Pakatan Harapan ke Putrajaya dan program ini telah pun membantu sekian ramai rakyat Negeri Selangor untuk bergelar seorang usahawan. Dan rakyat pula dalam banyak pertemuan dan pandangan yang saya terima, rakyat rasa begitu mudah dan dekat dengan Kerajaan Negeri melalui inisiatif ini kerana tidak sampai seminggu dia memohon dia telah pun berjaya mendapatkan suatu modal untuk mereka memulakan perniagaan mereka. Bahkan untuk membayar semula bayaran pinjaman itu, juga tidak begitu membebankan kepada mereka kerana mereka membayar secara mingguan, sedikit demi sedikit. Namun begitu, saya kira dalam usaha kita untuk memberdaya lebih ramai usahawan di Negeri Selangor ini, hari ini kita telah memberdaya 46,352 orang usahawan tetapi terdapat limitasi terhadap pinjaman yang dihadkan oleh Hijrah iaitu pada kadar RM50,000.00 maksimum. Maksudnya hari ini kita ada 46,352 orang usahawan, yang akan mempertingkatkan skil mereka, kemahiran mereka, keupayaan mereka untuk berniaga dalam modal yang begitu besar. Jadi saya kira, sudah tentulah dalam keadaan ekonomi hari ini dan dengan jumlah usahawan-usahawan kecil yang begitu ramai yang telah berjaya kita lahirkan, saya kira sudah sampai waktunya untuk Kerajaan Negeri melalui Hijrah Selangor meneliti semula kadar pinjaman ini dapat kita tingkatkan ke suatu had yang saya kira munasabah supaya akhirnya kita dapat mengupayakan potensi usahawan Negeri Selangor ini ke tahap yang lebih tinggi. Kalau sebelum ini dengan RM50,000.00 mungkin mereka telah menjadi pemain industri desa di peringkat daerah dan di peringkat negeri, kalau kita tingkatkan mungkin kepada RM100,000.00 ataupun RM150,000.00, saya yakin dengan suntikan yang lebih tinggi maka usahawan-usahawan ini akan lebih berdaya maju di peringkat Nasional apatah lagi bagi tahun 2020 ini Kerajaan Negeri telah mencadangkan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta kepada usahawan Hijrah.

Dan yang ketiga dan yang terakhir saya kira, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh dan merujuk kepada Kod Projek PK (1) Butiran 01003 *Smart Selangor Delivery Unit* dan juga PK (9) dalam soal Perbandaran. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh topik ini dengan menyorot kembali gagasan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor ini sebagai sebuah negeri pintar menjelang tahun 2025, namun begitu dalam keghairahan kita untuk membahaskan soal dasar dan kebijakan Kerajaan Negeri yang pintar dan canggih ini, kita tidak boleh dan kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri ini harus memastikan Kerajaan Negeri tidak sekali-kali tercabut daripada realiti kehidupan rakyat di bawah. Ini kerana, mutu dan kualiti perkhidmatan Perbandaran adalah tunjang kepada prestasi Kerajaan Negeri. Dan sudah tentulah apabila Kerajaan Negeri menggagaskan hasrat untuk menjadi sebuah negeri pintar atau *smart state*, kita harus melakukan anjakan supaya perkhidmatan Perbandaran kita juga menjadi sebuah perkhidmatan yang cekap, yang efisien dan juga yang pintar sebagaimana yang kita gagaskan di peringkat negeri ini. Justeru itu, antara isu yang cukup menjadi perhatian rakyat di peringkat Perbandaran sudah tentulah ada dua (2) isu yang saya kira sangat penting iaitu isu *potholes* dan juga isu kutipan sisa pepejal. Saya ingin menyatakan bahawa dua (2) isu ini sememangnya menjadi isu yang cukup menghantui setiap Ahli Dewan Negeri Selangor. Dan melalui ikhtiar negeri pintar dan kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini, saya kira sebelum ini Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan kerjasama dengan aplikasi *Waze*, misalnya. Dan juga usaha untuk pemantauan *potholes* secara *Real-Time*.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Dan begitu juga usaha *KDEB Waste Management*, misalnya, yang mana menggunakan *tracker* untuk memantau perjalanan lori-lori mereka ini untuk kutipan sisa pepejal di setiap ceruk negeri Selangor ini. Namun begitu saya kira dua (2) isu ini masih lagi sehingga hari ini menghambat dan menjadi belenggu kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri. Di Pusat Khidmat saya sendiri, saya terpaksa tubuhkan satu unit khas hanya untuk memantau prestasi kutipan kerana kalau tengok dalam *whatsapp group* ADUN-ADUN dengan Majlis Perbandaran ataupun PBT misalannya pun setiap hari boleh dilihat ada sahaja gambar-gambar sampah yang dilontarkan, sama ada oleh ADUN mahupun oleh Ahli-Ahli Majlis. Jadi, saya kira isu ini..

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Yang Berhormat laluan, Yang Berhormat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia, Kuang ingin bertanya.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sebab Kuang ini memang sangat rapat dengan saya, jadi saya takkan, saya takkan tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Kuang.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Terima kasih Gombak Setia. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Gombak Setia berkenaan dengan *pothole*. *Pothole* ini adalah suatu perkara yang membelenggu, gangguan terhadap trafik, dan yang penting sekali adalah penunggang motosikal yang selalu menghadapi keadaan yang tidak sempurna di atas jalan raya. Sehingga hari ini, saya tidak nampak ada satu usaha ataupun satu teknologi yang mungkin boleh diusahakan oleh JKR. Dalam proses kita untuk menampal *pothole* ini, dengar cermat, teratur dan dalam keadaan yang sempurna, sehingga hari ini saya belum dapat melihat kecuali dibuang tar itu di dalam *pothole* berkenaan dan dia menggunakan *compactor* sahaja untuk *compact* tar itu sehingga menyebabkan keadaan itu tidak .. jalan itu tidak rata seperti tidak cermat dan sebagainya. Jadi saya, kita pun pelik, sudah begitu lama JKR ini dalam menangani isu *pothole* ini, kita tidak boleh selesaikan. Dan satu lagi, saya nak sebut lagi, ni minta maaf ni Gombak Setia, bukan sahaja *pothole* tetapi *manhole* yang begitu banyak yang bertabur di atas jalan raya kita. Utiliti ni pun satu perangai juga, Telekom ke, PBT ke, tidak *upright*, tidak *level* kan dia punya *manhole* dan sebagainya atas jalan raya. Ini masalah. Kita minta tangannya.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Baik terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Kuang dulu macam yang saya sebut sebelum ini, hidup segan mati tak mahu. Kuang ini memang sangat prihatin kepada isu-isu rakyat. Dan Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin..saya kira benar ini keluhan yang datang daripada rakyat. Sebab itu saya sebut dalam keghairahan kita berbahas di sini, yang cukup bersemangat, yang meneran-neran pun ada dalam berbahas tetapi kita tidak boleh tercabut daripada realiti kehidupan dan juga aduan-aduan yang disampaikan oleh rakyat. Dan, justeru itu saya ingin minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah *eficiency status*, dengan izin, terhadap pelaksanaan aplikasi-aplikasi ini dan selain daripada itu? Saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah Kerajaan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Negeri berhasrat untuk membenarkan monopoli kepada kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan ini di semua PBT hanya kepada *KDEB Waste Management*? Ini kerana dan ini memandangkan saya bimbang kalau kita membenarkan usaha monopoli ini berlaku maka mereka yang menjadi pemain monopoli dan menguasai kerja-kerja tersebut akan mengabaikan soal prestasi perkhidmatan dan apatah lagi kerana mereka menganggap bahawa walaupun prestasi mereka kurang memuaskan tetapi mereka tetap akan mendapat kerja tersebut. Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kita tidak boleh benarkan monopoli ini berlaku dalam apa-apa juga industri dan kerja-kerja dalam Negeri Selangor. Kita harus membenarkan sama ada anak syarikat kepada Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat swasta, mereka ini mampu bersaing antara satu sama lain supaya akhirnya anak-anak syarikat kita juga boleh berdaya saing dan berdaya maju untuk setanding dengan perkhidmatan yang lebih baik di peringkat luar sana. Dan dalam soal prestasi ini, saya kira kita harus *limit* kan mungkin kepada sekian-sekian syarikat itu hanya kepada kerja-kerja yang boleh mereka lakukan sendiri, kita tidak boleh benarkan kontraktor-kontraktor ini akhirnya dia *sub* kan kerja-kerja ini. *Sub-sub* ini budaya Yang Berhormat Sungai Air Tawar dulu, kawan-kawan dia. (Ahli Dewan ketawa). Sekarang ini tidak boleh, kerja-kerja *sub* ini. Kita tidak boleh, sebab, bila dia *sub* dan dia *sub* sudah tentulah yang atas itu akan ambil sedikit sebanyak keuntungan dan akhirnya..saya tunggu juga dia bangun tu. Ha, dia bangun! Saya bagi. Ini lebih rapat daripada Kuang, saya bagi juga. (Ahli Dewan ketawa).

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak Setia sebab dia sebut, saya bangunlah. Tadi, budaya *sub-sub* ini bukanlah budaya Sungai Air Tawar, tetapi adakah setuju juga kepada Yang Berhormat Gombak Setia yang mana pada hari ini kalau kita lihat *trend* daripada pihak Kerajaan khususnya dalam KDEB memberi satu kontrak yang tempoh yang terlalu panjang kepada kontraktor. Sebagai contoh, di dalam KDEB yang mana kontrak yang diberikan adalah selama tujuh (7) tahun dan, kepada kontraktor, KDEB kepada kontraktor, kita difahamkan selama tujuh (7) tahun. Perkara ini tidak pernah berlaku di dalam peringkat Persekutuan yang mana tender dia terlalu panjang sedangkan saya difahamkan kontrak di antara KDEB dan PBT hanya dalam tempoh dua (2) tahun. Jadi, saya ingin juga bertanya adakah kerana tempoh tujuh (7) ini untuk memastikan sewa beli kenderaan ataupun lori pengangkut ini untuk ditamatkan atau pun telah dibuat satu kajian timbang antara dimana tidak menjejaskan kontraktor pada masa akan datang.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih sahabat saya Sungai Air Tawar dan saya kira kalau Yang Berhormat Sungai Air Tawar pun tak setuju dengan budaya *sub-sub* ini jadi saya kira ini memang sepatutnya kita raikan kesatuan ini dalam satu muafakat yang lebih agung dan.. dan.. saya nak akhir dah lampu merah ni dan saya kira penting supaya akhirnya nanti imej Kerajaan Negeri ini tidak tercalar.

Sebagai mana yang saya sebutkan tadi, prestasi, mutu dan kualiti perkhidmatan PBT ini dia menggambarkan, mencerminkan prestasi Kerajaan Negeri dan dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberdaya setiap daripada PBT yang kita ada di Negeri Selangor ini. Sebab saya yakin PBT-PBT yang kita ada ini mereka ada pegawai dan juga kepimpinan yang cukup kuat dan juga yang cukup kompeten supaya kita juga dapat mungkin dapat menubuhkan satu *task force* di peringkat PBT ini. Sebab saya tengok kita cukup efektif dalam soal bencana, pengurusan bencana. Kita ada *task force* yang dulu

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

dibangunkan oleh Yang Berhormat Bandar Baru Klang iaitu Skuad Pantas dimana bila ada bencana sahaja, skuad ini yang turun.

Kita juga saya kira memerlukan ada skuad yang macam ini untuk aduan-aduan kutipan sisa-sisa pepejal yang tidak berangkat dan juga aduan-aduan *pop holes* sebab saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat yang lain, ini soal keselamatan rakyat. Semalan saja ada satu kawan saya, kebetulan dia terlanggar satu lobang di Selayang. Dia patah tangan dan patah kaki sekarang dia berada di Hospital Selayang. Jadi ini tidak boleh.. ya dia naik motor. Jadi ini kita tidak boleh kita benarkan dan kita mesti banteras dan juga selesaikan isu *pop holes* ini dengan serta merta dengan cepat, dengan cekap dan *efficient* supaya akhirnya aduan-aduan rakyat ini rakyat nampak kita sangat *responsive* terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Dan dalam soal *utility* yang Yang Berhormat Kuang bangkitkan tadi, ini juga saya kira satu perkara yang penting sebab saya tengok koordinasi ini di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi ini juga kita harus perkukuhkan kembali. Misalnya saya sebutkan di dalam kawasan saya sebelum ini di hadapan Masjid Khairiah memang kita perjuangkan jalan di hadapan itu diturap tapi tak sampai seminggu dia diturap ada pula yang korek untuk ganti dan membetulkan *utility*. Ini koordinasi ini saya kira penting apa tah lagi dalam soal kita ini nak jadi sebuah negeri yang pintar negeri yang *smart*. Jadi saya kira tentulah koordiansi ini juga boleh kita selesaikan melalui aplikasi-aplikasi yang canggih ini. Komunikasi di antara jabatan-jabatan itu juga sangat penting dan ia tidak melibatkan birokrasi yang terlalu tinggi supaya akhirnya yang boleh kita jamin melalui belanjawan dan juga perkhidmatan kita ini adalah kesejahteraan untuk rakyat Negeri Selangor. Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dan saya akhiri dengan terima kasih assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Gombak Setia. Saya persilakan Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Puan Speaker. Saya hanya merujuk beberapa perkara. Salah satu merujuk kepada muka surat 199 P.K 17 Projek Khas Negeri. Saya ternampak banyak projek khas negeri dimana kita ada bagi untuk masjid juga ya dan saya ingin minta jasa baik daripada Kerajaan Negeri, adakah kita dapat peruntukan kepada KAFA dimana KAFA di namanya adalah KAFA Integrasi Sekolah Rendah Agama Nurul Ain, Telok Gadong. Dimana KAFA ini tiada kantin untuk pelajar-pelajar untuk bersarapan pagi dan makan tengah hari. Mereka hanya pakai khemah ya khemah dan kerusi dan meja dan tidak begitu dalam keadaan yang elok dan telah menyusahkan pelajar-pelajar disitulah. Jadi saya difahamkan, KAFA adalah satu institusi sekolah yang di.. apa dia.. diperuntukan oleh orang awam. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat membantu untuk membina sebuah kantin di KAFA Integrasi Sekolah Rendah Agama Nurul Ain, Telok Gadong.

Lepas ni kita rujuk kepada muka surat 211, Kod Projek 04310 Menaiktaraf Jalan-jalan di Daerah Klang. Dimana kita nampak jalan persekutuan ya lebuh raya persekutuan ini selepas dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan dan kita nampak keadaan di jambatan Simpang Lima dan jalan-jalan lebuh raya persekutuan berada dalam keadaan sungguh teruk ya berada dalam keadaan teruk dan banyak kemalangan yang menyebabkan *piling*, dengan izin *piling* telah rosak. Mengikut JKR kata tak ada peruntukan sekarang untuk dibaiki. Jadi kita harap peruntukan ini kita dapat diberi untuk menaiktaraf dimana jambatan

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Simpang Lima dan lebuh raya persekutuan. Kita nampak selepas dikembalikan pada 2018 keadaan disitulah telah mencemar imej Bandar Baru Klang iaitu Bandar Diraja. Jadi inilah yang saya ingin membangkitkan dalam perbahasan ini jadi itu saja saya menyokong pembentangan ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pandamaran. Saya persilakan Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Kita ke Vot P12 muka surat 220 Kod Projek 04108 Menaiktaraf Jalan-jalan di Daerah Petaling. Di Daerah Petaling ni setahu seingat saya ataupun sepengetahuan saya, jalan yang daripada lapangan terbang.. jalan lapangan terbang menuju ke Subang, Lapangan Terbang Subang kalau kita lihat jalan itu dari Subang Jaya dia akan melalui Ara Damansara, Kelana Jaya dan terus ke Lapangan Terbang Subang. Jalan ini terlalu sesak, saya minta perhatian Kerajaan Negeri Selangor sebab kita memang saya yakin Yang Berhormat lalu jalan itu dan saya minta kerjasama kepada Kerajaan Negeri saya minta memperbesarkan jalan itu. Dan kemudiannya selepas itu, *roundboard* itu nak menghala ke Subang Airport ia menjadi kecil yang ini pun menjadi masalah juga. Dan apabila kita nak daripada Lapangan Terbang Subang nak ke Shah Alam atau pun nak ke Subang Jaya nak melalui Ara Damansara nak ke Kelana Jaya dan terus ke Subang Jaya juga dalam kesesakan jalan yang teruk. Bukan waktu pagi atau pun waktu petang tetapi bagi saya sentiasa jalannya sesak dan sempit. Dan kepada, di bawah menaiktaraf jalan-jalan di Daerah Petaling juga, seterusnya jalan yang daripada Lebuh raya Guthrie, Lebuh raya Guthrie melalui Glenmarie atau pun melalui TTDI Jaya terus ke Shah Alam yang ini pun terlalu sesak jalannya. Tidak mengikut masa pagi atau pun petang dengan lampu isyarat yang kita tempuh tiga atau empat lampu isyaratnya dengan jalan yang sempit dengan yang ini saya pun saya minta perhatian Kerajaan Negeri Selangor sebab jalan ini telah terlalu lama.

Kemudiannya kita ke Vot P14 muka surat 242 di bawah P.K 1 Sekolah-sekolah Agama. Saya dah bawak dalam ucapan perbahasan saya yang lalu tentang sekolah agama yang kita tahu sekolah agama sekarang ini kelasnya kurang atau pun bilik darjahnya kurang. Macam saya bawak tempoh hari, tentang keadaan usang di Lembah Subang sekolah agama di Kampung Lindungan dan yang terbaru di sekolah agama TUDM di dalam TUDM Subang ini kita ada sekolah agama kita ada sekolah kebangsaan dan saya diberitahu bahawa sekolah agama tersebut juga mempunyai kelas yang cukup teruk dan sempit dan atau pun padat anak muridnya terlalu ramai yang saya minta perhatian kepada Kerajaan Negeri. Itu saja. Saya tidak mahu memanjangkan masa. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Seri Setia. Saya jemput Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Sebelum saya nak membahar ya, sedikit teguran sikit kepada pihak wartawan baru ni EXCO menjawab ni dah keluar berita seolah-olah Kerajaan Negeri membenarkan minum arak secara terbuka sedangkan maklumat walaupun isi dia tu dia tidak menyatakan begitu saya harap pihak wartawan lebih beretika sebab ramai rakyat kita ni baca tajuk saja dia tak baca isi yang dalam tu yang boleh menyebabkan mungkin berlakunya rasa tidak puas hati dan juga kita takut timbul isu-isu yang lain. Kita harap diperbetulkan. Okay.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Timbalan Speaker, boleh saya memberi sedikit penjelasan tak? Saya ingin mengulangi jawapan yang saya beri tadi.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Silakan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Untuk menunjukkan ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat daripada Berita Harian. Semasa saya menjawab kepada Yang Berhormat Rawang, inilah jawapan saya. Undang-undang Kecil (UUK) yang sedia ada tiada larangan untuk meminum arak di taman awam. Namun begitu, Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil inisiatif dengan memasang papan tanda peringatan bagi melarang meminum minuman keras di kawasan awam. Ini jawapan saya, tetapi tajuk yang dikeluarkan oleh Berita Harian adalah.. tiada larangan untuk orang awam untuk meminum arak. Seolah-olah ini adalah Kerajaan Negeri menggalakkan atau mengizinkan orang awam meminum arak di kawasan awam. Ini adalah tidak bertanggungjawab dan saya minta Berita Harian untuk..

DEWAN : Tarik Balik. (Tepuk meja)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tarik balik dan membetulkan kesilapan ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Bukan sekadar tarik balik dia kena mohon maaf bagi saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Kinrara. Teruskan. Ok sila teruskan.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya nak menyambung sedikit Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya nak menyentuh sedikit muka surat 195..

DEWAN : Meru, Kuang Kuang. Jeram Jeram eh Kuang Kuang. Bagi bagi.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya tengah bercakap..

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Takpe saya nak sentuh sikit berkenaan apa yang disebut tadi.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Lari tajuk bahas kita ni.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Berkaitan minum arak secara terbuka ni.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, silakan Kuang.

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Nampaknya kita ni sepatutnya Kerajaan lebih tegas di dalam menangani perkara-perkara yang separuh fitnah la ni. Separuh fitnah kerana meletakkan tajuk-tajuk berita yang begitu menarik perhatian tetapi akhirnya mendatangkan persepsi buruk kepada kerajaan.

DEWAN : Ya betul.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Perkara ini bukannya baru satu dua tiga berlaku tetapi sudah berlaku sejak daripada kita menang daripada Mei 2018 sehingga sekarang.

DEWAN : Ya.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya minta supaya kementerian lebih tegas dengan semua pengarang-pengarang akhbar ini supaya memastikan bahawa berita yang akan dimuat naik di dalam dada akhbar sama ada dalam bentuk..

DEWAN : *Online.*

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : *Online* dan sebagainya mesti mengikut etika kewartawanan yang betul. Saya harap Kementerian Komunikasi mengambil satu inisiatif panggil semua pengarang-pengarang akhbar yang tak bertanggungjawab ini supaya lebih bertanggungjawab. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik Kuang. Silakan Meru teruskan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Kuang. Saya menyokong penuh saranan daripada Kuang tadi. Okay, ke muka surat 195, Kod Projek 02006 Naiktaraf/Baikpulih Jalan Luar Bandar kalau kita lihat disini bajetnya pada tahun 2020 sebanyak 1 juta ringgit diperuntukkan. Sedangkan kalau kita lihat di keseluruhan kampung-kampung di seluruh Negeri Selangor keadaan jalan-jalan cukup daif dan juga pencahayaan pun cukup orang kata daif jugak yang perlukan kepada pembaikkan dan saya sarankan supaya pihak Kerajaan Negeri lebih prihatin untuk memberi tumpuan juga ke kawasan-kawasan yang luar bandar ini untuk memastikan penaikkan taraf dan baik pulih jalan luar bandar ini dapat diberikan perhatian yang lebih serius. Sebab ramai jugak rakyat Selangor berada di luar bandar ini dan kadang-kadang infra yang tidak baik ini memberi imej yang tidak baik kepada kita.

Dan seterusnya ke muka surat 221 Kod Projek 04307 Naiktaraf Jln. Hj. Abd. Manan ke Jalan Kapar, kalau kita lihat tidak ada peruntukan pada tahun ini dan saya ucapkan terima kasih baru-baru ini pihak JKR sendiri telah membuat pembaikkan tetapi malangnya seperti yang saya sebutkan tadi dalam perbahasan yang lepas kualiti atau pun orang kata keadaan pembaikkan itu tidak memuaskan yang mana kita telah membelanjakan jutaan ringgit untuk buat pembaikkan tapi malangnya antara faktor seperti mana yang saya sebutkan sebelum ini dilihat masa pembaikkan itu dibuat pada masa yang tidak sesuai masa waktu ketika musim hujan yang menyebabkan baru saja pembaikkan itu dibuat jalan itu sudah rosak balik jadi kita menghabiskan duit kita begitu sahaja seolah-olah kita tidak bersungguh untuk menyelesaikan masalah itu dengan serius. Sekadar nak tutup *complain* benda ini tak boleh menjadikan apa orang kata apa-apa manfaat yang besar kepada kita sedangkan sekiranya jalan itu kita baiki dengan kualiti yang betul, masa yang betul, saya yakin jangka hayat ia panjang dan juga kita boleh belanjakan perbelanjaan negeri itu ke tempat yang lain yang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

lebih memerlukan. Juga kod projek dalam muka surat yang sama 04312, meningkatkan aspek keselamatan jalan raya di daerah Klang, sebanyak diperuntukkan RM500,000.00, bagi saya peruntukan ini tidak cukup sebab Klang daerah cukup besar dan 9 DUN berada di dalam daerah Klang. Dan kebanyakan jalan-jalan di daerah Klang ni semua rosak, teruk, keselamatannya orang kata amat mendukacitakan dan juga kalau kita lihat bukan sahaja orang kata jalan-jalan Kerajaan Negeri, jalan Persekutuan juga teruk, jalan persendirian yang dah jadi jalan Negeri, banyak orang beranggapan jalan-jalan persendirian tu macam di bawah tanggungan kita pun ada yang dah jadi macam jalan utama. Yang suka tak suka kita juga terpaksa ambil perhatian dan juga perlu buat pembaikan juga sebab ia dah jadi antara jalan-jalan yang memang menjadi kegunaan awam dan diperlukan oleh rakyat untuk melalui jalan tersebut. Kadang-kadang timbul juga permasalahan kita tidak mengetahui dan juga timbul orang kata pertindihan tentang tanggungjawab ke atas jalan-jalan yang tidak orang kata yang tidak berdaftar macam mana nak sebut kat sini, yang tidak digazetkan dan sebagainya, macam contoh kalau di Meru tu, antara Jalan Kubur, Pekan Meru, kubur cina daripada Pekan Meru nak pergi ke Setia Alam, jalan itu di bawah kawasan MBSA tetapi yang teruk kena saya lah, kalau cek balik jalan tu bawah Kota Anggerik, tetapi yang kena selesaikan Meru. Macam baru-baru ini pun terpaksa merayu juga peruntukan Ahli Parlimen Kapar, akhirnya mujur dia keluarkan juga walaupun bukan kawasan dia, untuk kemudahan rakyat di Meru.

Ok dan seterusnya yang terakhir saya nak bangkitkan di sini, dua lagi minta maaf, iaitu di muka surat 232 kod projek 02306 projek menaik taraf saluran di Pekan Meru Daerah Klang yang di peruntukan pada tahun ini RM3.5 juta dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas keprihatinan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan sebegini kepada Meru untuk pembaikan naik taraf saluran yang mana kita sedia maklumlah masalah di Meru ni cukup, cukup berat berkaitan dengan perparitan dan banjir, dan saya juga ingin meminta kerjasama pihak Kerajaan Negeri supaya dapat mendesak pihak Kerajaan Pusat untuk meluluskan kertas kerja untuk rancangan RMK-12 yang telah saya serahkan kepada pejabat Menteri Besar, untuk mendapat peruntukan yang mana untuk di Meru sahaja, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, daripada Jabatan Pengairan, JPS Klang sekurang-kurangnya RM200 juta diperlukan, untuk pembaikan banjir untuk selesaikan masalah banjir di pekan Meru sahaja. Jadi benda ini satu kos yang cukup besar, walaupun peruntukan kalau kita lihat macam RM3 juta itu banyak, RM3.5 juta itu banyak, tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah itu secara total.

Dan yang terakhir saya hendak menyentuh ke muka surat 232, berkaitan dengan, bukan 232, *sorry*, minta maaf. Muka surat 244 kod projek 01021, Baik Pulih, Naik taraf Sekolah Agama. Pada ketika ini kita lihat naik taraf dan baik pulih ini sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan dan saya difahamkan peruntukan ini untuk pembaikan Sekolah Rendah Agama yang mana yang tidak termasuk dalam sumbangan JAIS, tak silap saya macam tu, jadi saya rasa RM500,000.00 ini terlalu sedikit sedangkan banyak sekolah-sekolah agama ini, keadaannya cukup daif. Dan lebih-lebih lagi kita bimbang soal keselamatan anak-anak kita akan terancam, kita tak nak berlaku seperti mana yang berlaku di Lembah Keramat beberapa tahun lepas, disebabkan masalah orang kata yang berlaku kematian dalam kebakaran dan sebagainya. Yang ini perkara yang kita kena ambil prihatin ...oh ada kecemasan pula itu ... dan juga orang kata perkara ini kita kena bagi Kerajaan Negeri perlu mengambil serius dan juga kita bukan sahaja kena menyelesaikan masalah infra, pembaikan dan sebagainya tetapi kita kena sentiasa memeriksa soal keselamatan, pendawaian dan sebagainya supaya tidak berlaku lintar pantas dan sebagainya yang boleh

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

mengancam keselamatan anak-anak kita dan kita sedia maklumlah kebanyakan sekolah-sekolah agama ini, memang keadaannya peruntukannya sumber kewangannya cukup terhad yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan juga saya menyarankan supaya bukan sahaja kita membantu mereka tetapi dalam masa yang sama kita kena memantau supaya keselamatan anak-anak kita yang belajar di sekolah agama ini akan sentiasa terbela dan terpelihara. Itu sahaja, dan saya menyokong perbahasan kita pada kali ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Meru, nampaknya masih ramai lagi. Saya silakan Semenyih.

(Dewan bising dengan gelak)

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan semua, Yang Berhormat iaitu muka surat 233, PK 3 Kod Projek 03001 dan 03002. Iaitu pembangunan Lembangan Sungai iaitu di Semenyih khususnya merupakan kawasan luar bandar yang melibatkan Sungai Semenyih di mana Yang Berhormat maklum, Sungai Semenyih ni sebahagian daripada Lembangan Langat, yang mana kawasan perlukan pemuliharaan dan pemeliharaan sungai, jadi saya harap diberi keutamaan khususnya oleh pihak JPS, Jabatan Parit Saliran supaya dapat wujudkan satu sistem yang lebih teratur di sepanjang Sungai Semenyih khususnya di Beranang dan Semenyih ini, di sepanjang jalan di tebing-tebing sungai ini selain daripada pengukuhan tebatan sungai untuk banjir juga diadakan jalan-jalan pertanian khusus bagi pembangunan kawasan-kawasan pertanian di sepanjang sungai dan pemuliharaan ini dapat diguna pakai bagi para petani untuk kemudah-sampaian pada tempat-tempat khususnya di sepanjang Sungai Beranang dan Semenyih ini. Jadi ini merupakan permintaan yang begitu besar ye, aduan daripada khususnya rakyat di Beranang di mana terdapat pengambilan pasir di Kuala Sungai Pajam dan ini merupakan ada kesan sampingan di mana tebing-tebing sungai ini runtuh dan melibatkan pelebaran sungai yang mana juga melibatkan rumah-rumah yang mungkin di luar kawasan penampakan tetapi hampir kawasan penampakan, ikut 50 meter daripada tengah sungai ke tepi itu. Tetapi biasa banyak aduan datang penjabat, menyatakan rumah dia hampir tepi sungai hampir merobohkan rumah, kita harap benda ini tidak berlaku, tambahan pula di musim monsun ini, kita harap ada perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri supaya peruntukan daripada untuk Jabatan Parit dan Saliran ini diberi keutamaan khususnya di Beranang.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, iaitu muka surat mengenai vot P 01 Menteri Besar dan SUK, muka surat 197, PK 11. Iaitu melibatkan teknologi maklumat dan inovasi. Bagi saya, Selangor ini merupakan negeri yang dah maju dan sekarang ke arah bestari yang mana kita banyak kawasan-kawasan khususnya kawasan pantai, kawasan hutan, kawasan ini kita perlu memelihara, bukan kita menjaga kepentingan dari segi ekonomi dan juga persekitaran yang mampan, jadi kita harap untuk pemantauan banyak permasalahan-permasalahan khususnya Yang Berhormat Pelabuhan Klang menyatakan ada pencerobohan di kawasan paya bakau dan di tempat saya sendiri di Semenyih, dulu timbul apa permasalahan pencerobohan hutan-hutan simpan ini ye, oleh pembalakan-pembalakan haram jadi saya rasa telah sampai masa dan ketikanya aplikasi untuk kita gunakan untuk pemantauan dan penguatkuasaan juga pengawasan kawasan-kawasan ini melalui teknologi iaitu penggunaan dron. Saya rasa penggunaan dron ini, kita perlu disebar luaskan khususnya kepada penggunaan pihak NGO sendiri, yang mungkin

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

banyak terlibat di kawasan Semenyih ye, yang memantau mengenai pencemaran dan sebagainya, rasa saya pihak Kerajaan Negeri...

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Boleh bagi saya mencelah sedikit..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita tidak cukup masa ye Kuang, kita minta Semenyih teruskan.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Jadi saya rasa penggunaan dron ini merupakan teknologi yang terkini saya rasa, tetapi mungkin atas sebab keselamatan saya rasa pihak Kerajaan Negeri belilah dengan kerjasama dengan universiti-universiti awam boleh dipertingkatkan dan melibatkan sama pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya NGO, MPKK sendiri penggerak belia, kerana saya rasa dengan ini pendedahan penggunaan dron yang lebih rasa saya yang lebih, dari segi kos mungkin saya tak apa lah..tapi dari segi penggunaan saya rasa untuk pengawasan, lebih efektif, penggunaan dia lebih, masa rasa saya kita boleh pengawasan, untuk pemantauan penggunaan dron ini boleh diguna sepanjang masa, kerana keadaan, mungkin macam pantai ,kita mungkin mudah sampai dengan kita, fasiliti kita ye dengan izin, mungkin terhad, begitu dengan hutan-hutan simpan di Selangor ini, rasa-rasa kalau diserahkan atau dengan kerjasama dengan badan-badan NGO mahupun pihak berkuasa tempatan ini melibatkan orang ramai, rasa saya kita rasa kita punya persempadanan dan kita punya kawasan-kawasan ini lebih terjamin dan terselamat lagi dan penggunaan tenaga *man power* kita mungkin dapat dicepatkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Semenyih. Seterusnya kita jemput Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya punya bahagian merujuk kepada muka surat 199 Pembangunan P01 PK 17, yang menyentuh tentang projek khas iaitu Kem Tun Ghafar Baba. Kem Tun Ghafar Baba ini, setelah kita mengambil alih Kerajaan Selangor telah diakui oleh mantan Menteri Besar iaitu Sungai Panjang masa itu, bahawa itu adalah tanah yang telah dibayar oleh UMNO katanya, jadi Pusat Budaya Melayu Baru. Tetapi apabila disiasat oleh Dato' Menteri Besar didapati ada beberapa tempat lagi begitu yang tidak digunakan, telah digunakan oleh Parti kegunaan Parti tetapi tidak dibayar apa-apa. Oleh kerana itu, proses pengambilalihan telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan dan telah menjadi satu aset yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan merupakan tanah milik Kerajaan Negeri dengan fasiliti kemudahan yang telah dibina dengan wang Kerajaan Negeri. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan di sini, bahawa dalam muka surat yang dinyatakan itu, kos projek adalah RM2.9 juta, pembayaran RMK-11 RM2.797 juta dinyatakan sudah beres pembayaran tersebut dan saya difahamkan bahawa pembayaran itu adalah dari segi untuk membaik pulih bangunan yang telah dikatakan itu sebagai pusat latihan di bawah EXCO Pendidikan pada masa itu dan kemudian di bawah penyelarasan yang saya tidak jelas sehingga kini. Saya menyentuh perkara ini adalah saya melihat satunya perlunya sinergi yang kita perlu lahirkan perlu kita gerakkan di kawasan tersebut. Sinergi maksud saya tapak dan kemudahan fasiliti yang ada di situ adalah bertaraf nasional, dengan dewan yang besar, asrama yang mencukupi, kemudahan rekreasi, *training*, hutan rimba yang boleh buat latihan-latihan yang cukup berdaya maju, boleh digunakan sebagai satu pusat latihan bertaraf nasional bukan sahaja bertaraf Selangor. Tetapi juga di situ ada kemudahan yang

11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

bertaraf pusat pelancongan yang bertaraf dunia, Zoo Negara. Ada aktiviti-aktiviti kampung yang telah menjadi bertaraf dunia iaitu, *ATV, all train vehicle*, . Sejumlah hampir 100 buah ATV yang dioperasikan oleh tiga empat buah syarikat berada di Kampung Kemensah. Kampung Kemensah juga telah saya pohon untuk dijadikan destinasi rasmi pelancongan di Negeri Selangor. Kita ada Zoo Negara, kita ada Kampung Kemensah, kita ada tapak pusat latihan yang baik, kita ada di situ berdekatan dengan itu warisan dunia yang hendak kita cadangkan sebagai tempat yang kita katakan Permatang Kuartza, dan di keliling itu ada kawasan-kawasan yang menampilkan seni perfileman FINAS dan satu kampung Melayu yang dinamakan oleh P.Ramlee sendiri seperti Kampung Fajar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Klang, kita sambung semula esok dan sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 4.30 petang, dengan ini saya menangguhkan Sesi Perbahasaan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 sehingga hari Selasa, 12 November 2019 bermula jam 10.00 pagi esok. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)